



MALAYSIA

**Hari Rabu
3hb Disember, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9837]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981

Jawatankuasa (Hari Keenam Belas)—

Jadual:

Maksud B. 53 hingga B. 59 [Ruangan 6870-6900]

Maksud B. 63 [Ruangan 6900]

Maksud B. 65 [Ruangan 6922]

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 6869]**

Anggaran Pembangunan, 1981

Jawatankuasa (Hari Keenam Belas)—

Maksud P. 53 hingga P. 59 [Ruangan 6870-6900]

Maksud P. 63 [Ruangan 6900]

Maksud P. 65 [Ruangan 6922]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

” **Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

” **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

” **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**

” **Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- " Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- " Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).

- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- " TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- " TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- " TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- " DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- " TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- " DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- " TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUAN A. K. ALIYUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- " TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- " TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- " TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- " TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- " TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- " TUAN V. DAVID (Damansara).
- " TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- " DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- " DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau),
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- " DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- " TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- " DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- " TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- " DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- " TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- " TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- " TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- " TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- " TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- " DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- " DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- " TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- " TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN MOHD. ALI BIN SHARIFF (Kuantan).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- " TUAN SIBAT MINYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- " TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- " TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- " TENGKU NOOR AISHAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani)
- " TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- " DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- " TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- " PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- " TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Magaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 3hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PELABURAN NEGARA ASING
DI MALAYSIA

1. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah negara asing yang telah melabur di negara ini berikutan dengan lawatan rombongan pelaburan kita ke negara-negara luar baru-baru ini;
- (b) berapa banyakkah wang akan dilabur pada tahun ini dan negara-negara manakah yang telah menyatakan kesanggupan mereka untuk melabur di negara ini dan jumlah pelaburan yang terlibat; dan
- (c) adakah Kementerian ini mempunyai rancangan untuk menghantar rombongan pelaburan ke seberang laut sekali lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari bulan Januari hingga akhir bulan Ogos tahun ini, 15 buah negara telah melabur di Malaysia, negara-negara itu ialah Perancis, Amerika Syarikat, Jerman, Singapura, Jepun, Switzerland, Australia, Hong Kong, United King-

dom, Taiwan, Itali, Kanada, Belgium, New Zealand dan Belanda. Kecuali Taiwan, Seminar-seminar Pelaburan Malaysia telah diadakan di negara-negara tersebut di atas di tahun-tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, para pelabur Taiwan telah menyertai Seminar Pelaburan yang kita telah adakan di Hong Kong dan Singapura.

- (b) Sebanyak 60 projek yang melibatkan pelaburan modal berjumlah M\$442 juta, telah diluluskan daripada 15 buah negara yang tersebut di atas.
- (c) Hasil daripada Rombongan-rombongan galakan pelaburan yang diadakan baru-baru ini dan pada masa-masa yang lepas telah membuktikan bahawa rombongan-rombongan seperti ini adalah merupakan satu cara yang penting untuk menarik lebih banyak pengaliran masuk pelaburan modal dari negara-negara maju. Ia juga telah memberi kesempatan kepada ahli-ahli niaga dari Malaysia yang menyertai rombongan pelaburan ini untuk membuat perhubungan dengan rakan sejawat mereka dan membincangkan projek-projek yang boleh dilaksanakan secara usahasama.

Kementerian saya akan terus mengadakan rombongan-rombongan pelaburan ini tetapi bentuknya mungkin akan berubah mengikut keadaan dan masa. Kita tidak boleh mengharapkan para pelabur datang kepada kita kecuali kita menunjukkan minat kita kepada mereka. Ini adalah merupakan persoalan kecekapan menjual (salesmanship) yang asas yang mana dapat juga digunakan kepada sesuatu keluaran, perkhidmatan atau dalam hal ini iklim pelaburan di negara kita.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa ada 60

pelabur asing berjumlah \$440 juta telah diluluskan di negara ini. Saya ingin bertanya adakah beliau berpuas hati dengan pelaburan tersebut di mana Dasar Ekonomi Baru yang melibatkan penyertaan bumiputra dapat disertakan dan kalau boleh, bolehkah beliau memberitahu berapakah nisbah pelaburan tersebut yang dapat disertai oleh bumiputra.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya sebut tadi \$442 juta ialah angka pelaburan dalam projek yang telah diluluskan. Oleh sebab ia baru diluluskan, pihak Kementerian akan memastikan apabila projek ini dilaksanakan bahawa penyertaan bumiputra sebagaimana yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru kita akan dapat dijalankan bersama apabila projek ini dapat dilaksanakan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebanyak 15 buah negara telahpun menyertai di dalam pelaburan di negara ini. Saya ingin tahu daripada 15 buah itu pelabur daripada negara manakah yang paling banyak sekali melabur di negara ini dan negara mana pula yang paling kurang dan kalau ada di antara yang kurang itu apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil selain daripada mengadakan rombongan-rombongan pelaburan ini untuk menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara yang berkenaan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mana kerana angka untuk tahun ini tidak dapat saya sediakan di sini tetapi kalau angka bagi tahun 1979 saya ada memilikinya dan saya ingin menyatakan bahawa negara yang terbanyak pada tahun lalu yang melabur di Malaysia dari segi angka projeknya ialah Jepun iaitu sebanyak 22 projek manakala dari segi jumlah ringgit pelaburannya ialah United Kingdom berjumlah \$126.3 juta dan bagi pelaburan seluruh yang ditarik hasil daripada Misi Pelaburan bagi tahun 1979 ialah \$624.4 juta.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seminar-seminar pelaburan yang sentiasa diadakan oleh pihak Kementerian, saya suka bertanya sejauh manakah seminar-seminar pelaburan itu telah dapat mencapai kejayaan yang lebih besar

tentang menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini dan adakah kesulitan-kesulitan ditimbulkan dalam seminar-seminar itu dan jika ada, apakah kesulitan-kesulitan itu dan bagaimana pihak Kementerian bertindak untuk mengatasinya.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, saya ingin menyatakan bahawa sejauh mana kita telah dapat menarik pelabur-pelabur daripada seminar-seminar kita, saya telah menyatakan sebanyak 60 projek bernilai \$442 juta telahpun kita tarik daripada Misi Pelaburan di mana seminar-seminar telah kita adakan di berbagai negara.

Bagi menjawab soalan yang kedua pula, ingin saya menyatakan bahawa soalan-soalan yang ditimbulkan biasanya dalam seminar-seminar ini ialah soalan-soalan yang berkaitan dengan pelaburan di negara kita, misalnya, soal kos buruh, masalah imigrasi, masalah keluarga mereka datang di sini tinggal bersama-sama suaminya yang bekerja dan lain-lain soalan yang serupa.

Bagi masalah-masalah ini, saya rasa pihak Kementerian memang sedar dan kita sentiasa sahaja mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh pelabur-pelabur tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa lebih daripada \$400 juta akan dilaburkan dalam projek-projek yang telah diluluskan pada tahun ini. Soalan saya adakah semua jumlah wang sebanyak \$400 juta ini akan dibawa masuk dari luar negeri atau sebagai sering berlaku setakat ini hanya sebahagian kecil sahaja wang ini akan dibawa masuk dan yang lainnya akan dipinjam dari bank-bank dalam negeri berdasarkan feasibility projek-projek yang berkenaan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Mengenai soalan saudara kita dari Kulim-Bandar Bahru, adalah menjadi tradisi mana-mana syarikat perniagaan atau pelabur untuk mengabungkan sumber-sumber

keuangan dalam negeri dan juga dari luar negeri. Sama ada berapa banyak syarikat-syarikat ini akan meminjam di dalam atau di luar negeri saya rasa terpulang kepada budibicara dan kebijaksanaan pelabur masing-masing.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu banyak misi-misi perdagangan yang telah dihantar ke luar dari Malaysia tidakkah ini mencerminkan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di Luar Negeri kita kerjanya tidaklah begitu berkesan dan apakah sebenarnya peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, peranan utama Pesuruhjaya Ekonomi kita di luar negeri ialah untuk mengetahui perkembangan ekonomi di negara-negara lain dan kemudian maklumat ini disampaikan kepada kita untuk tindakan yang sesuai. Walau bagaimanapun, bidang tugas Pesuruhjaya Ekonomi kita di luar negeri juga ialah sebagai complementary dan supplementary kepada rombongan-rombongan pelaburan yang kita adakan kerana dengan mengabungkan pengetahuan dan perkhidmatan daripada Pesuruhjaya Ekonomi kita di luar negeri dan matlamat rombongan ke luar negeri kita dari segi pelaburan ini maka kita rasa kedua-dua telah memberi keyakinan yang lebih kepada pelabur-pelabur di negeri itu untuk datang ke negara kita dan melabur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hiew Nyuk Ying.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Hiew Nyuk Ying tidak hadir)

MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN— NEGARA-NEGARA PESERTA

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada jemputan Musabaqah Al-Quran dipanjangkan ke negara-negara seperti China, Soviet Russia, Yugoslavia, United Kingdom, Australia dan lain-lain lagi supaya merapatkan lagi salatullah di antara negara-negara bukan Islam yang banyak rakyatnya beragama Islam dengan negara-negara Islam dan jika tidak mengapa.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, jemputan untuk menyertai musabaqah Al-Quran yang dibuat di atas asas di antara Kerajaan dengan Kerajaan adalah berpandukan kepada kriteria-kriteria sebagaimana berikut:

- (a) kepada semua negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam.
- (b) kepada negara-negara jiran yang mempunyai jumlah penduduk Islam yang ramai dan menyatakan hasrat mereka untuk menyertai musabaqah itu.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi Jawatankuasa Penganjur Kebangsaan bolehlah membuat keputusan tentang negara-negara manakah yang patut dijemput di dalam satu-satu tahun. Terpulanglah kepada Jawatankuasa tersebut menimbang mana-mana negara yang terkeluar daripada golongan yang telah saya sebutkan itu yang diikrarkan sesuai untuk dijemput.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya rjemak-lumkan bahawa negara-negara yang mengambil bahagian di dalam Musabaqah Membaca Quran dalam tahun 1980 berjumlah 22 negara iaitu Malaysia, Singapura, Filipina, Brunei, Thailand, Indonesia, Sri Lanka, Bangladesh, Pakistan, India, Turkey, Jordan, Iran, Iraq, Emirates Arab Bersatu, Saudi Arabia, Syria, Kuwait, Guinea Bissau, Mesir, Belanda dan Algeria.

Adalah negara-negara yang dijemput berjumlah 49 semuanya peserta yang mengambil bahagian 33 orang terdiri daripada 22 qari dan 11 qariah.

Suka saya menyatakan lagi iaitu jemputan kepada negara-negara komunis adalah tidak digalakkan oleh kerana ianya mungkin akan menimbulkan keraguan dan salah anggapan di dalam negeri tentang ideologi komunis yang anti ugama dan keduanya negara-negara komunis itu akan menggunakan penyertaan mereka dalam musabaqah untuk menimbulkan propaganda bahawa kebebasan beragama wujud atau dibenarkan wujud di bawah pemerintahan komunis.

Kedua, Yugoslavia pernah dijemput sekali apabila ia menyatakan keinginannya berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas jemputan bagi musabaqah-musabaqah berikut telah tidak dibaharui.

Ketiga, sepajang yang diketahui negara-negara United Kingdom, Australia dan lain-lain belum lagi menyatakan keinginan untuk dijemput menyertai musabaqah.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyetujui bahawa negara-negara komunis tidak patut dipelawa dalam masalah pertandingan musabaqah Al-Quranulkarim. Walau bagaimanapun, soalan saya, apakah pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak boleh memikirkan untuk mencari jalan mempelawa pembaca-pembaca Al-Quran dari United Kingdom, dari Australia, dari New Zealand dan juga dari Korea Selatan yang jelas kepadatan masyarakat Islam di sana. Dengan cara demikian mungkin akan dapat menolong mengembangkan ajaran Islam di negara-negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri iaitu setengah daripada negara itu tidak menyatakan keinginan hendak mengambil bahagian. Ada hendak tambah lagi Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Pantii.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada masa yang lain banyak terdapat negara-negara yang menyertai musabaqah dan tahun-tahun berikutnya tidak masuk lagi. Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri mengadakan siasatan apakah sebab musabab yang mereka tidak datang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong sebutkan negeri yang mana.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Seperti Maldives dan Tukey.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebab mereka tidak datang itu mungkin ada masalah mereka sendiri.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada negara-negara yang datang mengikut musabaqah membaca Al-Quran adakah mereka ini

datang perbelanjaan negara masing-masing selain daripada yang diambil sebagai saguhati mereka yang menjadi johan dan sebagainya ataupun kesemuanya dibiayai oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kalau ditimbangkan adalah di luar daripada soal asal. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab silakan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, setengah perbelanjaan yang penting ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh. Tidak ada.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

SAWAH PADI DI KELANTAN

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah dan tindakan berkesan Kerajaan bagi mengatasi masalah sawah padi di Kelantan yang semakin hari semakin buruk (tidak diusahakan). Berapakah keluasan sawah padi di tiap-tiap jajahan (daerah) di negeri itu yang ditanam dan yang tidak ditanam padi bagi tahun 1978 dan 1979. Nyatakan keperluan beras dari luar negeri untuk menampung kekurangan beras di negeri itu tiap-tiap tahun bagi tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa sangkaan berkenaan sawah padi di Kelantan semakin hari semakin buruk adalah tidak benar. Sebaliknya usaha-usaha telah dan sedang dijalankan seperti Projek KADA dan Kelantan Utara yang sudahpun berjaya menanam padi dua musim lebih daripada 80% jumlah kawasannya.

Keluasan sawah padi di tiap-tiap jajahan di negeri Kelantan yang ditanam dan yang tidak ditanam dengan padi tahun 1978 dan 1979 adalah seperti berikut:

<i>Jajahan</i>	<i>Ditanam Padi</i>	<i>Yang tidak ditanam Padi</i>	<i>% ditanam Padi</i>
Kota Bharu	27,965 ekar	1,913 ekar	63.6%
Pasir Mas	10,935 ..	4,184 ..	72.3%
Pasir Puteh	4,296 ..	4,832 ..	47%
Tumpat	12,251 ..	2,940 ..	80.6%
Bachok	9,809 ..	1,118 ..	89.8%
Machang	388 ..	32 ..	92.4%
Tanah Merah... ..	2,030 ..	975 ..	67.6%
Kuala Krai	96 ..	—	100%
Ulu Kelantan	—	—	—

Itu bagi musim pertama tahun 1978. Bagi musim pertama tahun 1979 pula :

<i>Jajahan</i>	<i>Ditanam Padi</i>	<i>Yang tidak ditanam Padi</i>	<i>% ditanam Padi</i>
Kota Bharu	28,200 ekar	1,698 ekar	64.3%
Pasir Mas	11,121 ..	1,698 ..	70.3%
Pasir Puteh	4,583 ..	4,595 ..	49.9%
Tumpat	20,279 ..	7,849 ..	72.1%
Bachok	10,324 ..	603 ..	94.5%
Machang	340 ..	80 ..	80.9%
Tanah Merah	2,705 ..	300 ..	90%
Kuala Krai	556 ..	—	100%
Ulu Kelantan	—	—	—

Itu perangkaan musim pertama tahun 1979. Bagi musim kedua pula tahun 1978 :

<i>Jajahan</i>	<i>Ditanam Padi</i>	<i>Yang tidak ditanam Padi</i>	<i>% ditanam Padi</i>
Kota Bharu	74,824 ekar	3,199 ekar	91.6%
Pasir Mas	39,019 ..	4,035 ..	90.6%
Pasir Puteh	32,115 ..	953 ..	97.1%
Tumpat	19,802 ..	8,326 ..	70.4%
Bachok	20,934 ..	2,676 ..	88.7%
Machang	12,180 ..	—	100%
Tanah Merah	10,285 ..	3,096 ..	76.9%
Kuala Krai	1,326 ..	400 ..	76.8%
Ulu Kelantan	290 ..	510 ..	36.2%

Bagi musim kedua pula bagi tahun 1979, kawasan yang ditanam dengan padi adalah seperti berikut:

<i>Jajahan</i>	<i>Ditanam Padi</i>	<i>Yang tidak ditanam Padi</i>	<i>% ditanam Padi</i>
Kota Bharu	34,512 ekar	3,511 ekar	90.8%
Pasir Mas	36,390 ..	7,612 ..	84.5%
Pasir Puteh	30,200 ..	2,868 ..	91.3%
Tumpat	21,400 ..	7,124 ..	94.7%
Bachok	10,665 ..	9,945 ..	55.2%
Machang	11,760 ..	420 ..	96.6%
Tanah Merah	10,381 ..	3,286 ..	77.6%
Kuala Krai	928 ..	798 ..	53.7%
Ulu Kelantan	685 ..	115 ..	85.6%

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan mengenai pengeluaran dan penggunaan beras di Kelantan bagi tahun 1978 hingga 1980 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Penggunaan Beras</i>	<i>Pengeluaran Beras</i>	<i>Lebih Pengeluaran</i>
1978	101,232 tan	140,330 tan	39,098 tan
1979	103,965 tan	142,620 tan	38,655 tan
1980	106,772 tan	140,976 tan	34,204 tan

Dari perangkaan tersebut jelaslah bahawa pengeluaran padi negeri Kelantan adalah melebihi penggunaan. Dari itu keperluan beras dari luar negeri untuk menampung kekurangan beras di negeri Kelantan bagi tahun-tahun tersebut adalah tidak timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap jawapan kepada pertanyaan yang panjang seperti ini lain kali hantar dengan bertulis sahaja.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai jajahan Pasir Puteh kurang daripada 50% sahaja tanah yang diusahakan pada dua tahun iaitu tahun 1978 dan 1979, apakah sebab-sebabnya. Demikian juga daerah Bachok pada tahun 1980 begitu merosot sekali jika dibandingkan dengan tahun 1978 dan 1979.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bagi Jajahan Pasir Puteh dan Bachok kawasan yang tidak ditanam itu ialah kawasan yang tidak ditanam dengan padi. Ini bukan bermakna kawasan itu tidak ditanam dengan apa-apa tanaman langsung, malah perangkaan yang saya baca yang tidak ditanam itu adalah ditanam dengan tembakau, kacang tanah, dan lain-lain seperti sayur-sayoran. Cuma angka itu tidak ditanam dengan padi tetapi ditanam dengan bahan-bahan seperti mana yang telah saya nyatakan iaitu kacang tanah, tembakau dan juga sayur-sayoran.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya orang Pasir Puteh tidaklah jenis yang malas walaupun tanahnya tidak ditanam, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tanah padi yang tidak ditanam dengan padi itu kerana tanah itu tidak dapat ditanam dengan padi disebabkan airnya bertakong terlampau banyak dan

tanahnya masam kelat. Jadi soalan saya, apakah langkah segera yang akan diambil oleh pihak pertanian supaya tanah-tanah yang masam kelat dan juga tanah yang bertakong air itu dapat ditanam dengan padi, tanah itu dinamakan tanah padi tetapi tidak boleh ditanam padi.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebahagian besar daripada tanah yang tidak ditanam dengan padi alalah oleh kerana tanah itu tinggi sedikit maka tidak dapat ditanam dengan padi, maka itulah sebabnya pak-pak tani di situ menggunakan tanah itu menanam tembakau ataupun kacang tanah dan juga sayur-sayoran. Walau bagaimanapun, saya sedar ada juga sedikit-sedikit kawasan yang mana berlaku seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, ini memang disedari dan tindakan-tindakan sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kenyataan Timbalan Menteri Pertanian mengatakan negeri Kelantan mengeluarkan beras iaitu melebihi daripada yang digunakan dalam negeri, kalau begitu, kenapakah masih terdapat penyeludupan beras daripada Thailand ke Kelantan?

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut soalan itu keluar sedikit daripada soalan asal tetapi barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan penyeludupan adalah soal lain daripada soalan asal.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi kemungkinan tanah-tanah yang tidak diusahakan dengan padi itu ditanam dengan tanaman lain. Soalan saya, adakah menjadi dasar Kementerian Peratanian untuk membenarkan tanah-tanah padi ditanam dengan tanaman lain seperti tembakau atau sebagainya walaupun tanah-tanah itu terdapat di kawasan KADAR umpamanya.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian ialah untuk kawasan padi ditanam dengan padi. Walau bagaimanapun, ada terdapat di setengah-setengah tempat oleh kerana sebab datar tanah itu tinggi rendah, berbukit dan sebagainya maka tidak dapat tanah itu ditanam dengan padi di kawasan-kawasan tersebut maka Kementerian Pertanian menggalakkan kawasan-kawasan itu ditanam dengan tanaman yang mendatangkan hasil seperti tembakau, kacang tanah, sayur-sayoran dan juga lain-lain tanaman. Walau bagaimanapun, memanglah pak-pak tani kalau boleh mereka ingin hendak bertanam tembakau kerana ini mendatangkan pendapatan (income) yang lebih daripada padi. Walau bagaimanapun seperti mana yang telah saya nyatakan tadi di kawasan padi seperti KADAR, Kementerian Pertanian menggalakkan menanam padi dan bukan tanaman-tanaman yang lain kecuali di tempat-tempat yang mana padi tidak dapat ditanam oleh kerana sebab-sebab yang tertentu.

MAHKAMAH SYARIAH—HUKUMAN MAKSIAT

6. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada di dalam menjalankan usaha-usaha menghapuskan maksiat khususnya di kalangan orang-orang Islam seperti khalwat dan lain-lainnya pihak berkenaan yang menjalankan tugas tidak memilih bulu atau kedudukan seseorang yang bersalah itu. Dan nyatakan apakah jenis-jenis maksiat yang tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah dan apakah jenis-jenis maksiat yang tidak tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menguatkuasakan undang-undang sama ada Undang-undang Khalwat ataupun undang-undang lain, Kerajaan tidak ada membezakan di antara orang biasa atau orang kenamaan, semuanya dikenakan tindakan yang sama rata sebagaimana yang dikehendaki oleh Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dengan izin:

"All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law".

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Mahkamah Syarak bertanggungjawab menjalankan keadilan manakala menghukum sesuatu kes.

Tentang maksiat-maksiat yang terletak di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah, Ahli Yang Berhormat itu bolehlah mengkaji Enactment Pentadbiran Hukum Syariah yang berkenaan. Perlu ditegaskan bahawa pihak berkuasa ugama negeri-negeri dalam Enactment Pentadbiran Hukum Syarak ada menentukan kedudukan maksiat-maksiat yang termasuk atau tidak dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang berkenaan. Secara ringkas bolehlah dinyatakan bahawa segala jenis perhubungan seks di antara perempuan dan lelaki yang bukan suami isteri dari khalwat hingga persetubuhan haram adalah tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya berkhawat ini terjadi ialah di antara orang-orang Islam dengan Islam yang dibawa ke Mahkamah Syariah dan ada juga terjadi di antara orang Islam dengan bukan Islam. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah cara-cara yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan secara tertentu mengenai masalah khalwat ini, jika yang berkhawat itu yang perempuannya Islam, yang lelaki bukan Islam; contohnya kita kata yang perempuan Islam Melayu dan yang lelaki bukan Islam—orang India, bagaimana hukumannya?

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini jadi relevant kerana disebut di bawah Fasal 8 Perlembagaan tadi.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kes mengenai khalwat antara perempuan Islam dengan lelaki yang bukan Islam, ini telah menimbulkan beberapa problem di dalam Mahkamah Syarak. Jadi tindakan telah diambil untuk dikaji bagaimana caranya hendak menghukum kes seumpama ini kerana kita harus memandang kepada Constitution yang ada dalam negara kita ini. Dan soal ini adalah satu soal yang sangat rumit yang harus dikaji secara mendalam sebelum diadakan

undang-undang hudud dan sebagainya dalam mahkamah syarak dan pihak Kerajaan sedang membuat kajian ini dan belum selesai minang untuk dia.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak, Yang Berhormat dari Menglembu itu sangat berminat kepada hukum syariah ini, adakah pihak yang berkenaan itu ingin masuk ugama Islam, kalau ingin, bolehlah kita tolong minang untuk dia.

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar sekali daripada soalan asal (*Ketawa*).

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari soalan Ahli Yang Berhormat dari DAP seolah-olah menggambarkan masyarakat Islam banyak membuat maksiat. Jadi soalan saya bahawa telahpun ada negeri yang sedang membuat satu peraturan Islam yang boleh menghukum di antara orang Islam dan bukan Islam. Adakah Yang Berhormat Menteri akan mengambil contoh supaya undang-undang itu diimplimentkan di semua negeri?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah maklumkan sekejap tadi iaitu Kerajaan sedang mengkaji sedalam-dalamnya masalah ini kerana ini adalah masalah yang sangat sensitif dan ia juga kena-mengena dengan Perlembagaan (Constitution) itu sendiri.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa hukuman-hukuman yang telah dikenakan kepada pasangan-pasangan yang berkhawat ini kadangkala tidak adil oleh kerana mereka yang berkhawat ini kadangkalanya seorang lelaki yang kaya misalnya dan seorang perempuan yang miskin dan apabila dikenakan denda, misalnya, \$300 yang lelaki boleh membayar denda tetapi yang perempuan tidak dapat membayar denda dan terus dimasukkan ke penjara. Memandangkan bahawa hukuman di bawah khalwat ini adalah satu deterrent ataupun

pengecahan, adakah Kementerian ini bercadang untuk memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri supaya mereka yang ditangkap berkhawat ini terus dipenjarakan sehari, sebulan atau sebagainya dan tidak lagi dikenakan denda.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan perkara kaya dengan miskin, perkerjaan ini sama sahaja (*Ketawa*).

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peraturan sudah wujud pihak mahkamah tidak dapatlah hendak buat semena-mena sahaja dalam menamatkan hukuman satu-satu kes yang dihadapi kepada mereka melainkan peraturan itu dikaji semula dan ditambah hukuman-hukuman yang lebih berat kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat minat dalam soal ini (*Ketawa*). Dua Ahli Yang Berhormat sahaja lagi yang belum dapat bertanya hari ini. Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa istilah khalwat itu sendiri adalah satu istilah yang tidak tepat. Dalam Bahasa Arab kalau tak salah saya makna khalwat ialah bersendirian, jadi kalau sudah berdua-duaan tidak lagi bersendirian. Jadi adakah istilah yang suci dari segi ugama Islam ini mahu ditukar kepada istilah yang boleh menggambarkan kekotoran perbuatan orang lelaki dan perempuan yang tidak bernikah itu duduk berdua-duaan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, khalwat itu merupakan satu istilah yang sudah lama dipakai dan sudah dapat memberi pengertian bahawa kalau kes-kes orang yang berkenaan itu ditangkap maka dengan sendirinya orang itu ada hubungan seks di antara lelaki dengan perempuan itu.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui apakah sebab-sebabnya maka Kementerian mengambil begitu lama masa untuk mengkaji daripada segi Perlembagaan kerana perkara ini melibatkan orang bukan Islam

sedangkan di dalam masalah perbicaraan di bawah Peraturan Darurat, perkara yang begitu penting kita boleh pinda undang-undang itu dengan masa yang tidak begitu lama kerana kita tahu kepentingannya. Adakah perkara ini dianggap oleh Menteri yang berkenaan kurang penting daripada perkara keselamatan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan undang-undang khalwat ini dari segi Islam amat penting. Sebagaimana yang saya katakan tadi oleh kerana masalah khalwat ini adalah satu masalah yang sangat rumit, tidaklah seperti mana masalah keselamatan dan berkehendak kepada kajian yang mendalam dan pandangan-pandangan yang menyeluruh berkenaan dengan keadaan yang wujud dalam tanahair kita sendiri. Oleh sebab itu, kajian yang telah dibuat itu mengambil masa sedikit dan mungkin perkara ini akan dibawa sekiranya sudah beres dibincangkan secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Ahli-ahli Yang Berhormat (*Ketawa*).

DISIPLIN DI SEKOLAH-SEKOLAH

7. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak mengadakan satu peraturan yang lebih ketat dan mengarahkan Guru Besar melaksanakannya mulai daripada sekolah rendah, dengan tujuan supaya murid-murid tidak melanggar disiplin.

Timbalan Menti Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kementerian saya belum bercadang hendak mengadakan satu peraturan yang lebih ketat dan mengarahkan Guru Besar untuk melaksanakan mulai dari sekolah rendah dengan tujuan supaya murid-murid tidak melanggar disiplin.

Pada pandangan Kementerian Pelajaran, peraturan-peraturan yang telah sedia ada sekarang adalah dianggap telah cukup ketat dan dapat mengawal disiplin dengan baiknyaa.

HARGA KERTAS—KENAIKAN

8. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah/akan diambil bagi mengatasi kesulitan orang ramai berikutan kenaikan harga kertas baru-baru ini, nyatakan juga perbandingan kenaikan harga kertas sejak tahun 1977 hingga sekarang.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti apa jenis kertas Yang Berhormat maksudkan oleh kerana terdapat banyak jenis kertas seperti kertas cetak, kertas tulis, craftliner board, chipboard dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Malaysia mengimport lebih daripada 90% keperluan kertasnya. Oleh kerana itu harga kertas bergantung kepada harga di pasaran dunia.

Kedudukan harga CIF kertas cetak gred sederhana semetrik tan yang diimport dari Negeri Jepun adalah seperti berikut:

Tahun 1977	\$1,546
1978	\$1,599
1979	\$1,736
1980	\$1,945

(Oktober)

Dari keterangan di atas boleh dilihat bahawa sejak tahun 1977 harga kertas cetak gred sederhana telah naik sebanyak \$399 setan metrik. Ini merupakan kenaikan harga kira-kira 26% dalam masa 4 tahun.

Saya tidak menganggap kenaikan sebagai satu kesulitan memandangkan bahawa kos pengeluaran dan kos pengangkutan telah naik dengan tinggi berikutan dengan kenaikan harga minyak. Walaupun harga kertas telah naik saya difahamkan bekalannya boleh diperolehi tanpa kesulitan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kertas tidak tertakluk sebagai satu barang kawalan dan berdasarkan perkara di atas tidaklah perlu untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengawal kenaikan harganya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menarik balik cukai tokok sebanyak 5% ke atas kertas cetak quoted and unquoted yang diimport mulai 12hb Jun, 1980.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa peratuskah daripada jumlah kertas yang digunakan di negara ini dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan dan yang diimport daripada luar negeri.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu 90% daripada keperluan negara ini bergantung daripada yang diimport dan hanya 10% yang kita keluarkan sendiri untuk kegunaan tempatan.

GERABAK KERETAPI TANAH MELAYU YANG TERBALIK

9. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar kerap berlaku gerabak-gerabak keretapi terbalik disebabkan landasannya yang berhampiran dengan kawasan lombong; jika sedar, adakah beliau bercadang supaya landasan keretapi yang berhampiran dengan lombong akan dipindahkan landasannya ke kawasan-kawasan yang lebih selamat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, menurut maklumat dan siasatan yang telah dijalankan oleh keretapi Tanah Melayu, tidak terdapat berlakunya gerabak-gerabak terbalik disebabkan oleh ketidak mantapan tanah dan landasan keretapi yang berhampiran dengan kawasan lombong.

DADAH—MEMBEKAL DAN MENYALAHGUNAKAN

10. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa kegiatan membekal dan menyalahgunakan dadah masih lagi bermaharajalela dan telah menjadi penyakit masyarakat terutama belia dan beliawanis, dan jika sedar apakah langkah Kerajaan yang lebih berkesan yang akan diambil bagi tahun-tahun yang akan datang mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta bagi menjawab soalan ini telah saya berikan sewaktu menjawab soalan dan soalan-soalan tambahan yang begitu banyak bagi soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 16hb Oktober, 1980.

Hanya satu sahaja langkah tambahan yang baru yang berlaku sejak soalan itu ditimbulkan, iaitu dengan adanya pada 1hb Disember, 1980 satu mesyuarat yang dihadiri oleh Ketua-ketua Agensi-agensi dari 26 buah negara, agensi-agensi bagi pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan narkotik bagi kawasan Wilayah Timur Jauh dan keputusan-keputusan bagi persidangan ini hanya dapat diketahui apabila persidangan ini berakhir nanti.

Saya tidak ada benda baru yang dapat saya beri sebagai tambahan kepada jawapan itu.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana beberapa isu lain telah timbul maka isu dadah ini seolah-olah sudah reda sedangkan kegiatan dadah tak reda sebenarnya. Soalan saya adakah Kementerian akan membuat satu pindaan undang-undang supaya penagih itu sendiri dapat dihukum kerana di masa yang lepas pengedar sahaja yang dihukum dan penagih dibawa ke pusat pemulihan. Jadi adakah penagih itu juga akan dihukum sekali.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, sejak masalah dadah ini dianggap bukan lagi sebagai masalah sosial, tetapi sebagai masalah keselamatan dan ianya ada bahagian di Jabatan Polis yang mengendalikan urusan dadah ini, maka perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang akan dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian tidak memandang satu isu lebih berat dari isu yang lain pada mana-mana waktu. Kita memandang semua masalah pada semua masa sama berat.

PELARIAN FILIPINA DITEMBAK MATI OLEH POLIS

11. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar pada 17hb Jun, 1980 seorang pelarian Filipina ditembak mati oleh Polis di bandar Sandakan berdekatan dengan pasar; jika benar, apakah yang menyebabkan kejadian itu berlaku dan adakah pelarian-pelarian Filipina yang ditangkap berhubung dengan kes tersebut akan didakwa dalam mahkamah undang-undang, jika tidak, mengapa dan bolehkah beliau memberikan jaminan kepada rakyat Sabah iaitu kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini berlaku berpunca dari satu tindakan bersama antara pihak Polis dan Penguatkuasa Lembaga Bandaran Sandakan untuk menghalang penjaja atau peniaga menjalankan perniagaan mereka di tempat larangan menjaja.

Seorang dari pelarian Filipina telah cuba menghalang tindakan oleh pihak berkuasa tersebut dan telah berlakulah satu pergelutan Berikutan dari itu pelarian Filipina ini bersama 10 rakannya telah bertembung dengan 3 orang anggota Polis. Salah seorang dari pelarian Filipina ini telah mengacukan pistol kepada anggota-anggota Polis. Tanpa berlengah-lengah lagi seorang anggota Polis telah melepaskan tembakan dan terkena salah seorang pelarian Filipina yang terus meninggal dunia di tempat kejadian itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes tersebut telahpun dirujuk kepada Yang Arif Peguam Kanan Persekutuan Sabah untuk keputusan beliau. Kejadian yang telah berlaku adalah satu kejadian yang terpercil dan ianya tidak mengancam ketenteraman awam.

PENEROKA FELDA MELANGGAR PERATURAN

12. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah tindakan yang dikenakan kepada peneroka-peneroka yang melanggar aturan peraturan FELDA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap peneroka adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana yang terkandung dalam surat perjanjian yang ditandatangani oleh peneroka semasa mereka masuk menyertai rancangan dan juga lain-lain peraturan yang ditetapkan oleh FELDA dari semasa ke semasa. Peneroka-peneroka yang melanggar peraturan ini dikenakan tindakan tatatertib terhadap mereka bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Jika sekiranya kesalahan yang dilakukan kesalahan jenayah atau mengancam ketenteraman ataupun menghalang kemajuan perancangan, peneroka yang berkenaan mungkin dikenakan tindakan penyingkiran. Namun demikian, sebelum sebarang tindakan diambil, kes-kes peneroka itu akan disiasat dan dipertimbangkan dengan teliti oleh Jawatankuasa Tatatertib Peneroka di peringkat rancangan, peringkat wilayah dan juga di peringkat ibu pejabat.

Jawatankuasa Tatatertib di peringkat rancangan dan di peringkat wilayah adalah terdiri dari pegawai-pegawai FELDA dan ketua-ketua peneroka. Pada kebiasaannya nasihat dan amaran akan diberi kepada peneroka-peneroka yang bersalah. Tindakan penyingkiran terhadap mereka tidaklah dibuat dengan sewenang-wenangnya tetapi ditimbang dengan seadil-adilnya sebelum tindakan seumpama itu diambil.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu di antara beberapa projek FELDA yang telah diberi hakmilik tanah kepada peneroka-peneroka yang berkenaan, apakah perjanjian di antara peneroka-peneroka dan FELDA sewaktu mula memasuki FELDA itu masih berkuatkuasa, dan kalau ya, apakah setakat hari ini pernah wujud sebarang tindakan yang diambil oleh pihak FELDA terhadap peneroka-peneroka di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya minta Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kedapatan beberapa kawasan FELDA yang telah diberi hakmilik tanah kepada peneroka-peneroka berkenaan. Soalan saya, apakah setelah hakmilik ini diberikan

kepada peneroka-peneroka berkenaan, perjanjian sewaktu peneroka-peneroka mulai memasuki rancangan di antara peneroka dengan FELDA ini masih berkuatkuasa. Kalau ya, apakah setakat hari ini terdapat sebarang tindakan yang telah diambil oleh FELDA terhadap peneroka-peneroka yang berkenaan?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa satu sebab utama mengapa kerap berlakunya perselisihan ataupun penentangan beberapa peneroka-peneroka terhadap peraturan-peraturan di dalam FELDA ialah kerana terdapatnya suatu sistem pemilihan ketua-ketua dan peneroka-peneroka di dalam FELDA ini atau JKRRnya yang boleh dianggap tidak begitu bersesuaian dalam keadaan sistem FELDA yang terlalu besar sekarang ini. Saya ingin tahu sekiranya sedar, apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem ini dan juga mengadakan satu sistem yang lebih demokratik supaya mengurangkan ataupun menghapuskan masalah-masalah yang dibangkit berkenaan dengan masalah peneroka FELDA?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh itu bukanlah menjadi satu faktor yang terpenting menyebabkan berlakunya beberapa perkara yang tidak diinginkan yang boleh membawa kepada penyingkiran peneroka-peneroka. Walau bagaimanapun, sebenarnya pihak Kementerian sedar akan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu dan usaha-usaha untuk hendak mengemaskinikan lagi JKRR sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang sedang dalam peringkat kajian dan jika perlu perubahan-perubahan akan dijalankan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hingga setakat hari ini berapa orangkah antara peneroka-peneroka di FELDA yang telah melanggar aturan peraturan FELDA ini yang disingkir daripada rancangan dan berapa orang pula yang diterima balik kalau mereka membuat rayuan?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat seramai 2,765 orang peneroka-peneroka yang disingkirkan dari rancangan-rancangan FELDA. Penyingkiran ini adalah disebabkan meninggalkan rancangan, iaitu tidak menetap di rancangan, menarik diri dengan sukarela dan tindakan tatatertib yang diambil oleh pihak FELDA. Dalam kes tindakan tata-tertib hanya terdapat seramai 70 orang peneroka yang telah disingkirkan dari rancangan.

Mengenai dengan jumlah mereka yang merayu untuk dipertimbangkan, ini saya minta notis.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa kes-kes disiplin termasuk pemecatan ditimbang oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan dalam FELDA. Saya ingin tahu adakah seseorang yang akan dipecat itu berhak membela dirinya masuk membawa seorang lawyer sekiranya beliau mendapati bahawa tuduhan yang dikenakan ke atasnya itu tidak benar? Adakah peluang untuk beliau membawa lawyer berhujah bagi pihaknya?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu memang kita jalankan.

PERPUSTAKAAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

13. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat perpustakaan di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang tidak mempunyai walaupun sebuah buku dalam Bahasa Malaysia. Kalau ya, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh beliau supaya buku-buku dalam Bahasa Malaysia disimpan di perpustakaan di sekolah-sekolah tersebut.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyiasatan Kementerian Pelajaran, semua sekolah jenis kebangsaan yang berkenaan pernah membeli dan mendapat secara percuma bahan bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia. Yang berbeza

di antara sebuah sekolah dari yang lain satu ialah bilangan bahan yang dimilikinya serta cara bahan itu disimpan; ada sekolah yang menyimpan bahan itu di perpustakaan pusat; ada yang menyimpannya di bilik darjah; dan ada yang mengedarkan bahan bacaan itu kepada kelas-kelas untuk pinjaman kepada murid-murid.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk menggalakkan semua sekolah menyediakan bahan bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia. Dalam hubungan ini langkah-langkah berikut telah dan sedang dijalankan:

- (i) Memberi bantuan wang kepada sekolah-sekolah untuk membeli buku-buku perpustakaan.
- (ii) Dari masa ke masa Pengelola-pengelola Perpustakaan Negeri, Jemaah Nazir Sekolah dan Pengelola-pengelola Sekolah di Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing ada membuat lawatan ke sekolah-sekolah untuk menyedia dan memberi nasihat, antara lain, tentang panyediaan bahan bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia di Perpustakaan.
- (iii) Menyusun dan mengedarkan dari masa ke masa senarai-senarai buku bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia sebagai panduan pemilihan dan pembelian buku untuk perpustakaan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukurlah kalau semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan sudah terdapat buku-buku dalam Bahasa Malaysia. Soalan saya kira-kira dua bulan lepas terdapat dalam liputan akhbar kenyataan oleh Pengarah Pelajaran Negeri Johor mendakwa terdapat perpustakaan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan tidak kedapatan buku-buku dalam Bahasa Malaysia. Soalan saya selanjutnya sekiranya pendapat Pengarah Pelajaran tersebut tidak benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membetulkan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh seorang Pegawai Pelajaran di bawah Kementerian beliau?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya akan siasat.

GULA—HUKUMAN PENYOROKAN

14. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab berlaku kesukaran untuk mendapatkan gula di seluruh negara dan sama ada kesulitan ini disebabkan negara ini benar-benar kekurangan gula atau akibat penyorokan bahan ini oleh peniaga-peniaga dengan harapan mendapat keuntungan besar dengan kenaikan harga gula serta nyatakan bilangan mereka yang ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana menyorok gula.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah hampir sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 14hb Oktober, 1980 dan juga soalan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 23hb Oktober, 1980 di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telahpun memberi jawapannya. Saya tidak berhajat untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Pantii.

BIRO MAKLUMAT NEGARA

15. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang menubuhkan sebuah badan bernama "BIRO MAKLUMAT NEGARA" yang boleh memberikan penerangan lengkap, jelas dan kemaskini mengenai berbagai aspek aktiviti-aktiviti badan-badan swasta dan awam dalam negara ini. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, cadangan menubuhkan sebuah badan bernama "Biro Maklumat Negara"

seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah perlu oleh kerana sumber-sumber penerangan yang sedia ada seperti "Buku Tahunan Rasmi" yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan dapat memberikan penerangan yang lengkap jelas dan kemaskini. Penerangan juga boleh diperolehi melalui Pusat Penerangan Awam yang diuruskan oleh Jabatan Penerangan serta kaunter-kaunter pertanyaan di Jabatan-jabatan berkenaan. Seterusnya maklumat-maklumat yang berkenaan juga boleh diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

JAMBATAN BARU MERENTANG SUNGAI KELANTAN

16. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian ini bercadang membina sebuah jambatan baru merentang Sungai Kelantan bagi menghubungkan Bandar Pasir Mas dengan Kota Bharu melalui Lemal di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sekiranya ada sejauh manakah kajian telah dibuat bagi melaksanakan projek tersebut yang boleh membuka peluang ekonomi.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan untuk mempunyai satu jambatan baru merentang Sungai Kelantan bagi menghubungkan Bandar Pasir Mas dengan Kota Bharu sedang dikaji sekarang oleh Kementerian saya. Dalam hal ini, juruperunding-juruperunding telah dilantik untuk menjalankan satu kajian ke atas beberapa alignment pilihan bagi memperbaiki jalan perhubungan antara Pasir Mas dan Kota Bharu. Juruperunding-juruperunding telahpun memulakan kerja-kerja tersebut dalam bulan Ogos, 1980 dan kajian ini dijangka akan berakhir dalam bulan Mac, 1981.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 17 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

BEKALAN MINYAK DIESEL

2. **Tuan Hiew Nyuk Ying** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun telah dibuat perubahan kepada sistem "single tier" dalam harga diesel, beratur untuk mendapatkan diesel masih lagi berlaku di stesyen petrol di Sabah. Jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Masalah pemandu-pemandu kenderaan masih terpaksa beratur untuk mendapatkan bekalan minyak diesel di stesyen-stesyen minyak di Sabah bukanlah bermakna Negeri Sabah menghadapi kesulitan bekalan Minyak Diesel. Berlakunya perkara seperti ini adalah disebabkan masa yang diambil untuk melakukan sesuatu jualan diesel adalah panjang disebabkan oleh kerana setiap urusaniaga minyak diesel dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 disertakan dengan kenyataan-kenyataan penjualan di mana maklumat-makluma perlu direkodkan. Tujuan diadakan peraturan ini ialah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan bekalan.

Kerajaan sedar dengan adanya peraturan ini masa yang diambil untuk melaksanakan sesuatu penjualan diesel terutama di stesyen-stesyen minyak akan melibatkan masa dan kerja yang lebih dan sebagai langkah untuk menentukan bekalan diesel yang cukup di samping memberikan kemudahan mendapatkan bekalan dengan segera Kerajaan telah mengarahkan PETRONAS supaya membuka stesyen-stesyen skid-tank bagi menjual diesel dan minyak tanah di Tawau, Sandakan, Labuan, Kota Kinabalu, Lahat Datu dan Keningau.

PERMOHONAN WARGANEGARA DI SABAH—MEMPERCEPATKAN

4. **Tuan Haji Mohammad Taufek bin O.K.K. Haji Asneh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mempercepatkan pelaksanaan permohonan-permohonan tinggal tetap dan warganegara di Sabah demi untuk kepentingan pembangunan dan sosial.

Tuan Sanusi bin Junid: Kementerian sentiasa berusaha untuk mempercepatkan masa yang diambil untuk memproses permohonan yang dibuat dan masa yang diambil bagi memprosesnya adalah berpatutan. Ini ialah kerana tiap-tiap permohonan perlu dikaji dengan teliti bagi memastikan ianya diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

LADANG SUNGAI WANGI— PENCEMARAN AIR

17. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lubang yang dikorek oleh Ladang Sungai Wangi, Sitiawan, Daerah Dinding untuk menadah air yang dibuang oleh kilang terletak berhampiran dengan rumah-rumah pekerja dan jika sedar, apakah langkah beliau akan ambil supaya pekerja-pekerja ladang tidak terpaksa tidak bekerja dan tinggal di dalam keadaan yang tidak sihat dan tidak menyenangkan itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Lubang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya adalah merupakan kolam "oxidation" iaitu sebahagian daripada sistem pengolahan effluen dari kilang getah Ladang Sungai Wangi, Sitiawan. Kolam-kolam ini adalah dibina mengikut rekabentuk berdasarkan penyelidikan Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) yang pada lazimnya tidak mengancam kesihatan. Sebaliknya jika effluen mentah dari kilang itu dilepaskan terus ianya lebih merbahaya.

Berkenaan dengan soal bau, ini memang tidak dapat dielakkan dengan sepenuhnya; walaupun demikian, pihak yang berkenaan sentiasa berusaha untuk mengurangkannya.

UCAPAN Y.B. TUAN HAJI SUHAIMI DI PERSIDANGAN UMUM PEMUDA- PEMUDI UMNO

18. **Tuan Wong Hoong Keat** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar akan sebutan dari Haji Suhaimi di Persidangan Umum Pemuda-pemudi UMNO untuk meminda Clause 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang bertentangan dengan Artikul 152

Perlembagaan Persekutuan dan langkah-langkah yang telah diambil terhadap Haji Suhaimi lantaran memperjuangkan Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Dalam ucapan Y.B. Tuan Haji Suhaimi, beliau hanya mendesak Kerajaan melaksanakan peruntukan seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961 dan tidak untuk meminda seksyen yang berkenaan itu seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan ucapan Y.B. Tuan Haji Suhaimi, ini telahpun dijawab dalam Dewan ini pada 13hb Oktober yang lalu.

GULA PASIR—KEKURANGAN

19. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kekurangan gula pasir pada bulan yang lalu benar ataupun palsu dan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan pengedaran gula pasir yang berterusan pada masa depan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Jawapan kepada soalan ini telahpun diberi oleh Y.B. Timbalan Menteri ketika menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga semasa beliau mengulung Perbahasan Dasar Am dan Perbahasan Belanjawan Peringkat Jawatankuasa Belanjawan Kementerian saya pada 4hb dan 21hb November, 1980. Saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa tambahan.

PULAU PINANG MENJADI PUSAT PEMBANGUNAN WILAYAH UTARA

20. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri pada awal tahun ini di Pulau Pinang bahawa Pulau Pinang hendaklah menjadi Pusat pembangunan bagi Wilayah Utara, sama ada Kerajaan Pusat mempunyai apa-apa rancangan untuk membolehkan Negeri Pulau Pinang memainkan peranan seumpama itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Adalah tidak benar kenyataan "bahawa Pulau Pinang hendaklah menjadi pusat pembangunan bagi Wilayah Utara" ada dibuat oleh Perdana Menteri pada awal tahun ini di Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tiap-tiap negeri di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia akan terus membangun mengikut perancangan yang telah dibuat dalam rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan.

PINJAMAN RUMAH DARI KUMPULAN WANG AMANAH

21. Tuan Lee Kaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah-rumah yang telah dibina di bawah Tabung Pusingan untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong; jumlah permohonan yang diterima untuk mendapatkan pinjaman dari tabung tersebut, jumlah yang berjaya dan berapakah bayaran pendahuluan dan bayaran ansuran bulanan yang harus dibayar oleh setiap orang pekerja kepada tabung tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Terlebih dahulu sukacita saya menjelaskan bahawa mereka yang telah diluluskan pinjaman dari Kumpulan Wang Amanah Bagi Golongan Berpendapatan Rendah mengusahakan sendiri bagi membina rumah mereka. Sehingga 30hb September tahun ini, sebanyak 180 unit rumah telah disahkan siap dan diduduki. Daripada jumlah ini 111 unit ialah Sekim C iaitu pekerja ladang dan lombong. Daripada sebanyak 2,733 permohonan yang diterima 591 telah diluluskan dan 1,020 permohonan-permohonan adalah dalam pertimbangan. Tidak ada pendahuluan yang dikenakan kepada sekim pinjaman ini. Kadar bayaran ansuran bulanan untuk pinjaman maksima sebanyak \$7,500 ialah antara sebanyak \$146.36 sebulan bagi tempoh 5 tahun sehingga sekurang-kurangnya \$46.60 bagi tempoh 25 tahun.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1981 diluluskan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1981 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keenam belas*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang menimbang Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Maksud B. 53 hingga B. 59 dan P. 53 hingga P. 59 dan sekarang terbuka untuk perbincangan. Yang Berhormat dari Kangar.

3.37 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong peruntukan B. 53, muka surat 495, Aktiviti (3) Keselamatan Jalanraya. Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini didapati sangat banyak dan boleh dikatakan selalu berlaku pelanggaran di jalan raya kadang-kadang sehingga membawa maut dan ada di antaranya yang mendapat kecederaan yang amat teruk.

Tuan Pengerusi, saya berharap sangat-sangat kepada perkara (3) yang saya maksudkan tadi hendaklah Kementerian berkenaan menjalankan apa yang dinyatakan dalam tulisan kepada kenderaan itu yang ditetapkan, misalnya, lori-lori besar kita dapati di belakang lori ditulis had laju 35 b.s.j. atau 60 km. tetapi kelajuan lori-lori yang kita dapati selalu tidak sebagaimana yang ditulis di kenderaan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah sedih kalau jalan itu lurus walaupun ini salah dan saya tidak sedih di masa orang tidak begitu banyak, tetapi yang kita sedih di masa keemasan mereka memandu dengan laju maka inilah membawa pelanggaran yang berlaku di jalan raya. Yang amat sedih sekali bila berlaku pelanggaran tidak dikira yang besar itu salah ataupun yang kecil itu salah kerap-kali yang kecil itu menjadi mangsa. Kalau pelanggaran di antara lori dengan motokar, motokar akan menjadi mangsa walaupun lori yang salah; kalau melanggar di antara motokar dengan motosikal, motosikal yang akan menjadi mangsa walaupun motokar yang salah, begitulah sebaliknya. Pendek kata yang kecil selalu menjadi mangsa walau dia salah atau tidak salah, walaupun perkara ini boleh dihukum dan kadang-kadang tak dihukum, ini amat sedih, tetapi yang menjadi mangsa orang yang tak bersalah tadi. Maka dengan sebab itu saya harap sangat di atas segi keselamatan jalanraya ini hendaklah diambil berat sungguh-sungguh oleh pihak Kementerian berkenaan.

Setahu saya negara jiran macam negeri Thai orang berjalan kaki cukup senang kerana pihak pemandu sungguh-sungguh mengambil berat. Kalau satu-satu orang melakukan pelanggaran dan sebagainya dikenakan hukuman yang setimpal. Walaupun kita tahu tiap-tiap pemandu tidak ingin melanggar bukan sahaja manusia bahkan kepada anak ayam sekalipun tetapi kalau kita berjaga-jaga tentulah perkara itu kurang sangat berlaku. Tetapi negara kita ini, Tuan Pengerusi, apatah lagi macam selalu kita dengar apa yang saya katakan tadi selalu berlaku. Jadi untuk mengelakkan perkara ini salah satu jalan saya ingat ialah apa yang kita pelajari hendaklah kita tegas betul-betul.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, pada pendapat saya kita telah mengadakan peraturan kepada teksi, bas dan sebagainya, sekian-sekian bulan kalau hendak menjalankan teksi hendaklah ditest dahulu, kalau asapnya banyak, tayarnya botak atau terlampau lama tidak boleh digunakan, begitu jugalah bas dan sebagainya, tetapi bila berlaku pelanggaran dia tidak pilih sama ada teksi, bas atau kereta biasa. Jadi saya berpendapat satu-satu perkara pelanggaran bukan berlaku kerana kedua-duanya kasar, kalau satu pihak sahaja tidak mengikut peraturan, yang satu lagi mengikut peraturan berlaku juga pelanggaran. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya peraturannya patut kita kenakan kepada semua kenderaan, janganlah tumpu kepada kenderaan yang digunakan oleh orang ramai sahaja khasnya teksi ataupun bas, tetapi semua kenderaan yang agak membawa bahaya kepada orang ramai seperti tayar yang terlampau lama, walaupun dia memandu seorang tetapi patut juga dikaji, kalau tayarnya meletup di tengah jalan dia tidak peduli bas atau teksi seperti saya katakan tadi, kerana kemalangan berlaku bukan sahaja kerana kedua-dua pihak tidak mengikut peraturan, tetapi kalau satu pihak tidak mengikut peraturan pun berlaga juga. Saya berharap supaya perkara ini mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud P. 53, di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu keretapi. Sebab-sebab keretapi selalu berlaku kemalangan ialah landasannya jahanam dan berbagai-bagai lagi

sehingga baru-baru ini kita dengar keretapi tidak boleh berjalan disebabkan beberapa perkara.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak bercakap mengenai dua perkara, yang pertama, Butiran 22—Pembangunan Landasan. Yang kedua, menambahkan landasan.

Saya harap pihak Keretapi patutlah mencari jalan bagaimana untuk melajukan lagi perjalanannya. Saya dapat tahu semangat dedikasi daripada pegawai-pegawainya kurang. Misalnya satu gerabak atau satu engin jahanam maka pegawai yang berkenaan tidak ada ikhtiar lain, kalau jahanam jahanamlah, tidak ada satu satu daya-usaha bagaimana hendak mencari jalan untuk memperbaiki sesuatu engin yang jahanam, daya-usaha sendiri tidak ada langsung.

Perkara ini, saya dapat tahu dan kalau Menteri yang berkenaan ingin hendak tahu bolehlah saya beritahu, biarlah di luar daripada Dewan ini kerana ceritanya panjang. Jadi pegawai yang berkenaan telah dipanggil oleh Ketua Pengarah Keretapi, dia mengatakan oleh sebab tidak ada kesungguhan daripada pekerja-pekerja, jadi dengan sebab itu gearnya semua tidak cukup kalau cukup pun selalu rosak, bila berlaku kerosakan tidak ada ikhtiar daripada pegawai-pegawai itu untuk memperbaiki sendiri, sehingga dia sendiri dipanggil dalam satu perjumpaan. Apabila berlaku sedikit kerosakan sampai tiga bulan baru diperbaiki, kerana dia tidak berikhtiar memaksakan diri mencari buku untuk mengetahui cara memperbaikinya, perkara yang dua hari boleh dibaiki, tetapi memakan masa sehingga berbulan-bulan. Jadi biarlah pegawai-pegawai yang berkenaan mengadakan daya-usaha sendiri jangan hanya melihat melihat hitam putih sahaja apabila dilihat sudah jahanam, dibiarkan jahanam, tidak ada ikhtiar sendiri. Dengan sebab itu saya berharap supaya Keretapi ini juga jangan selalu berhenti di tengah jalan, kelajuannya hendaklah ditambah dan jika ada engin-engin yang rosak dapatlah diikhtiarkan oleh pegawai yang berkenaan sendiri, tidak payahlah hendak order dan sebagainya, kadang-kadang tidak memberitahu langsung kepada pihak yang berkenaan. Dengan sebab itu selalu berlaku engin tidak cukup dan sebagainya. Perkara ini saya berharap supaya diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh di dalam Maksud B. 56—Penerbangan Awam, muka surat 522, peruntukan yang diberi sebanyak \$10 sahaja, tetapi agak saya bersesuaian sangat walaupun sedikit.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai penerbangan di Alor Setar, walaupun saya dengar pihak Kementerian yang berkenaan bercadang akan mengadakan peraturan semula pada bulan April yang akan datang, tetapi saya merayu dua perkara kalau boleh mintalah dcepatkan dalam bulan Januari ini kerana setahu saya satu-satu perubahan ini dilakukan dalam bulan Januari, tidak tahulah kalau peraturan lapanganterbang ini dia kena bermula bulan April dan sebagainya, jadi kalau boleh saya berharap biarlah dilakukan daripada bulan Januari.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, sebagaimana kita tahu orang di utara ini ramai ke Kuala Lumpur dan sebagainya. Kalau penerbangan biasa hendaklah ditetapkan dan ditambah seperti tahun 1979, iaitu penerbangan daripada Alor Setar tiap-tiap hari pada pukul 8.30 pagi dan daripada Kuala Lumpur pukul 4.30 petang. Peraturan itu patut dikekalkan, selain daripada yang ada hendaklah dikekalkan, walaupun peraturan itu digunakan dengan cara biasa, tetapi kalau terus tidak berhenti di Ipoh, di Pulau Pinang dapatlah orang di Utara Malaysia menaikinya.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud P. 56 iaitu Penerbangan Awam. Ini saya juga dapat tahu telah disungutkan oleh orang-orang yang kerap-kali menaiki kapalterbang, ini kerana saya jarang naik. Katanya tidak berapa lama apabila sahaja dibuat lapanganterbang, tidak sampai dua tahun keadaan padang dan bangunan pecah-pecah, walhal kalau kita tengok Badan Perunding yang diambil oleh Kerajaan daripada dunia luar dan bayaran-begitu tinggi.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat kalau di segi apa yang kita hendak buat dalam negeri kita ini patutlah kita ambil daripada negara kita sendiri, walaupun ia tidak berapa pandai, tetapi pada pendapat saya kemahiran seperti kata orang: Alah bisa, tegal biasa. Kadang-kadang apa yang kita buat tidak begitu tercicir sedangkan Juru Perunding yang datang daripada luar negeri bangunan

yang dibuatnya tidak tahan lama. Perkara ini ini kerap kali dicakapkan oleh penumpang kerana saya hanya menaiki sekali-sekala, tetapi saya mendengar cerita daripada kawan-kawan, jadi saya berharap sangat supaya diberi perhatian sewajarnya.

Tuan Pengerusi, kalau ada masa lagi saya ingin beralih kepada Maksud P. 53—Kementerian Pengangkutan. Seperti yang saya katakan selalu Kementerian Pengangkutan ini mendapat peruntukan dan hasilnya terlalu banyak daripada kenderaan dan sebagainya. Sebagaimana saya dapat tahu juga daripada apa yang didapati telah dibelanjakan tidak lebih daripada 3% bererti kalau dapat \$100 \$3 sahaja dibelanjakan oleh Kementerian Pengangkutan. Apabila saya tengok di sini pejabat-pejabat yang mengendalikan pembayaran lesen dan mengutip cukai dan sebagainya tidak berpatutan, kesemua pejabat sama ada di Perlis ataupun di Pulau Pinang, kalau hendak dibandingkan dengan banyaknya hasil yang didapati daripada pengangkutan dengan pejabat yang ada tentulah tidak bersesuaian sangat.

Misalnya, di Perlis dipinjam daripada WI (Persatuan Wanita) Perlis sudah bertahun-tahun tidak dibaharui, walhal saya selalu perhati orang yang datang untuk membaharui lesen dan sebagainya amat ramai tiap-tiap hari. Jadi memandangkan kepada wang yang kita dapati dengan banyak patutlah kita membaharui sedikit untuk keselamatan orang-orang yang bekerja dan menyelamatkan wang yang diperolehi. Saya percaya sekecil-kecil Perlis sehari tidak kurang daripada berpuluh-puluh ribu ringgit, apatah lagi negeri yang besar tentulah banyak lagi, dengan sebab wang didapati dengan banyak maka patutlah bangunannya dielakkan, dengan ini saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Maksud B. 53—Kementerian Pengangkutan dan saya ingin menyentuh beberapa perkara terutama sekali perkara yang sedang berlaku yang banyak mengancam orang ramai pada hari ini, tiap-tiap hari kita dengar ialah masalah keselamatan jalanraya.

Negara kita yang sedang membangun selalu berlaku kemalangan yang pelik-pelik dan yang paling sedih, dan ini patutlah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian memikirkan secara serius bagaimana untuk mengelak perkara ini.

Keselamatan jalanraya kita semua sedia maklum tiap-tiap negeri mempunyai Jawatankuasa Keselamatan Jalanraya tetapi apakah tugas dan tanggungjawab badan-badan yang memikul masalah keselamatan jalanraya yang berjalan selama ini.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, di negara kita ini ramai daripada orang-orangnya baru hendak merasa nikmat hidup, baru cuba hendak memakai kereta, tetapi ilmu pengetahuan mereka mengenai penggunaan kereta ini masih sangat cetak dan patutlah satu kajian dibuat oleh pihak Kerajaan sendiri melalui Majlis Keselamatan Jalanraya ini diperhebatkan sejak di bangku sekolah lagi, bukannya setakat yang kita lihat "Kempen Keselamatan Jalanraya" diadakan, peringkat yang penghabisan iaitu untuk menunjukkan cara-cara membawa kereta dan mengadakan serba sedikit di pekan-pekan besar. Pihak Kerajaan barangkali terlupa kebanyakan pemandu-pemandu kereta di bandar-bandar besar dalam negara kita ini adalah datang daripada luar bandar, mereka datang ke sini mendapatkan lesen dan bertujuan hendak mencari sara hidup. Jadi latar belakang mereka itu apabila mereka memegang steering wheel membawa kereta ataupun lori adalah berlainan sedikit sekiranya mereka ini telah biasa daripada kecil-kecil lagi melihat bapanya ataupun ibunya memandu. Inilah patut pihak Kementerian memikirkan latar belakang tiap-tiap pemandu supaya dapat mewujudkan sikap civic consciousness yang sebenar ketika mereka memandu.

Kita telah dengar ucapan-ucapan dan juga kita sendiri telah melihat perkara-perkara kemalangan yang berlaku di dalam negara kita ini sangat teruk dan selalunya berlaku di antara kereta biasa dengan pihak lori. Saya teringat pada satu ketika dahulu kalau sekiranya berlaku kemalangan yang serius ialah di antara kereta tentera dengan orang awam, selalunya orang awam menderita yang paling hebat tetapi setelah pihak tentera ditegur dan sekarang ini pihak tentera sendiri menjalankan latihan yang teratur kepada

bakal-bakal pemandu lori-lori tentera sudah jarang kita mendengar berlaku kemalangan di antara pihak tentera, lori-lori tentera dengan orang ramai. Tetapi yang banyak berlaku sekarang ialah lori-lori awam yang mana kita tengok kadang-kadang lori itu panjangnya berjela-jela, pemandunya kecil sahaja orangnya duduk di hadapan tetapi larinya bukan main laju.

Di sinilah saya minta Menteri yang berkenaan memikirkan secara mendalam bagaimana tugas dan tanggungjawab Majlis Keselamatan Jalanraya ini dapat memainkan peranan yang penting terutamanya sekali bagaimana hendak mendidik pemandu-pemandu ataupun bakal-bakal pemandu yang akan membawa jentera-jentera yang berat di jalanraya di dalam negara kita. Kalau ini tidak diambil berat saya takut nanti pada satu ketika pemandu ataupun yang membawa lori akan menjadi suatu national security problem macam dadah juga.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit masalah sistem pihak Kerajaan sendiri bentuk untuk perjalanan Keretapi Tanah Melayu. Saya perhatikan pihak Kerajaan kita sendiri ataupun sistem Keretapi Tanah Melayu sendiri tidak tegas menjalankan perniagaannya. Sistem ini banyak menipu orang ramai, menyusahkan orang ramai iaitu menjual tiket tetapi tempat duduk tidak ada. Ini amatlah tidak adil. Jadi kalau pihak pentadbiran Kerajaan seperti Keretapi ini menipu orang ramai, orang ramai merasa dirinya tertipu iaitu pihak pentadbiran Kerajaan, agensi Kerajaan sendiri tidak mempunyai satu sistem yang boleh diharap, maknanya pentadbiran Kerajaan sendiri yang tidak mempunyai satu disiplin yang mana orang ramai boleh ikut. Ini juga akan berlaku kemalangan yang teruk, misalnya satu gerabak itu boleh diisi cuma untuk 40 orang tetapi oleh sebab tidak ada sistem dikeluarkan juga tiket sehinggakan berdiri di tepi tingkap, tepi rel. Kalau berlaku accident di rel keretapi, saya percaya akan berlaku national hazard kerana itu kemalangan malapetaka yang berat kepada orang ramai. Adakah setelah berlaku pada ketika itu pihak Kerajaan baru hendak mengadakan satu sistem.

Negara kita telah merdeka 23 tahun, banyak negara-negara lain juga apabila kita naik keretapi merasa selisa dan terjamin. Kita naik sudah tentu ada tempat duduk. Sekarang ini saya perhatikan, Tuan Pengerusi, waktu sekolah cuti saya kesihan tengok terutama sekali budak-budak sekolah ataupun orang ramai yang pergi melancung ke Singapura, Johor, Pulau Pinang atau ke utara. Yang keduanya saya memikirkan masalah keselamatan mereka, seolah-olah Kerajaan sendiri, inilah cara-cara sistem yang memburukkan imej Kerajaan sehinggalah orang ramai benci, kita sudah menanamkan semangat benci di kalangan budak-budak sekolah ini terhadap Kerajaan kita kerana kesalahan sistem itu. Bukan kesalahan Kerajaan tetapi Menteri-menteri kita menyeru orang ramai 24 jam suruh itu, suruh ini, tetapi agensi Kerajaan sendiri tidak menjalankan sistem yang sempurna.

Inilah saya berharap sangat sistem untuk orang ramai dan Kerajaan itu diperbaiki dan diuruskan. Saya tidak faham kenapakah sikap Keretapi ini sudah beberapa kali kita menegur minta diadakan tiket ini supaya dinomborkan dengan tempat duduk, sudah beberapa kali tetapi tidak berjalan, sudah berapa tahun. Apa sebab pun saya tidak faham kenapa Kerajaan masih lagi berdegil. Jadi timbullah vandalism, apabila orang ramai marah kepada badan-badan Kerajaan, timbul vandalism. Dicakarnya tempat duduk keretapi itu, dipotong dan dipecahkan itu dan ini, sebab mereka meradang.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 4.45 petang. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.58 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dalam Maksud B. 59 Aktiviti (6) penguatkuasaan.

Sebenarnya keselamatan jalanraya adalah sangat perlu dan penguatkuasaan adalah juga perlu untuk menentukan undang-undang lalu-lintas dipatuhi oleh orang ramai. Sebenarnya negara kita ini adalah terdahulu (advanced) dalam penggunaan, talipinggang keledar seperti negara-negara maju. Kalau kita bandingkan negara-negara yang maju seperti Amerika dan Jepun tidakpun menguatkuasakan penggunaan talipinggang keledar tetapi negara kita telah mendahulunya.

Saya mengucapkan tahniah dan menyokong penggunaan talipinggang keledar jika sekiranya penggunaan ini di lebu-lebuhraya, di federal road, di luar-luar bandar, di jalan-jalan yang jauh. Tetapi saya tidak begitu bersetuju kalau talipinggang keledar ini dikenakan kepada pemandu-pemandu dalam bandar. Oleh itu saya minta supaya pihak Kementerian mengecualikan penggunaan talipinggang keledar ini kepada pemandu di dalam bandar kerana akan membebankan beberapa undang-undang lain yang telah pun dikenakan kepada pemandu dalam bandar. Misalnya dalam bandar banyak traffic lights, lampu isyarat di sana sini dan juga undang-undang lain yang ada iaitu pemandu tidak boleh memandu lebih daripada 30 batu sejam atau 50 kilometer sejam dan juga selalu traffic jam dan selalu sekat di sana, sekat di sini. Adakah kemungkinan orang boleh lari lebih laju daripada apa yang ada dan apakah jika berlaku accident dalam keadaan yang begitu boleh menyebabkan pecah cermin, terhantuk kepala menyebabkan luka ataupun patah? Ini perkara yang patut dikaji.

Oleh itu saya minta supaya penggunaan talipinggang keledar ini patut dikecualikan bagi pemandu dalam bandar, lainlah kalau Timbalan Menteri atau Menteri yang selalu pakai pemandu tentulah lebih suka talipinggang keledar ini digunakan dalam bandar. Kerana bahaya yang dialami oleh pemandu yang lari kurang daripada 30 batu sejam ini adalah sangat kurang. Jadi kesesakan jalanraya, traffic lights dalam bandar adalah menjadikan kita tidak dapat pandu lebih laju, maka penggunaan talipinggang keledar ini merupakan satu bebanan kepada pemandu dalam bandar. Walaupun perkara ini telah

beberapa kali saya timbulkan di dalam Dewan ini minta pengecualian tetapi pihak Kementerian memberi jawapan bahawa Kementerian tidak bercadang tanpa memberi alasan yang menasabah kepada kita yang memajukan soalan itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Walau bagaimanapun, saya pohon Jabatan Pengangkutan Jalan ini mengkaji untuk mengecualikan penggunaan talipinggang keledar ini bagi pengguna dalam bandar demi, satu, untuk kebaikan dan keselamatan apabila kereta tersebut terbakar. Sekarang ini banyak kereta terbakar, saya dapati.

Kedua, kesenangan dan keselesaan pemandu yang memandu sendiri yang tidak mempunyai driver. Ketiga, tidak membebankan undang-undang yang terlampau banyak kepada pemandu-pemandu di dalam bandar. Keempat, kebanyakan pemandu dalam bandar merungut lebih ramai orang melakukan kesalahan jalanraya oleh undang-undang yang tidak menasabah.

Untuk meringankan kepada pemandu dalam bandar supaya tidak banyak sangat undang-undang dikenakan kepadanya, saya mintalah pihak berkenaan mengkaji kerana kadang-kadang undang-undang yang tidak menasabah itu menyiksa pemandu menyebabkan kita menghukum orang yang tidak berdosa.

Berkenaan dengan Aktiviti 4—Pelesenan dan Pengajian Pemandu—sekarang ini telah menjadi satu pengetahuan umum bahawa sekolah belajar memandu (driving school) ini ada melakukan rasuah dan ada melakukan penipuan. Ini sudah menjadi perkara umum kepada kita yang tidak dapat dinafikan kerana tiap-tiap orang yang belajar kereta itu ada membayar duit untuk belajar memandu dan ada pula yang membayar duit semasa untuk menjalankan pengujian. Kita tidak tahu sama ada duit itu diberi kepada tester atau duit itu diambil oleh tuan punya driving school itu sendiri. Tetapi walau bagaimanapun, kalau diberi kepada tester maka itu penyelewengan, kalau diambil oleh driving school itu atau pengajar driving school itu merupakan satu penipuan kepada orang yang hendak mendapatkan lesen motor. Kita selalu dengar siapa-siapa sahaja

yang menguji kereta, di dalam kereta itu pengajar sudah cakap hendak uji ini bila, adakah menguji melalui sekolah driving, kalau tidak diuji melalui driving school memang tidak luluslah, kena tiga empat kali uji dan kalau tidak bayar \$100, \$200 memang tidak luluslan. Perkataan-perkataan ini selalu didengar oleh orang-orang yang mengambil lesen.

Kita tidak dapat nafikan perkara ini telah-pun berlaku dan boleh dikatakan ujian yang melalui driving school ini 99% lulus, tidak ada yang tidak lulus, 1% ini barangkali yang dahsyat sangat dan ini yang menghairankan kita mengapa orang yang melalui driving school ini dapat lulus dengan senang dan mengapa yang tidak melalui driving school ini tidak lulus menyebabkan dua tiga kali ujian menyebabkan ganda bayaran \$100 tadi sudah lebih, misalnya kalau empat kali ujian sudah \$400 kena bayar, masa lagi kena buang. Membayar menguji, menyambung lesen jadi sudah lebih daripada \$100 atau \$150 atau \$200 menyebabkan orang lebih suka membayar kepada driving school yang menjalankan penipuan.

Saya terang-terang mengatakan penipuan kerana mereka ini sudah tentu menjalankan penyelewengan di dalam pengujian sama ada dia memberi atau tidak ada menggunakan wang itu driving school itu telah melakukan kesalahan di dalam penipuan orang yang hendak menjalankan pengujian. Oleh itu untuk menyelesaikan perkara ini saya minta supaya pihak Kementerian dan juga Kerajaan mengkaji semula supaya sekolah-sekolah memandu ini ditubuhkan oleh pihak Kerajaan ataupun Kerajaan mengambil alih sekolah-sekolah memandu atau membuat satu badan untuk menguruskan sekolah memandu, cari pengajar yang betul-betul mahir bukan mengambil driver yang kita kata pakai tarik sahaja, "kalau boleh bawa kereta kau ajar si Mamat ini, kau ambil kereta tolong ajar si Yunus ini," bukan begitu. Biarlah mengadakan pemandu yang benar-benar tahu undang-undang dan betul-betul mengajar. Kadang-kadang orang yang belajar memandu ini pakai hafal sahaja apa yang ditulis di situ. Dengan ini Kementerian Pengangkutan dapat menentukan orang ini betul-betul pandai dan pula cara ini akan

dapat memberi keadaan yang lebih baik kepada orang-orang yang belajar memandu dan ini saya suka mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak Kementerian.

Satu lagi dalam bahagian ini juga, Lesen "L" Motosikal. Walaupun beberapa kali saya telah menimbulkan perkara ini dalam Dewan ini, tetapi jawapan Kerajaan tidak bercadang. Tetapi yang menyusahkan rakyat miskin dan para petani untuk mendapatkan lesen "L". Kadang-kadang mengambil lesen "L" ini mengambil masa dua tiga bulan sampai tiga empat kali test baru dapat lesen "L". Untuk mendapat lesen "L" motosikal ini pun mesti melalui sekolah memandu juga dan mesti ada bayaran tertentu. Ini telah berlaku dan kadang-kadang mereka ini sudah beli motosikal. Apakah motosikal mereka ini hendak digantung atau hendak disimpan tiga empat bulan sebelum dapat lesen? Maka mereka terpaksa memandu. Memandu ini mereka telah melanggar peraturan. Pada hal mereka boleh bubuh "L", boleh memandu sendiri dan boleh belajar sementara itu. Tetapi oleh sebab pihak Pengangkutan tidak memberi lesen kepadanya maka mereka ini terpaksa ditangkap oleh polis. Kesalahan dia itu bukan kesalahannya tetapi kesalahan Pengangkutan Jalan yang tidak memberi lesen kepadanya untuk memandu pada hal dia telah membeli motosikal. Ini ialah kepada para petani, kepada orang miskin yang memerlukan motosikal, sekarang sudah merupakan macam basikal ke mana perhubungan hendak digunakan. Mengapa undang-undang ini dikenakan kepada petani? Mengapa tidak dikenakan kepada pelajar motokar? Saya sokong kalau sekiranya pihak Kementerian ini mengenakan kepada orang-orang yang belajar motokar, ini orang kaya, mereka boleh bayar. Tetapi saya mendengar satu rungutan dengan menguji untuk mendapat lesen "L" kepada pelajar-pelajar motokar ini menyebabkan sekolah memandu merosot. Ini satu perkara yang telah saya tahu. Oleh itu saya mencadangkan kalau hendak dikenakan kepada motosikal saya hendak supaya semua pengujian lesen "L" dikenakan baik motokar, baik lori, baik bulldozer supaya perkara ini adil. Kalau tidak, hendak dibatalkan, batalkan semua kerana ini akan menyusahkan orang kampung.

Walaupun pihak Dewan telah berkali saya timbulkan, tidak bercadang tetapi perkara ini demi untuk kebaikan selama ini benda ini sudah tidak timbul dan patutlah untuk mendapat lesen ini supaya pihak berkenaan menjalankan secara adil, jangan ada benda di sebalik penipuan yang berlaku di sebaliknya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

4.07 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian ini.

Di dalam hal ini saya suka mengambil peluang kepada Maksud P. 56—Penerbangan Awam. Di dalam negeri Perak ini penduduknya sudah meningkat kepada dua juta orang. Daripada yang seramai itu ramai menggunakan perjalanan mengikut kapalterbang. Sehingga setakat ini lapanganterbang di Ipoh itu dianggap kecil jika dibandingkan dengan keperluan penumpang-penumpang untuk menumpang kapalterbang yang bertolak daripada Ipoh ke utara atau ke selatan. Sungguhpun ada rancangan pihak Kerajaan sedang mengkaji, maka saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan mengkaji dengan seberapa segera dan lapanganterbang Ipoh ini perlu diperbesarkan seperti mana yang dikehendaki sesuai dengan satu lapanganterbang yang berada di negeri ini dan saya percaya jika sekiranya lapanganterbang Ipoh ini dibesarkan maka keadaan perjalanan penerbangan daripada Ipoh ataupun daripada negeri Perak ini ke negeri-negeri lain memberi kemudahan kepada orang ramai.

Selain daripada lapanganterbang Ipoh perlu diperbesarkan di Taiping ada satu lapanganterbang yang pada satu masa dahulu digunakan oleh pihak Kerajaan bagi penerbangan awam. Tetapi setakat ini lapanganterbang ini sudah ditinggalkan begitu lama, hanya digunakan oleh pihak tentera sahaja. Pada hal Taiping kedudukannya di utara Negeri Perak mempunyai kawasan perindustrian yang luas,

juga kawasan-kawasan lombong dan pembangunan dan sebagainya dan biasa terdapat mereka yang keluar masuk daripada utara Perak ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan sebagainya.

Maka oleh sebab itu saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya lapanganterbang Taiping ini dapat dibesarkan, diperbaiki dan digunakan oleh pihak MAS. Saya percaya jika lapanganterbang ini dapat digunakan maka akan memberi kemudahan kepada mereka yang di utara negeri Perak ini menggunakannya bagi perjalanan daripada Taiping ke tempat-tempat lain di negara ini. Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri pernah di suatu masa dahulu Allahyarham Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah melawat bersama-sama dengan saya di Taiping dan telah menyatakan lapanganterbang ini akan dibuka pada tahun hadapan dan Allahyarham Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sudah meninggal dunia, maka kami mempunyai keyakinan sungguhpun lapanganterbang itu akan dibuka tetapi nampaknya terlalu lewat daripada pengisytiharan yang telah dibuat.

Maksud P. 59, Pengangkutan Jalan, Butiran 1.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, kita dapati bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat lain telah menyebut satu persatu dan di akhbar kita dapat membaca, melihat bagaimana dahsyatnya kemalangan jalanraya yang terjadi di negara kita. Sungguhpun pihak Kerajaan telah memberi kemudahan yang cukup, mengadakan jalanraya yang baik, dan mengadakan peraturan-peraturan tertentu, tetapi nampaknya setakat ini kita nampak pada sepanjang masa ada sahaja pelanggaran terjadi, ada sahaja kemalangan jiwa yang menimpa mereka. Kadang-kadang di suatu masa dahulu ada jalanraya-jalanraya yang bengkok dan Kerajaan telah betulkan. Sungguhpun dibetulkan ada juga berlaku lagi kemalangan. Jadi nampaknya masalah kemalangan tidak dapat diatasi sepertimana yang dikehendaki.

Oleh sebab itu, pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan, yang pertama, supaya kereta-kereta second-hand yang hendak dijual hendaklah diadakan satu peraturan tertentu

dengan diadakan pemeriksaan kepada kereta ini. Kerana di setengah-setengah negara di dunia, pernah saya lihat, bagaimana peraturan ini telah dijalankan. Yakni, kereta second-hand yang telah beberapa tahun umurnya, lima tahun, enam tahun atau sepuluh tahun telah dibenarkan dijual dengan bebas dan kadang-kadang si pembeli itu percaya kereta yang telah dibelinya itu boleh digunakan dan tidak perlu diperbaiki lagi. Kadang-kadang kereta yang seperti inilah menimpa kemalangan dengan mudahnya.

Oleh sebab itu, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diadakan satu peraturan pemeriksaan sebelum dibenarkan kereta-kereta ini dijual kepada pihak yang lain. Misalnya yang pertama diperiksa kata-lah tayar, yang kedua diperiksa breknya boleh dipakai atau tidak, kalau tidak boleh hendaklah diganti. Steeringnya, lampu dan sebagainya yang ada kaitan yang pernah dibuat oleh pihak Kerajaan kepada bas, lori dan sebagainya di sepanjang masa. Kalau pemeriksaan itu dibuat dan minta diganti, kepada perkara-perkara yang perlu barulah kereta-kereta ini dibenarkan dijual kepada pihak yang lain.

Yang kedua, had laju. Ini memang menghadapi masalah. Sungguhpun pada suatu masa dahulu dicadangkan supaya dikunci, diadakan tempat yang tertentu ditekan minyak tidak boleh pergi lagi, tetapi nampaknya pihak Kerajaan kata, kita tidak boleh buat begitu kerana ini menyebabkan pengangkutan negara kita tidak begitu baik. Dan sungguhpun Kerajaan telah menetapkan 35 kilometer kepada bas atau lori tetapi nampaknya lori-lori, yang baru pula dan perjalanannya jauh, mereka ini tidak mengikut peraturan. Bila tidak mengikut peraturan satu daripada sebabnya kemalangan berlaku ialah daripada mereka ini juga.

Maka saya suka mengesyorkan yang keduanya tadi supaya Kerajaan menaikkan had laju, dinaikkan pula, bukan dikurangkan. Biarlah mereka mengikut had laju yang ditentukan oleh Kerajaan yakni daripada 60km kepada 75km supaya diberi kelajuan yang lebih, barangkali dengan pengesyoran yang diberi kemungkinan mereka telah puas hati dan mereka akan mengikut sebagaimana yang dikehendaki itu. Dengan ini kita dapat tahulah bahawa lori-lori yang kita lihat sedang berjalan ini mereka mempunyai had

laju yang tertentu. Jikalau tidak, kita anggap mereka ini hanya sedang berjalan 60km sahaja tetapi sebenarnya dia telah lari laju daripada yang ditetapkan.

Selain daripada ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah maklumkan RIMV akan buat satu pejabat cawangan di Taiping, maka saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih bagi pihak Ahli Yang Berhormat dari Taiping, dari Larut dan pihak saya sendiri kerana ditetapkan di kawasan itu akan dibuat. Dan oleh kerana perkara ini telah dibawa lima tahun dahulu, perlaksanaannya akan dibuat di dalam Rancangan Malaysia Keempat maka saya suka memohon kepada Yang Berhormat Menteri kalau dapat buat biarliah di Rancangan Malaysia Keempat tahun pertama yakni pada tahun 1981.

Selain daripada ini, Tuan Pengerusi, kereta sapu. Kereta pribet sapu ini telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam akan dipertimbangkan untuk memberi lesen. Saya menyokong penuh pihak Kerajaan hendak memberi lesen kepada pihak kereta pribet sapu yang begitu banyak sekali ada di seluruh negara ini. Kalau mereka ini tidak ada, teksi yang ada tidak mencukupi. Kebanyakan mereka sudah lama mencari makan dengan kereta pribet sapu jadi eloklah saya mengambil peluang di sini merayu lagi sekali menyokong atas perkara ini supaya Kerajaan terus memberikan lesen. Cuma barangkali Kerajaan mengadakan pemeriksaan kepada kereta pribet sapu yang dimaksudkan ini supaya dapat digunakan dengan sebaiknya, dapat membawa penumpang dan mereka yang mempunyai kereta pribet sapu ini dapat hidup dengan sempurna sepertimana pada masa sekarang ini mereka telah lari kadang-kadang ditangkap dan dihukum dan sebagainya. Sungguhpun ditangkap dan dihukum, oleh kerana perkara ini cari makan dan tidak ada tempat lain mereka ini tahu cari makan, kadang-kadang mereka ini terdiri daripada bekas pasukan tentera yang pada suatu masa dahulu bekerja sebagai driver, bila berhenti dia tidak tahu bahawa dia tidak boleh dapat teksi dan sebagainya. Dia tidak tahu hendak kerja lain, ada wang sedikit dia beli sebuah kereta yang sederhana untuk dijadikan kereta pribet sapu. Saya mengucapkan terima kasih jika rancangan ini dapat berjalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.17 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, pertama saya suka menyentuh muka surat 501, Butiran 32 di bawah tajuk Pembangunan Pelabuhan Kuantan.

Tuan Pengerusi: Muka surat?

Tuan Chan Teck Chan: Muka surat 501, Butiran 32.

Tuan Pengerusi, saya fikir sekarang sudah sampai masanya bagi Kementerian Pengangkutan membentang dan mengemukakan apakah hasil-hasil yang telah dicapai daripada penyiasatan yang telah dijalankan yang dirancangkan oleh sebuah firma perunding yang dilantik sepertimana yang dimaklumkan pada beberapa bulan yang lepas di Dewan yang mulia ini. Kerana hal ini bukan sahaja mengenai fiasco, mengenai projek Pelabuhan Kuantan kerana apa yang perlu Dewan Rakyat diberitahu dan rakyat Malaysia berhak mengetahui ialah apakah sebenarnya sudah berlaku terhadap projek Pelabuhan Kuantan yang menelan perbelanjaan bermillion-million ringgit itu. Adakah kita telah salah pilih locationnya ataupun satu kajian kemungkinan yang teliti dan menyeluruh tidak dicadangkan atau kerana satu keputusan pemilihan politik maka sudah membawa satu fiasco yang begitu memeranjatkan di Malaysia. Sehingga beberapa juta ringgit lagi diminta ditambah bukan sahaja untuk tahun ini tetapi untuk tahun yang akan datang. Maka saya harap perkara ini bolehlah diterus-terangkan supaya Kerajaan, negara dan rakyat boleh menjadikan projek fiasco ini sebagai kes pengajaran yang boleh kita pelajari supaya kesilapan serupa ini tidak akan dilakukan sekali lagi atas kepentingan rakyat dan negara. Kerana perkara ini sebenarnya adalah merupakan skandal sebenarnya dalam peringkat perancangan.

Dari beberapa gejala telah menunjukkan, umpamanya keretakan, keruntuhan beberapa bahagian pelabuhan ini sudah menunjukkan bahawa kajian kemungkinan di peringkat permulaan tidak diadakan dengan sewajarnya. Jika ada, apakah sebabnya perkara ini berlaku? Memang kita tidak

menafikan bahawa kegagalan mungkin akan dialami tetapi projek ini sangat mustahak dan kita tidak tahu apakah faktor-faktor yang mengakibatkan satu kegagalan atau fiasco yang sebenarnya terhadap projek yang bernillion ringgit ini. Salah pilih tapaknya, kerana campur tangan politik seseorang mahu satu pelabuhan diadakan di Kuantan atau kerana ada kelemahan pentadbiran dan pengurusan dan lain-lainnya. Saya harap nanti Yang Berhormat Menteri boleh membentangkan laporannya supaya kita boleh sama-sama mendengar.

Akhirnya untuk menjimatkan masa, saya menyentuh muka halaman 543, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (2).

Tuan Pengerusi, satu hakikat tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah RIMV adalah merupakan salah sebuah Pejabat merupakan satu sasaran aduan orang ramai yang paling banyak dan paling hebat di kalangan jabatan-jabatan yang ada di Malaysia, baik dari segi kecekapan pentadbiran, dari segi standard perkhidmatan, dari segi imej berkaitan dengan rasuah dan lain-lain. Di mana-mana tempat, umpamanya, di Perak baharu-baharu ini rakyat terpaksa berbaris untuk mendaftarkan kereta baharu, membaharui lesen mereka, membayar cukai jalan dan menghantar kereta untuk diuji.

Di Melaka bila kereta dihantar beberapa kali, tendang di sana, ketok di sini, minta itu, minta ini, hari ini suruh balik, besok datang lagi dan semua perkara sudah berlaku. Ketua-ketua Jabatan RIMV bila cuti, umpamanya baharu-baharu ini di Melaka 10 hari tidak ada dilantik pegawai yang berkuasa sains dokumen-dokumen yang berkenaan, semua terpaksa datang dari jauh dengan merasa dukacita balik. Perkara itu seharusnya satu sistem pentadbiran penuh diadakan supaya rakyat boleh dielakkan mengalami berbagai-bagai kerumitan.

Saya yakin Yang Berhormat Menteri sendiri ada membaca kenyataan yang saya keluarkan mengenai kes itu. Satu kes sangat typical di Johor Bharu bagaimana boleh 4 pegawai RIMV menyeret seorang tuan punya kereta sapu dari Tampoi ke Pejabat RIMV ditumbuk dan dihentam hingga luka parah. Perkara ini sudah pun ada di bawah siasatan polis—satu kes dilaporkan—tetapi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ialah apakah tindakan telah diambil

untuk didisiplinkan pegawai-pegawai RIMV to take the law into their own hands, untuk menghentam orang ramai. Apakah kuasa ada pada 4 pegawai RIMV itu. Menyeret orang ke pejabat, tumbuk dan menghentam, macam mana negara kita ini, mana ada undang-undang lagi. Saya merasa terperanjat hanya perkara ini berlaku di RIMV, tidak di lain-lain jabatan, apa yang sudah berlaku saya tidak tahu. Apakah tindakan diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan selain daripada siasatan daripada pihak polis. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu jawapan yang categorical tentang apakah tindakan yang telah diambil untuk bukan sahaja disipilin ke 4 pegawai RIMV di Johor Bahru ini dan juga memberitahu Dewan yang mulia ini apakah tindakan telah diambil untuk memperbaiki, pertama kecekapan pentadbiran di seluruh RIMV di Malaysia. Kedua, mempertinggikan standard perkhidmatan RIMV di seluruh Malaysia. Ketiga, bagaimana memperketatkan disiplin di antara pegawai-pegawai RIMV yang bersikap begitu buruk dan kasar terhadap orang ramai baik menuntut wang rasuah, baik bila menjalankan ujian (testing) dan mengemukakan soalan-soalan yang tidak senonoh terhadap pemandu perempuan.

Akhirnya saya hendak tahu adakah satu sistem baharu perlu diwujudkan supaya segala imej yang buruk ini yang akan kejaskan keseluruhan imej perkhidmatan awam ini boleh diadakan di Kementerian Pengangkutan supaya pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab ini boleh dihala dan dipecat daripada Kementerian, dari perkhidmatan awam. Saya tidak mahu melihat peristiwa yang begitu serius berlaku di RIMV Johor Bharu ini berlaku lagi di mana-mana tempat. Jika Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak mahu mengambil tindakan, saya mungkin akan meminta Yang Berhormat sendiri meletakkan (resign) jantan lagi menjadi Menteri kalau tidak ada kuasa untuk mendisiplinkan pegawai-pegawai itu. Itulah amaran saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.25ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah B. 53, muka surat 495, Butiran 1100 (1) dan (2) Pentadbiran Am dan Perancangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, muka berapa?

Tuan Au How Cheong: Muka surat 495, Butiran 1100 (1) dan (2) Pentadbiran Am dan Perancangan. Di muka surat 434 dan 438, buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, Jilid I, kita boleh membaca Kementerian ini telah mewujudkan unit darat, unit laut dan unit udara, dan setiap unit itu telah diberi tugas-tugas tertentu untuk merancang dan melaksanakan satu sistem pengangkutan yang cekap, ekonomik dan berkesan kepada negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada unit darat itu supaya menimbangkan untuk memperkembangkan pengangkutan rel atau Keretapi Tanah Melayu kita, sebagai salah satu sistem pengangkutan awam utama dalam negara kita.

Seperti Dewan ini maklum, perkembangan pengangkutan jalan, udara dan laut telah dilipatgandakan sejak kemerdekaan. Tetapi kadar perkembangan bagi Keretapi Tanah Melayu adalah amat perlahan, sehingga seolah-olah KTM tidak berkembang langsung. Sebenarnya, KTM tidak ada apa perubahan fizikal yang besar sejak ia diwujudkan oleh penjajah British.

Di muka surat 498 dan 499, buku belanjawan yang berwarna merah ini, kita boleh melihat antara 20 projek bagi KTM, mungkin projek yang ke 21 sahaja, iaitu sambungan rel ke Pelabuhan Johor, boleh dianggap sebagai pembinaan baharu. Yang 19 yang lain itu adalah projek-projek pembarisan semula, pembaikan, pemodenan dan pembaharuan.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kementerian ini supaya menimbangkan untuk mengeksploitasikan dengan sepenuhnya sistem rel kita sebagai salah satu sistem pengangkutan awam utama yang cekap dan ekonomik dalam negara kita, dengan mewujudkan suatu rangkaian (network) rel yang lebih baik.

Sebenarnya, Keretapi adalah suatu cara pengangkutan yang cekap sekali dalam hal kegunaan tenaga (trains consume energy most efficiently). Dengan suatu rangkaian rel yang baik, rakyat kita tidak hanya bergantung

atas teksi, bas, dan kenderaan bersendirian sebagai cara perjalanan juga pengangkutan dan matlamat mengurangkan kegunaan minyak dapat dicapai juga.

Dalam hal mewujudkan rangkaian rel yang lebih baik itu, saya ingin bercadang suatu landasan baharu antara Kuala Lumpur dan Kuantan dibina, mungkin melalui Temerloh. Kemudian Keretapi itu dipanjangkan (extended) dari Kuantan untuk menyambung bandar-bandar di Pantai Timur seperti Dungun, Maran, Kuala Trengganu, Kuala Besut dan akhirnya Kota Bahru di Kelantan. Dari Kuantan landasan itu boleh dilanjutkan ke bahagian selatan untuk menyambung Pekan, Padang Endau, Mersing dan lain-lain lagi.

Dalam negeri Perak, saya ingin mencadangkan KTM dilanjutkan dari Teluk Anson ke Bagan Datok di mana suatu pelabuhan kecil boleh dibina. Bagi bandar-bandar di Pantai Barat seperti Melaka, Muar Batu Pahat, bandar-bandar itu boleh disambung dengan rel juga.

Saya berpendapat landasan rel baru di Kuala Lumpur ke Kuantan itu khasnya dan rangkaian yang lebih baik amnya akan membawa berbagai faedah kepada negara dan rakyat.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin menyentuh ialah P. 56 muka surat 522—Penerbangan Awam.

Di Lampiran F, muka surat 631 kita boleh membaca satu peruntukan sebanyak \$313 juta telah diuntukkan bagi memajukan lapanganterbang-lapanganterbang yang disenaraikan. Adalah jelas kos pembangunan lapanganterbang adalah amat tinggi dan nampaknya adalah susah bagi Kerajaan membangunkan lebih banyak lagi lapanganterbang-lapanganterbang dalam masa-masa yang singkat, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar sungguhpun penduduk-penduduk luar bandar berhasrat atau kehausan untuk mendapat perkhidmatan udara juga.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya merancang dan mengadakan perkhidmatan helikopter bagi kawasan-kawasan luar bandar ataupun bandar-bandar yang kecil yang tidak dapat menikmati perkhidmatan udara dalam tempoh yang boleh diramalkan. Perkhidmatan helikopter

itu boleh diwujudkan oleh Kerajaan sendiri atau oleh pihak swasta atau badan-badan berkanun sebagai satu perkhidmatan tambahan atau perkhidmatan membantu kepada perkhidmatan udara yang sudah ada itu.

Perkhidmatan helikopter itu adalah amat sesuai bagi negara kita atas sebab-sebab seperti berikut:

- (1) negara kita adalah sebuah negara yang kecil, jarak antara sebuah bandar dan bandar lain adalah tidak begitu jauh;
- (2) helikopter memerlukan satu tapak yang kecil sahaja untuk mendarat dan terbang; dan
- (3) kos pembangunan padang terbang bagi helikopter adalah rendah jika dibandingkan dengan kos pembangunan lapangan terbang.

Dengan perkhidmatan helikopter itu penduduk-penduduk luar bandar tidaklah payah menunggu lama lagi untuk mendapat perkhidmatan yang cepat itu. Diharap kedua-dua cadangan saya itu dapat ditimbangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.32 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 495, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am (General Administration). Di sini saya membangkitkan perkara berkenaan dengan Pentadbiran Pelabuhan.

Apa yang saya ingin menyentuh di sini ialah berkenaan dengan satu perkara yang namanya sentiasa berlaku pada tiap-tiap tahun iaitu berkenaan dengan kesesakan muatan kargo di Pelabuhan Kelang. Pada pagi tadi saya pun ada satu dialog dengan agen-agen serahan di Pelabuhan Kelang dan mereka telah melafazkan kebimbangan mereka terhadap timbunan muatan kargo atau kontena berhubung barang-barang yang digunakan untuk musim perayaan Krismas dan juga pada Tahun Baru.

Tuan Pengerusi, saya memahami bahawa di dalam Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada menyatakan bahawa tindakan-tindakan telah diambil untuk membeli straddle carriers yang baru dari luar negeri bagi membantu membersihkan kesesakan itu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun pernah menyatakan bahawa lebih banyak coastal berths akan dibina dan lebih banyak gudang-gudang akan didirikan untuk sama menolong menyelesaikan masalah kesesakan muatan kargo di Pelabuhan Kelang. Meskipun ini semua telah pun dijamin tetapi saya suka memaklumkan Yang Berhormat Menteri bahawa agen-agen perkapalan dan agen-agen serahan (forwarding agents) masih terus melahirkan kebimbangan mereka ke atas keseluruhan sistem yang sedang digunakan pada masa kini dalam menolong meringankan beban kesesakan muatan kontena, terutamanya sama ada barang-barang untuk musim perayaan mereka boleh diserahkan pada masanya yang sempit.

Memandangkan di atas, Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan bahawa masanya telah tiba bagi pihak Kementerian mengadakan satu dialog dan perbincangan dengan Persatuan agen-agen Perkapalan dan Serahan bagi mengulas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mereka berhubung apakah yang perlu dibuat bagi mengatasi masalah kesesakan muatan kontena yang teruk ini. Kerajaan hendaklah secara serius menimbang apa juga cadangan-cadangan membina yang dapat mereka buat berhubung untuk mengatasi masalah ini.

Satu daripada masalah yang perlu menerima penelitian utama dan diselesaikan ialah berhubung Kontena Nasional yang menjadi pengangkut utama atau tunggal untuk muatan-muatan di Pelabuhan Kelang. Saya merasa bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk mengkaji semula operasi Kontena Nasional dengan tujuan untuk mengenal-pasti kecekapannya dalam menyediakan satu perkhidmatan yang penting untuk negara. Kerajaan hendaklah menentukan bahawa Kontena Nasional tidak sahaja mencari untung (profit) tetapi bertugas sebagai satu agensi nasional untuk memberi khidmat bagi menampung keperluan-keperluan rancangan industrialisasi negara.

Berbalik kepada masalah kesesakan muatan kontena di Pelabuhan Kelang, saya ingin mencadangkan di sini bahawa satu cara yang efektif dalam mengatasi masalah ini ialah bagi Kerajaan membukakan kawalan tunggal yang dipegang oleh Kontena Nasional kepada sektor swasta. Jika ianya dapat dibuka kepada sektor swasta ini tentunya akan membantu kerja-kerja perkhidmatan Kontena Nasional dan dengan itu akan menyejatkan serahan muatan-muatan sebelum kesesakan berlaku.

Perkara akhir yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Maksud Pembangunan P. 53, muka surat 499, Butiran 22—Pembaharuan Landasan Keretapi Tanah Melayu.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menitikberatkan tentang betapa pentingnya supaya landasan-landasan keretapi yang ada sekarang patutlah sentiasa diperiksa dan kalau didapati ada landasan-landasan yang lama saya rasa bahawa adalah mustahak supaya landasan ini dapat dibaharui dengan segeranya. Ini oleh kerana kecacatan landasan keretapi ialah salah satu masalah yang besar yang mengakibatkan keretapi tergelincir.

Di dalam Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada memberi angka-angka, misalnya dalam tahun 1979 kecacatan landasan adalah berjumlah 32 kes dan untuk tahun 1980 (sehingga bulan September) terdapat 14 kes tentang kecacatan landasan yang telah mengakibatkan keretapi tergelincir. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat menitikberatkan tentang hal ini dan supaya satu arahan dapat dikeluarkan dengan serta-merta untuk menentukan bahawa landasan keretapi ini dapat dibaharui berkenaan dengan landasan yang lama.

Yang akhirnya ialah berkenaan gerabak-gerabak. Tuan Pengerusi, saya ialah seorang Ahli Parlimen yang sentiasa menggunakan keretapi ke Butterworth ataupun ke Johor Bharu dan saya mendapati bahawa gerabak-gerabak yang ada sekarang, misalnya gerabak untuk VIP ataupun gerabak-gerabak yang lain adalah dalam keadaan yang amat teruk. Misalnya dalam gerabak untuk Kelas Satu bila saya masuk ke tempat sleeper saya nampak bahawa kadangkalanya ada kain basuh tangan dan kadangkala tak ada, ada sabun dan kadangkalanya tak ada dan juga

koc itu adalah dalam keadaan yang sangat berbau. Saya rasa bahawa masa telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan bagi Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk menggantikan semua gerabak-gerabak atau koc-koc yang lama ini dengan koc-koc yang baru. Saya rasa bahawa pihak yang berkenaan pun ada peruntukan yang cukup dan saya tidak melihat apa-apa sebab ini tidak dapat dilaksanakan. Tetapi apa yang mustahak sekali ialah tentang keselamatan rel keretapi. Oleh sebab itu saya rasa bahawa pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu patutlah mengambil segala tindakan yang boleh menyakinkan orang ramai tentang keselamatan rel, sebab baru-baru ini ada banyak kes-kes accident yang telah berlaku, kemalangan, kegelinciran dan lain-lainnya. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengambil perhatian tentang hal ini dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengambil perhatian tentang hal ini dan saya harap bahawa tindakan akan dilaksanakan dengan segera.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah, oleh kerana ada masa 5 minit lagi dan saya akan beri tambah 5 minit, cukup 10 minit.

4.41 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara yang mula-mula sekali saya hendak sentuh ialah mengenai Maksud B. 59, muka surat 543, Butiran 1100, Aktiviti (2), (4) dan (6).

Tuan Pengerusi, salah satu perkara yang sering ditimbulkan sama ada dalam Dewan ini ataupun di luar ialah mengenai Lesen "L" bagi pemandu-pemandu motosikal. Saya dapati bahawa oleh sebab-sebab untuk mengemaskan pentadbiran dan juga untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam Jabatan Pengangkutan Jalan, itulah sebabnya kaedah sekarang ini telah dijalankan.

Di dalam lengkungan ini, Tuan Pengerusi, saya rasa sistem ini masih boleh dipbaiki. Umpamanya kalau sekiranya pemandu-pemandu lesen "L" motokar dapat diberi lesen "L" mereka itu tanpa menghadiri sebarang ujian sebelum daripada itu, maka untuk mendapatkan lesen "L" bagi motosikal boleh

diadakan kerana tujuan asalnya ialah kita hendak menentukan supaya setiap bakal pemandu ini tahu dan faham mengenai kaedah-kaedah ataupun Undang-undang Lalulintas dijalanraya.

Caranya, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan mengadakan bentuk kursus, misalnya diadakan sekali sekala, dikumpulkan beberapa orang, 30 atau 40 orang dan diberi kursus untuk beberapa jam mengenai Undang-undang Jalanraya pada bakal-bakal pemandu motosikal. Mereka ini diberi kursus, 40 atau 50 ataupun kurang, ataupun lebih lagi dengan tujuan mereka ini tahu asas (basic) mengenai Undang-undang Jalanraya. Setelah mereka itu diberi kursus maka dapat diangapkan sedikit sebanyak mereka ini boleh memahami apakah sebenarnya Undang-undang Jalanraya, lalulintas dan sebagainya. Selepas ini saya mencadangkan mereka itu boleh diberi Lesen "L" dan ada tempatnya kita penalise sekiranya mereka tidak patuh atau mereka ini tidak berkelayakan untuk mendapat lesen.

Misalnya di dalam mereka hendak mendapatkan lesen penuh nanti maka hendaklah diadakan ujian ketat, sekali lagi ujian lisan diadakan di samping ujian praktik. Dengan cara yang demikian, ini sekurang-kurangnya kita dapat mengelakkan dua perkara.

Perkara yang pertama kita dapat mengelakkan pemandu-pemandu motosikal ini menunggu lebih lama sebelum mereka mendapat lesen "L" dan perkara yang kedua, kita dapat mengelakkan kemungkinan timbulnya mereka yang menaiki motosikal tanpa sebarang lesen. Ini adalah satu perkara yang terlalu banyak berlaku sekarang ini dan boleh jadi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mengetahui, dan kalau mereka belum mengetahui, cubalah tenguk sedikit di kawasan luar bandar kerana mereka yang hendak membeli motosikal ini tidak mampu untuk menunggu sampai 6 bulan untuk mendapatkan Lesen "L" kerana kadang-kadang mereka terpaksa menunggu lama untuk mendapat satu tarikh bagi temuduga untuk mendapat Lesen "L". Dengan cara yang saya syorkan tadi, adalah diharapkan sedikit sebanyak dapat mengatasi soal ini. Sekiranya mereka tidak lulus dalam ujian-ujian yang selanjutnya, biarlah mereka itu membayar \$20 tiap-tiap bulan dan inilah kita penalise mereka itu.

Perkara yang kedua saya hendak sentuh, Tuan Pengerusi, iaitu hari ini kita masih kedatangan lagi kereta-kereta teksi yang tidak road-worthy. Kita sedar bahawa tiap-tiap 6 bulan sekali kereta-kereta teksi ini terpaksa diuji dalam segala perkara. Kadang-kadang apabila saya melihat kereta-kereta yang begitu rupa, pintunya tidak dapat ditutup, entah brake macam mana, entah lampunya tidak hidup dan macam-macam lagi, saya pun kadang-kadang terasa juga mungkin ada sesuatu perkara yang berlaku di sebalik liku-liku ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya lebih berwaspada lagi untuk menentukan perkara-perkara yang tidak diingini ini tidak berlaku dan disebalik perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai pembaharuan lesen. Beberapa kali telah saya timbulkan di Dewan yang mulia ini iaitu saya ingin mengesyorkan supaya pembaharuan lesen ini dibawa ke kampung, dibawa ke daerah. Kalau konsep Tun Salleh, polis dibawa kepada rakyat, apa salahnya pembaharuan lesen-lesen pemandu dibawa ke kawasan-kawasan yang jauh daripada Pejabat-pejabat RIMV.

Caranya kita mengadakan satu mobile unit dan mobile unit ini berpindah daripada satu tempat ke satu tempat dalam sebuah negeri berkenaan kerana saya dapati untuk membaharui lesen-lesen pemandu ini tidak perlu direfer kepada file. Daripada pengalaman saya sendiri tidak perlu pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan Jalan itu refer kepada file kecuali ada doubtful cases.

Mengenai doubtful cases ini sekiranya timbul tidak usah dibenarkan dibayar di unit-unit bergerak yang saya sebutkan tadi kerana daripada satu kawasan yang jauh, katakan 100 batu ataupun 70-80 batu, sengaia turun ke bandar hendak membayar lesen \$20. Ini rasanya adalah serupa dengan apa yang pernah dikatakan oleh masyarakat kampung, harga tali itu lebih mahal daripada harga beruk. Minta maaf, saya tidaklah berniat begitu, tetapi tsebagai perbandingan sahaja. Harga tambang, makan dan sebagainya lebih mahal daripada harga yang dibayar kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Inilah satu cara yang patut kita perhatikan supaya perkara ini dapat menyenangkan sedikit, memberi keselisaan sedikit kepada rakyat di luar bandar.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, dalam masa yang singkat ini saya ingin menyentuh Maksud P. 53, Butiran 18—Projek-projek Pemulihan, muka surat 449. Kementerian ini memohon sebanyak \$30 juta dalam bentuk pinjaman di bawah Butiran ini. Kalau saya difahamkan projek-projek Pemulihan ini juga hendak dimasukkan pemulihan gerabak-gerabak, pemulihan kemudahan-kemudahan yang kedapatan ataupun terdapat di dalam keretapi, saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya menasihatkan pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu supaya melihat keadaan keretapi local di Kelantan.

Saya sebagaimana juga setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sering juga menggunakan keretapi berkenaan ini dan saya dapati gerabak-gerabaknya tidak begitu baik, boleh jadi terlalu lama. Selain daripada itu, kalau hari hujan ada juga bocor dan selain daripada itu tingkapnya seringkali tidak dapat ditutup, entah kenapa sebabnya.

Dan yang paling menyedihkan, Tuan Pengerusi, tandas-tandas yang kita dapati dalam keretapi itu walaupun keretapi baru bertolak daripada Tumpat, saya menaiki mulai daripada Wakaf Baru, Tumpat yang hanya tak sampai 10 batu daripada Tumpat, belum sampai ke Pasir Mas, 12 batu selepas itu airnya kadang-kadang sudah tidak ada. Ertinya tandas-tandas itu selalunya "not serviceable".

Jadi saya mencadangkan supaya pihak Keretapi hendaklah melihat akan perkara-perkara ini supaya keselesaan rakyat luar bandar yang menggunakan keretapi local walaupun keretapi yang saya sebut ini tidak ada kelas satu maka tidak semestinya keretapi yang tidak mempunyai kelas satu ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Pentadbiran Keretapi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai rumah atau quarters keretapi—Butiran 26 muka surat 499.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab.

4.51 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peruntukan bagi Kementerian saya iaitu Kementerian Pengangkutan. Pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan cadangan-cadangan yang baik dari sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan akan dikaji dengan teliti oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Beliau menyatakan iaitu sistem Keretapi Tanah Melayu (KTM) tidak baik dan oleh sebab sistem itu tidak baik, sudah menjadi perbuatan menipu orang ramai. Di sini saya ingin menafikan, memang kadang-kala dalam musim perayaan, keadaan kalam-kabut timbul dari masa ke semasa, tetapi kalau beliau menyatakan KTM ini menipu orang ramai, kenyataan ini tidak menasabah dan saya ingin menafikan kenyataan itu.

Memang banyak Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan perkhidmatan keretapi. Kami memang sedar iaitu perkhidmatan yang ada sekarang tidaklah sempurna (perfect) dan kami sedang berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki perkhidmatan yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menarik perhatian atas tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan "fiasco" Pelabuan Kuantan.

Sebenarnya ada dua laporan baru-baru ini yang telah disampaikan kepada Kementerian dan satu lagi laporan kita masih menunggu, dijangka akan sampai kepada kami tidak lama lagi. Dan kedua-dua laporan yang telah diberi kepada kami oleh pegawai-pegawai yang berkenaan dari Kementerian saya, Kementerian Kerjaraya dan pihak Economic Planning Unit (EPU) sedang mengkaji. Jadi pada setakat ini, saya tidak dapat memberikan keterangan yang lebih lanjut lagi.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu Yang Berhormat! Adakah Ahli Yang Berhormat Menteri hendak beri jalan?

Dato' Lee San Choon: Baiklah.

Tuan Chan Teck Chan: Bilakah Yang Berhormat Menteri boleh menjamin bahawa selepas kajian itu maka kedua-dua laporan yang begitu mustahak ini boleh dibentangkan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Dato' Lee San Choon: Permintaan ini saya akan timbangkan.

Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini hendak sahaja saya meletakkan jawatan (resign), tetapi kalau saya meletakkan jawatan, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak sampai lagi menggantikan saya, banyak lagi ahli dari Barisan Nasional akan menggantikan saya.

Saya ingin juga menjawab sedikit sebanyak berkenaan tuduhan yang telah dibuat oleh Ahli dari Kuala Lumpur Bandar berkenaan dengan perkhidmatan Pelabuhan Kelang khasnya berkenaan dengan keadaan container dan beliau syorkan iaitu patut pihak pentadbiran mengadakan dialog dengan pihak pengguna.

Sebenarnya pihak pentadbiran Pelabuhan Kelang bukan sahaja telah mengadakan dialog dengan forwarding agents, bahkan telah mengadakan dialog dengan semua pihak pengguna pelabuhan itu dari masa ke semasa, bukan satu dialog sahaja. Dan saya ingin memberitahu Dewan ini iaitu keadaan di Pelabuhan Kelang pada masa sekarang adalah lebih baik (improved) dan kami harap kami dapat monitor keadaan di Pelabuhan Kelang ini dari sehari ke sehari dan mengambil tindakan dengan segera apabila ada masalah yang tidak diinginkan berlaku.

Cadangan berkenaan dengan tali keledar dan lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara-perkara seperti itu telah dijawab dalam Dewan ini dari masa ke semasa dalam masa soal jawab. Jadi saya tidak ingin mengambil lebih banyak masa untuk mengulangi jawapan-jawapan seperti itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan anggaran perbelanjaan mengurus di bawah B. 53 hingga B. 59 berjumlah \$79,050,810 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah P. 53 hingga P. 59 berjumlah \$369,854,654 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1981.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,665,900 untuk Maksud B. 53; \$9,107,200 untuk Maksud B. 54; \$11,555,800 untuk Maksud B. 55; \$10 untuk Maksud B. 56; \$17,416,500 untuk Maksud B. 57; \$11,995,000 untuk Maksud B. 58 dan \$25,320,400 untuk Maksud B. 59 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,665,900 untuk Maksud B. 53; \$9,107,200 untuk Maksud B. 54; \$11,555,800 untuk Maksud B. 55; \$10 untuk Maksud B. 56; \$17,416,500 untuk Maksud B. 57; \$11,995,000 untuk Maksud B. 58 dan \$25,320,400 untuk Maksud B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$209,980,220 yang disebutkan dalam Maksud P. 53; \$1,430,410 untuk Maksud P. 54; \$3,664,401 untuk Maksud P. 55; \$110,688,302 untuk Maksud P. 56; \$39,679,851 untuk Maksud P. 57; \$802,000 untuk Maksud P. 58 dan \$3,609,470 untuk Maksud P. 59 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$209,980,220 untuk Maksud P. 53; \$1,430,410 untuk Maksud P. 54; \$3,664,401 untuk Maksud P. 55; \$110,688,302 untuk Maksud P. 56; \$39,679,851 untuk Maksud P. 57; \$802,000 untuk Maksud P. 58 dan \$3,609,470 untuk Maksud P. 59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1981.

Maksud B. 63 (*Jadual*)—

Maksud P. 63 (*Anggaran Pembangunan 1981*)—

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Maksud B. 63, di bawah Kementerian Kebajikan Am dan juga Maksud Pembangunan P. 63 di bawah Kementerian itu juga berjumlah kesemuanya \$54,592,159 terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.01 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit di muka halaman 567, Butiran 1100 . . .

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Chan Teck Chan: 567, Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, jika sekiranya kita ada mengkaji sedikit sebanyak tentang Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, muka halaman 1135, kita dapati bahawa tujuan Kementerian Kebajikan Am adalah satu Kementerian yang akan memainkan satu peranan yang mustahak untuk mewujudkan dan merumus dasar kebajikan masyarakat Malaysia. Tetapi dari beberapa segi kita lihat bahawa dasar kebajikan masyarakat am yang diwujudkan selama ini, saya fikir sudah sampai masanya untuk mengubahsuaikan khususnya dari segi layanan dan bantuan yang diberikan kepada orang-orang tua yang tidak mempunyai saudara-mara juga tidak mempunyai apa-apa sumber pendapatan mereka.

Saya fikir Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am bolehlah menggunakan kuasanya, jasa baiknya untuk mengkaji semula dan menimbang semula untuk mengubahsuaikan dasar kebajikan am ini supaya orang-orang tua ini boleh memperolehi satu bantuan yang bermakna yang boleh menolong mereka dapat hidup dalam satu keadaan yang sederhana, sebagai ahli dalam masyarakat kita.

Selama ini kita dapati bahawa bantuan-bantuan bulanan yang diberikan kepada orang-orang tua kadang-kadang \$25 atau \$30 dan kadang-kadang mereka terpaksa jadi sebagai pengemis (beggars) untuk merayu, meminta satu bantuan. Jika kita tinjau keadaan kehidupan (cost of living) pada hari ini bagaimana \$30 ini boleh membantu mereka hidup sebagai manusia yang benar-benar boleh mempertahankan maruah mereka.

Saya harap Kementerian Kebajikan Am mengubahsuaikan dasar ini supaya satu bantuan yang lebih bermakna dan boleh membawa faedah yang sebenarnya kepada orang-orang tua ini yang memerlukan bantuan daripada masyarakat kita supaya membolehkan mereka hidup sebagai ahli

masyarakat kita yang boleh menjaga, mempertahankan maruah sebagai manusia dalam masyarakat kita. Saya harap kadar \$25 atau \$30 ini boleh dilipatgandakan kepada sekurang-kurangnya \$80 sebulan dan juga janganlah selalu mengganggu bantuan tanpa memberikan alasan terlebih dahulu, kadang-kadang aduan yang saya terima terpaksa saya mendesak, merayu semula, minta bantuannya disambung semula. Saya harap perkara ini boleh diambil berat dan juga saya perlu merayu Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am supaya mengambil berat satu perkara yang ada berkaitan dengan kenyataan Loteri Kebajikan Masyarakat di mana, satu kes penyelewengan atau penipuan sudah berlaku di Perak. Jika perkara ini tidak dicegah, diberhentikan maka ini akan menjejaskan keseluruhan makna Kerajaan mengadakan Loteri Kebajikan Masyarakat ini. Apa yang sudah berlaku di Perak bukan bermakna hanya khas di negeri Perak sahaja. Saya harap bukan sahaja pihak polis boleh mengambil tindakan, tetapi pihak Kementerian sendiri pun perlu mengambil satu tindakan untuk memperbaiki sistem kenyataan Loteri Kebajikan Masyarakat itu supaya ianya tidak diselewengkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab sehingga keseluruhan makna Kerajaan mewujudkan Loteri Kebajikan Masyarakat ini akan disalahgunakan oleh segelintir orang sahaja.

Ini adalah pandangan saya, diharap Yang Berhormat Menteri bila mengulung nanti boleh memberitahu saya, pertama apakah satu dasar baru boleh diambil untuk membolehkan orang-orang tua kita hidup sebagai manusia yang bermaruah dengan bantuan yang sewajarnya.

Kedua, apakah tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk membetulkan segala penyelewengan yang berlaku dalam kenyataan dan perjalanan Loteri Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.06 ptg.

Tuan Umar bin Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebajikan Am.

Saya hendak menyentuh mukasurat 567, Maksud B. 63, Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran Am, Program (4)—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, dan Program (5)—Perkhidmatan Pemulihan.

Tuan Pengerusi, saya sebagai wakil dari luar bandar yang banyak menerima pertolongan daripada Kementerian Kebajikan Am ini, saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian ini dan juga kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangannya peringkat negeri dan daerah.

Dalam kawasan saya, Kementerian ini telah banyak memberi perkhidmatan kepada mereka yang kurang mampu, umpamanya, ramai anak-anak luar bandar yang miskin mendapat bantuan asrama, tambang bas, gigi, cermin mata dan sebagainya. Jadi saya harap dapat ditambahkan bantuan ini lagi dan diperbesarkan supaya membolehkan ramai lagi mereka yang tidak berkemampuan untuk menerimanya.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh juga berhubung dengan Rumah Kebajikan Kanak-kanak. Saya rasa ramai rakyat dalam negeri kita ini terutama sekali daripada kalangan orang-orang Melayu tidak begitu faham apakah peranan yang dimainkan oleh Rumah Kebajikan Kanak-kanak ini sehingga saya sendiri pun sebelum ini saya tidak begitu memahami apa dia peranan dan kebaikannya Rumah Kebajikan Kanak-kanak ini kerana saya sendiri sebelum ini menganggap bahawa rumah itu ialah rumah untuk orang-orang miskin, anak-anak yatim, budak jahat dan sebagainya. Tetapi apakala saya telah membuat satu lawatan ke Rumah Kebajikan Sultan Abdul Aziz di Kuala Kangsar, maka barulah saya sedar bahawa ramai kalangan orang-orang dalam negara kita ini terutama sekali orang-orang Melayu yang tinggal di luar bandar telah kerugian tidak merebut peluang supaya menghantar anak-anak mereka ke asrama ini yang banyak ada dalam negara kita ini. Setelah penerangan diberi kepada saya barulah saya tahu bahawa asrama itu bukan semata-mata menerima budak-budak miskin yang tidak ada ibu bapa, tetapi menerima siapa-siapa sahaja kanak-kanak, sama ada mereka yang telah tidak betul akhlakunya, ibu bapanya masuk jel, ibu bapa tidak dapat mengawal anak-anaknya dan sebagainya.

Saya mendapat penjelasan bahawa ada di antara kanak-kanak yang menjadi penghuni asrama itu hari ini ada menuntut di universiti di Amerika. Jadi ini membuktikan bahawa sekolah ini memainkan peranan yang berkesan sekali di dalam hendak membaiki kedudukan supaya anak-anak yang tidak bernasib baik itu tercicir begitu sahaja. Jadi dengan sebab itu saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya penerangan yang jelas hendaklah diberi kepada orang-orang kita terutama sekali orang-orang Melayu di luar bandar yang saya rasa ramai anak-anak mereka yang demikian itu boleh dihantar ke sekolah-sekolah kebajikan.

Mengikut penerangan daripada Pengetua Sekolah itu bahawa bantuan terlalu banyak tetapi bilangan orang-orang Melayu yang sanggup menghantar anak-anak ke situ kerana mereka tidak redha dianggap bahawa mereka tidak berupaya atau tidak berkemampuan untuk hendak membela anak dihantar ke situ. Ini yang hendak diberi penerangan. Di sekolah asrama ini bimbingan diberi sama ada ugama, hal-hal kebajikan dan sebagainya lagi. Jadi saya rasa kalau orang-orang kampung dapat penerangan ini mereka tidak ragu-ragu, tidak takut untuk hendak menghantar anak-anaknya ke sekolah itu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, di dalam hal ini saya berharap supaya sekolah-sekolah atau asrama kebajikan kanak-kanak ini hendaklah diperbanyakkan lagi di dalam negara kita ini kerana ramai orang-orang yang boleh dimasukkan ke sekolah itu supaya dapat kita membentuk menjadi manusia yang berguna kepada negara dan kepada dirinya sendiri.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu dalam hal ini saya hendak menyebut mengenai Perkhidmatan Pemulihan. Sama ada benar atau tidak bahawa mengikut penjelasan daripada orang-orang yang berkenaan yang saya dapat tahu iaitu mereka yang cacat anggota atau putus anggota sama ada kaki, tangan dan sebagainya yang memerlukan anggota palsu, saya dapati mereka yang berkenaan ini di dalam kawasan saya yang berkehendakkan kaki palsu atau tangan palsu akibat kemalangan terpaksa menunggu bertahun-tahun. Sama ada benar atau tidak; 3-4 tahun pun ada. Mengikut penerangan daripada mereka kononnya kerana orang-orang yang mahir

membuat anggota palsu di negara kita ini seorang sahaja. Jadi sebab itu keupayaan untuk hendak mengadakan anggota palsu ini amat sulit dan berat. Kalau benar dakwaan ini, saya berharap supaya pihak Kementerian ini dapat membanyakkan lagi. Jika tidak dapat dibuat anggota di dalam negara kita ini, mungkin kita boleh import kaki atau tangan anggota palsu daripada negeri luar. Tetapi mengikut keterangan daripada orang-orang yang berkenaan mengatakan bahawa anggota palsu ini kalau dibuat di negeri luar tidak sesuai dengan anggota atau kaki tangan bagi saiz kita di Malaysia ini. Saya tidak tahu, jadi saya harap dapat penjelasan daripada pihak Kementerian di dalam hal ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berhubung dengan bantuan bulanan kepada mereka yang daif, yang tidak berupaya termasuk mereka yang tua. Hari ini kita patut berterima kasih kerana pihak Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada memberi bantuan bulanan. Tetapi masa lahnya kadang-kadang timbul bantuan ini walaupun ditetapkan satu bulan beberapa ringgit, ada berlaku di kawasan saya 3-4 atau 5-6 bulan sekali baru diserahkan bantuan. Ini menimbulkan kesulitan kepada mereka yang memerlukan bantuan ini.

Selain daripada itu oleh kerana kenaikan harga barang-barang makanan dan sebagainya di dalam negara kita, maka saya rasa bantuan yang diberi selama ini patutlah ditimbang semula supaya dapat disesuaikan dengan kehidupan mereka yang daif ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya harap bantuan itu boleh diwakilkan kepada waris-waris mereka kerana kedapatan di kawasan saya sesiapa yang menerima bantuan bulanan ini hendaklah datang sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah oleh kerana ada setengah daripada mereka ini tidak upaya dan sebagainya. Saya rasa bolehlah kita wakili kepada warisnya, ketua-ketua kampung, penghulu atau sebagainya yang boleh dipercayai bagi menyelesaikan atau mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebajikan Am ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

5.15 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong peruntukan Kementerian Kebajikan Am yang berjumlah \$54,592,159.

Jika ditengok angka ini kita dapati Kementerian ini bila berjalan mungkin akan timbul masalah berkenaan dengan kewangan kerana ada tanda-tanda masalah ini timbul sebabnya bantuan-bantuan yang diberi sehingga kepada peringkat daerah untuk disampaikan kepada sesiapa yang patut mendapat bantuan mengambil masa yang lama, maka selalu diberitahu kepada peringkat daerah mengatakan wang ini lambat sampai kepada mereka untuk diberi kerana pembayaran yang dibuat ini kepada orang-orang di peringkat daerah ialah pegawai-pegawai Kementerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini Butiran berapa dan muka surat berapa?

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Maksud B. 63, Butiran 2700—Bekalan dan Bahan-bahan.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Muka surat 570.

Oleh sebab itu saya nampak pegawai-pegawai peringkat daerah menghadapi masalah yang kadang-kadang bila disebut ia tidak diberi ataupun tidak dihantar oleh pegawai-pegawai di peringkat negeri ataupun pusat. Ini satu daripada sebab yang saya nampak dan kemungkinan oleh kerana ini juga banyak masalah yang dihadapi.

Oleh sebab itu, saya nampak peruntukan ini terlalu sedikit jika dibandingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain. Maka perlu Kerajaan mempertimbangkan supaya peruntukan diberi dengan lebih banyak sesuai dengan sebuah Kementerian yang menjaga orang-orang yang tidak mampu dan kebetulan orang-orang yang tidak mampu ini disebut di dalam Dewan ini beberapa kali sekian-sekian peratus dan pelaksanaan hendak disampaikan sekian-sekian peratus oleh Yang

Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan Kementerian inilah yang menyelenggarakan untuk membantu mereka ini yang tidak ada kemampuan dan kebetulan mereka ini makin sehari makin bertambah, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu biasanya bantuan diberi kepada tiga golongan, yakni yang pertama ialah orang-orang tua yang tidak mampu, ditempatkan di sebuah tempat yang dijaga oleh pihak Kementerian ini, diberi makan, pakaian dan sebagainya macam sebuah hospital. Makannya pun sedap-sedap dan jika dibandingkan dengan makanan kita barangkali itu lebih baik. Jadi nampaknya Kementerian ini menjaga sungguh-sungguh orang-orang ini, maklumlah orang tua, kalau tidak diberi makan sedap tentulah lagi tidak kuat. Nampaknya ini satu golongan yang telah dipelihara begitu baik oleh pihak Kerajaan dan saya percaya golongan ini tidak timbul masalah. Kalau kita pergi melawat pun dia tidak sebut apa lagi sebab dia diberi makan, pakaian dan sebagainya dan kalau kita tanya undi pun dia sebut hendak undi Barisan Nasional. Kumpulan ini tidak jadi masalah lagi.

Kumpulan yang kedua ialah mereka yang terdiri daripada orang-orang tua ataupun orang miskin yang tidak termasuk dalam golongan ini tetapi mereka ini duduk di rumah, pondok-pondok yang kecil yakni termasuk golongan orang miskin memelihara anak dan sebagainya, hidup miskin yang tidak ada kemampuan. Golongan ini diberi bantuan, biasanya bila memohon dipertimbangkan diberi bantuan dengan kadar yang tidak sama dengan yang dipelihara oleh Kerajaan. Kadang-kadang seorang tua yang ada anak barangkali 2-3 orang pun diberi \$30; yang duduk dipelihara seorang pun diberi lebih kurang \$35-\$40 dan sebagainya, tidak sepadan dengan mereka ini. Inipun menjadi masalah padahal yang ini kalau diberi lebih sedikit saya rasa sepadanlah dengan mereka.

Jadi golongan yang kedua ini saya minta pihak Kementerian mempertimbangkan supaya diberi satu peruntukan yang sepadan dengan mereka yang kita pelihara. Mereka yang duduk macam ini kadang-kadang tanggungjawabnya ada anak, janda dan sebagainya adalah sangat berat. Kalau kita beri sepadan

dengan kehidupan mereka tidak menjadi salah kerana orang yang kita pelihara tadi boleh kita beri jadi sepadanlah dengan golongan yang kedua.

Yang ketiga, biasanya diberi kepada kanak-kanak sekolah yang miskin diberi cermin mata, diberi wang tambang bas dan sebagainya. Ini patutlah diberi oleh pihak Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Biasanya seorang miskin yang tidak mampu anaknya pergi ke sekolah, kerana sekolah mengikut sistem di dalam negara kita ini, kadang-kadang jauh sekolah menengah itu sampai 20 batu, 10 batu dan sebagainya. Jadi terpaksa menaiki bas. Oleh sebab itu katalah dia anak tiga empat, biasanya kadang-kadang Kerajaan beri seorang dua orang sahaja, kalau si miskin dia tinggallah yang dua orang lagi itu tidak belajar di sekolah. Ini hendak disalahkan siapa, kerana dia tidak mempunyai kemampuan. Si ibu terpaksa mencari makan dan lain-lain lagi kerana dia tidak mampu. Ini pun patut dipertimbangkan dengan serius supaya anak-anak ini yang kita harap tidak kira dia anak miskin macam mana pun jika kita memberi peruntukan cukup naik bas, buku sudah Kerajaan beri, makanan di sekolah rendah pun Kerajaan sudah beri, cuma kita hendak beri tambang bas, periksalah betul-betul, berapa orang mereka ini perlu naik bas dan berapa tambangnya. Janganlah dua orang anak sahaja yang lepas, katalah seorang dua lagi tidak terlepas, rasa sedih juga, adik-beradik dia besok maju, yang tinggal itu miskin juga, lagi sekali. Jadi miskin melahirkan miskin. Biarlah si miskin lahir jadi orang kaya. Itu yang kita hendak.

Dalam hal seperti ini, saya melawat di Taiping dimana ada rumah seperti ini, sebab itu saya tahu rumah orang tua golongan yang pertama tadi, tetapi bila saya lihat ramai sudah tidak sesuai.

Biasanya bila saya melawat disebut akan dicari satu tempat lain. Jadi nampaknya kita memberi sokongan jika pihak Kementerian sudah dapat persetujuan di tempat yang baru, elok dipindah ke kawasan yang baru kerana kawasan ini luas dan kawasan ini perlu. Saya tidak begitu bersetuju sangat kerana rumah orang tua bila masuk sahaja melawat didapati orang Melayu ini sedikit, orang bukan Melayu ramai sangat. Jadi seolah-olah orang Melayu

ini tiada yang susah dan kadang-kadang pegawai-pegawai yang berkenaan berkata, biarlah orang Melayu ini duduk di luar tidak usah masuk ke dalam. Saya tidak bersetuju, saya lebih suka orang-orang yang susah biar duduk dalam beramai-ramai, esok bila mengundi pun senang.

Selain daripada itu saya menyentuh Pusat Pemulihan Penagihan Dadah. Kita menghadapi masalah, oleh kerana budak-budak yang menjadi penagih dadah ini biasanya bila diberitahu, dihantar kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat minta bantuan untuk dihantar budak-budak macam ini ditempatkan kepada satu pusat pemulihan dan cara yang seperti ini dihantar ke hospital dan hospital periksa, kemudian dihantar ke pusat pemulihan seperti yang saya maksudkan tadi. Ini menyebabkan kadang-kadang lewat kerana hendak meminta kebenaran untuk mendapat peruntukan kepada budak-budak macam ini bila dihantar ke pusat pemulihan. Kebetulan pusat pemulihan dalam negara kita tidak cukup. Saya suka mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya Pusat Pemulihan Penagih Dadah ini patut diperbanyakkan bukan hendak diperbesar, diperbanyakkan, kerana kalau di tiap-tiap negeri ada pusat pemulihan yang di kelolakan oleh Kementerian ini, saya percaya keadaan kita berubah sedikit daripada yang ada sekarang.

Kita tidak dapat elak, penagih dadah ini makin bertambah dalam Kuala Lumpur ini, bila saya berjalan, saya selalu jumpa penagih dadah ini banyak sungguh. Tetapi pada mereka yang sanggup berubat ini menjadi masalah pula untuk menempatkan mereka di mana untuk berubat atau dipulihkan semula mereka ini.

Selain daripada itu saya mengambil peluang di sini menyentuh mengenai orang-orang buta, bila saya lihat mereka ini, saya kesian sungguh. Saya tahu pegawai-pegawai di Kementerian ini pun lebih kesian daripada saya. Oleh sebab itu bila sahaja ada orang-orang buta, tanggungjawab Kementerian ini berat, memberi latihan kepada mereka ini supaya mereka dapat menjadi telefon operator, menulis dan sebagainya. Tetapi yang menjadi masalah pula apabila mereka ini ada kebolehan untuk mendapat kerja, terpaksa mereka bertanding dengan orang yang celik untuk mendapatkan kerja. Oleh sebab itu

pihak Kerajaan patut mengambil perhatian kepada orang-orang yang buta macam ini supaya mereka mendapat peluang seperti orang lain juga, Kerajaan patut memberi peluang kepada mereka ini untuk mendapat jawatan-jawatan yang ada kemampuan kepada mereka. Kepada mereka yang seperti ini bukan kesah gaji sangat, gaji kepada mereka perkara kedua, kerja dahulu, kemudian dapat pendapatan, mereka boleh tanggung sebagai seorang manusia, walaupun dia buta, kahwin pula, ingin pun hendak kahwin, ada anak dan mereka terpaksa menanggung dan sebagainya. Oleh sebab itu pihak Kerajaan patut mempertimbangkan mereka supaya diberi peluang pekerjaan baik di mana-mana Kementerian atau jabatan supaya peluang-peluang seperti ini dapat diberi kepada mereka dan mereka ini tidaklah menjadi orang yang termasuk dalam golongan rakyat miskin yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 567, Bekalan B. 63, Aktiviti 4—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Pada permulaannya suka saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai dalam Kementerian ini yang telah bekerja dengan cergas dengan peruntukan begitu terhad untuk Kementerian tetapi mereka telah berbuat sedaya upaya dalam menyampaikan bantuan kebajikan masyarakat kepada pihak-pihak orang-orang miskin dan yang perlu mendapatkan bantuan Jabatan Kebajikan.

Sebagai seorang Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan saya ingin menyentuh misalnya Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam Wilayah Persekutuan. Sebagai seorang yang sentiasa berkait rapat dengan masalah-masalah orang-orang miskin dan golongan yang kurang bernasib baik dalam Wilayah Persekutuan, saya ingin melahirkan rasa penghargaan saya kepada Pengarah dan juga

kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan kerana dedikasi terhadap kerja mereka dan kerjasama dan bantuan yang dihulurkan kepada saya dalam berkerjasama memberikan bantuan kebajikan kepada orang-orang miskin.

Di sini suka saya menyuarakan harapan saya bahawa dengan beban kerja yang begitu banyak dalam Jabatan Kebajikan di Wilayah Persekutuan, saya berharap pihak Kementerian dapat menambahkan lagi ramai kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas yang ada dalam jabatan itu. Boleh dikatakan bahawa dalam Wilayah Persekutuan ialah satu tempat yang dipenuhi dengan berbagai-bagai masalah pada tiap-tiap hari. Sebagai satu tempat yang sedang membangun dan memandangkan penghijrahan dari kampung ke bandar Wilayah Persekutuan mempunyai beberapa masalah sosio-ekonomi yang besar, di antaranya misalnya penagih dadah, keruntuhan akhlak, kanak-kanak cacat hinggalah kepada bantuan kebajikan untuk banjir.

Pada masa ini banjir banyak berlaku, mangsa kebakaran, misalnya, dalam Wilayah ada banyak kejadian kebakaran dan untuk semua ini pihak Jabatan Kebajikan Wilayah dikehendaki untuk memainkan satu tugas yang lebih cergas dalam memberi bantuan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan. Masalah-masalah ini tidak boleh diselesaikan dengan tenaga pekerja yang kurang dan ini ialah satu perkara yang ingin saya menitikberatkan untuk menarik perhatian kakitangan Perbendaharaan oleh sebab mereka yang menyampaikan peruntukan untuk Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, tenaga pekerja yang ramai adalah diperlukan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan oleh saya tadi. Mengenai perkara bantuan am ialah satu perkara yang saya rasa adalah mustahak oleh sebab bantuan am ada disampaikan kepada mereka yang memerlukan bantuan ini.

Berkenaan dengan bantuan am ini, perkara ini telah juga disentuh oleh wakil dari Kota Melaka iaitu berkenaan dengan kadar atau nisbah bantuan am yang disampaikan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik. Di sini saya berharap Kementerian dapat mengajki semula secara menyeluruh kadar bantuan

am yang digunakan sekarang di dalam Wilayah Persekutuan. Saya rasa bahawa kadar-kadar bantuan yang dibayar oleh Jabatan Kebajikan adalah tidak realistik mengikut keadaan yang ada sekarang.

Sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, kadar-kadar yang dibayar di bawah bantuan am untuk orang-orang miskin dan yang tidak bernasib baik di Wilayah Persekutuan yang layak untuk mendapat bantuan itu ialah berjumlah lebih kurang kalau tidak silap \$37 untuk individu dan tidak lebih \$100 untuk sesebuah keluarga yang layak mendapat bantuan am ini.

Izinkan saya bertanya apakah seseorang dapat lakukan dengan jumlah \$37 pada hari ini, atau apakah sebuah keluarga boleh lakukan dengan jumlah \$100 di dalam Wilayah Persekutuan di mana kos sara hidup begitu tinggi.

Saya suka mencadangkan supaya jumlah ini ditambah sekurang-kurangnya menjadi tiga kali ganda untuk menjadikan bantuan itu benar-benar realistik. Dan saya tidak bermaksud untuk mencadangkan supaya kita menjadikan negara Malaysia sebagai satu negara kebajikan (welfare state) tetapi sekurang-kurangnya wang yang dikeluarkan di bawah sekim bantuan am ini patutlah dijadikan lebih realistik, lebih bermakna bagi menampung kenaikan kos sara hidup untuk semua mereka yang ada di bawah sekim ini. Kementerian tidaklah harus bimbang jika berlaku salah guna, kerana Jabatan Kebajikan dalam Wilayah mempunyai pegawai yang sentiasa memeriksa sama ada terdapat apa-apa penyalahgunaan di bawah sekim bantuan ini. Jika terdapat penyalahgunaan, bantuan boleh dihenti ataupun ditarik balik.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada masalah berkenaan dengan Pusat Pemulihan Penagih Dadah di bawah muka surat 573, Butiran 4.

Saya suka mencadangkan bahawa pihak Kerajaan patutlah menimbangkan untuk menubuhkan lebih banyak Pusat Pemulihan Penagihan Dadah. Pada masa ini hanya terdapat tiga buah Pusat Pemulihan Penagih Dadah dan satu ialah di Muar, di Kuala Kubu Baharu dan di Sungai Petani, Kedah.

Saya rasa bahawa dengan peruntukan untuk masa depan, saya harap bahawa pusat ini dapat ditambah memandangkan terlalu banyak kes tentang pemulihan penagih dadah yang hendak diuruskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

5.38 ptg.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):

Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kebajikan Am dan saya ingin menyentuh satu dua perkara dalam P. 63, muka surat 567, Butiran 1100, Program (3) Perkhidmatan Pemulihan Dadah dan (4) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan yang dipohon pada tahun ini hanya sedikit daripada tahun lalu iaitu tahun lalu \$1,520,000 dan tahun ini dicadangkan \$1,600,000. Jadi kelebihan yang dipohon \$600,000. Jadi kelebihan yang dipohon hanya bagi tahun ini \$80,000. Saya tidak faham mengapa Kementerian ini memohon peruntukan terlalu sedikit. Dan adakah Kerajaan hari ini telah berpuas hati berkenaan dengan penagih-penagih dadah yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dadah tidak memilih orang kaya, orang miskin, anak orang ternama, anak orang tidak ternama, semua sekali sudah menjadi penyakit masyarakat. Apa yang saya hendak timbulkan di sini daripada pengalaman dan penyiasatan saya sendiri kebanyakan, banyak terdapat penagih dadah apabila dihantar ke pusat pemulihan dan balik semula ke tempat asalnya, dia akan lebih dahsyat lagi. Maknanya ada di antara penagih-penagih dadah yang telah dihantar ke pusat pemulihan tadi tidak langsung memberi kesan kepadanya. Balik semula ke kampungnya, balik semula ke tempatnya, dia menagih dadah lebih dahsyat daripada dia sebelum ke pusat pemulihan. Jadi saya harap Jabatan Kebajikan Am akan dapat menyelidiki daripada masa ke semasa sama ada masa yang diperuntukkan kepada pemulihan itu tidak cukup atau sebagainya.

Sepatutnya setelah seorang anak itu dihantar ke pusat pemulihan, sesudah didapati benar-benar dia sudah pulih, barulah dilepaskan dia dengan harapan dia tidak akan kembali semula menjadi penagih dadah. Tetapi apa yang kita dapati sekarang ini berbalik semula menjadi penagih dadah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, di sini sukalah saya mencadangkan supaya peruntukan bagi Maksud P. 63, muka surat 573, Butiran 4 Perkhidmatan Pemulihan Dadah ceraian (i) Pusat Pemulihan Dadar Muar, Johor, peruntukan yang dipohon \$2 juta.

Saya mencadangkan ditinjau atau diberi perhatian semula tentang peruntukan ini, kerana di negeri Johor, saya akui, Johor yang paling teruk sekali dilanda oleh penagih-penagih dadah. Dalam negeri Johor boleh dikatakan satu dua daerah yang teruk iaitu daerah Muar yang paling teruk dan sesuaialah tempat itu dibuat satu Pusat Pemulihan Dadah. Tetapi dengan peruntukan yang sedikit ini, dan saya difahamkan pegawainya pula tidak berapa orang, jadi saya mencadangkan kepada Kementerian ini pada tahun 1981 ini ditambahlah pegawai-pegawai yang ada di Johor Bahru dan yang ada di Muar. kerana saya difahamkan mereka kekurangan kakitangan. Tidak terlayan banyaknya penagih-penagih dadah yang ditempatkan di tempat itu.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya berkenaan dengan Butiran (1) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak di muka surat yang sama.

Di sini saya juga sebagaimana rakan-rakan saya yang lain memandangkan keadaan yang ada sekarang ini peruntukan yang diberi kepada membantu sama ada kanak-kanak ataupun keluarga yang miskin terlalu sedikit, tidak sesuai dengan keadaan yang ada sekarang. Jadi saya harap supaya Kementerian ini menimbang semula pemberian bulanan kepada orang-orang yang miskin dan begitu juga kepada kanak-kanak umpamanya bantuan peperiksaan SRP/SPM/STP dan sebagainya.

Satu perkara saya ingin hendak timbulkan untuk Perhatian Kementerian Kebajikan Am ini kalau dapat pertimbangkan umpamanya.

dalam kawasan saya terdapat kawasan-kawasan FELDA. Biasanya Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tidak akan melayan segala permohonan yang datang daripada peneroka-peneroka dengan anggapan bahawa mereka itu sudah mendapat banyak kemudahan.

Ingin saya menerangkan di sini, Tuan Pengerusi, bukan semua peneroka-peneroka FELDA itu lumayan kerana kalau peneroka FELDA itu sudah berhasil duduk di antara tiga empat tahun, hasil kelapa sawit atau getahnya banyak, maka ini memang tidak lagi perlu dibantu, sebab pendapatannya banyak. Tetapi bagi peneroka-peneroka yang baru masuk berpindah umpamanya daripada daerah Muar, Batu Pahat dan Keluang, berpindah ke Kota Tinggi untuk menduduki sebagai peserta FELDA. Mereka ini dalam jangka masa dua tahun, mereka hanya diberi seperti gaji antara \$3 dengan \$4 sehari dan mereka belum mendapat hasil yang lumayan. Jadi saya minta Kementerian ini mengkaji semula dan kalau ada permohonan-permohonan yang datang daripada peneroka-peneroka FELDA, untuk bantuan peperiksaan anak-anaknya untuk mengambil peperiksaan SRP/SPM dan sebagainya, saya harap dapat dipertimbangkan, akan dapat diselidiki sama ada mereka itu datang daripada peneroka yang baru atau peneroka yang lama.

Kalau peneroka yang sudah lama, saya sendiri tidak berapa setuju dibantu, sebab mereka sudah pun mendapat bantuan daripada Kerajaan. Tetapi kalau peneroka-peneroka yang baru belum mendapat hasil, berilah perhatian sedikit, kerana mereka itu dalam keadaan yang dhaif.

Jadi itulah sahaja yang dapat saya sebut di sini, dan sekali lagi saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar, lepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.40 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang telah dikemukakan mengenai B. 63, saya juga bersetuju dengan pendapat kawan-kawan saya tadi supaya peruntukan Kementerian ini ditambah, saya juga berharap Kementerian ini dari segi pentadbiran

amnya janganlah semata-mata bergantung kepada wang untuk memberi kepada orang-orang susah dan orang-orang yang menerima kemalangan baik dari segi kemalangan serta-merta ataupun dari segi kemalangan yang biasa seperti sakit jantung adalah berharap kepada wang yang telah diberikan oleh Kerajaan ataupun wang yang didapati mengikut saluran Loteri Kebajikan Masyarakat.

Saya tengok hari ini kalau ada satu-satu kemalangan, selain dari kemalangan biasa macam sakit jantung dan sebagainya yang memainkan peranan kuat ialah *Utusan Melayu* dan satu lagi daripada Persatuan Bakti. Jadi, saya berharap Kementerian ini juga selain dari mendapatkan wang seperti saya katakan tadi memainkan peranan yang penting walaupun ada badan-badan tersebut supaya dapat wang lebih banyak lagi, kerana ada di antara orang kita yang suka menderma secara bulanan sebagai sumbangan khas apa apa yang difikirkan kebajikan.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya harap kepada Kementerian yang berkenaan bantuan pemulihan terutama untuk membolehkan rang yang menimpa kemalangan, mangsa ribut, kebakaran dan sebagainya. Perkara yang saya katakan ini telah berlaku. Saya telah bercakap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kalau tidak silap saya dalam Dewan ini juga, setahu saya biasa dibagi oleh Kementerian yang berkenaan kepada orang yang menarima kemalangan ribut termasuk juga kebakaran tetapi yang menyedihkan saya, Tuan Pengerusi, kita tahu, kita hendak bagi bantuan bukan bagi gantirugi. Saya tidak menafikan dan saya tidak mahu disebut-sebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan bahawa kita hendak bagi bantuan, itu saya tidak menafikan. Tetapi apa yang saya hendak sebut ini biasa berlaku di tempat saya sendiri, ini kenyataan. Biasa pada masa ribut telah berlaku dan banyak rumah yang musnah dan kita bersyukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan. Biasa orang yang kena ribut kalau dianggarkan betul-betul dalam \$300 tetapi dia dapat bantuan sampai \$400. Ini biasa berlaku di tempat saya.

Biar saya bercakap terus terang— sebuah Kampung namanya Kampung Batu Bertang-kup yang berhampiran dengan kilang gula.

Satu hari ribut berlaku sampai memusnahkan 20 buah rumah. Saya berterima kasih kepada Kementerian kerana memberi bantuan dan sebagainya. Tetapi saya sedih, saya biasa sendiri minta, merayu kepada Kementerian yang berkenaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri tentang kebakaran. Kata Yang Berhormat Menteri walau macam mana kebakaran yang besar pun peruntukannya ialah tidak lebih daripada \$500. Ini kerana telah menjadi dasar, katanya. Ya, kita hendak bantu, saya tidak nafikan, kita hendak bantu tetapi adakah menasabah kalau dengan sakelip mata menerima kemalangan \$10,000 rumah ditimpa kebakaran misalnya—rumah kampung apapun tidak ada hendak makan, semua terbakar termasuk kain-kain sedangkan yang kita bantu ialah \$400 atau \$500. Saya fikir ini tidak menasabah. Kalaulah bantuan lain kita patut bantu misalnya rumah kena ribut dan sebagainya, kita beri kadang-kadang sampai 50% bahkan hampir 100%. Saya harap benda ini dikaji semula. Kerana saya tahu dalam aturan kata tidak boleh beri lebih \$500 walaupun terbakar sampai \$10,000 lebih. Saya minta dibuat kajian lagi, yang teruk itu patutlah diberi lebih sedikit, baharulah menasabah dengan apa yang diminta.

Tuan Pengerusi, benda ini berlaku betul-betul. orang yang kena ribut, kebakaran dan sebagainya, bila terkena kadang-kadang tidak apa benda yang hendak dimakan. Misalnya kena ribut, banjir dan sebagainya biasa diberi dua tin sardin, segantang beras. Kemudian selepas itu diasiat sampai tiga bulan. Saya bukan cari publicity, tidak usahlah pada pendapat saya benda kebajikan menerima kemalangan seperti ini hendak nanti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Wakil Rakyat, Menteri hendak pergi ke satu tempat yang menerima kemalangan, buat satu upacara selepas tiga bulan, upacara menyampaikan hadiah-hadiah rumah kebakaran, ribut dan sebagainya. Kalau kita sudah tengok, kita sama-sama tahu pegawai pun tahu bagaimana rumah itu sudah kena ribut, tentu setengah daripada alat kelengkapan itu rosak dan sebagainya, kadang-kadang kalau kena banjir, lebih dasyat lagi, tidak usahlah red tape sangat hendak ambil satu persatu. Bila sudah pergi tengok, kalau boleh, saya berpendapat janganlah melebihi 24 jam, berilah wang itu, kerana kita hendak tolong orang yang kena kemalangan. Saya tidak nafikan

diberi dua gantang beras, kalau tidak silap saya paling banyak dan dua tin sardin, selepas, itu tiga bulan baharu dapat bantuan. Biar saya ulang sekali lagi, yang sedihnya dibuat upacara, tak usahlah buat upacara orang yang menerima kemalangan ini, berilah beberapa cepat yang boleh.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga mengenai bantuan kepada rumah orang tua-tua dan rumah orang cacat. Kita tidak nafikan orang ini cacat dan kita tidak nafikan orang ini tua. Mengikut agama, cara peri kemanusiaan sebaik-baiknya anak muda kenalah pelihara keluarganya sendiri—apatah lagi kalau ibu ataupun bapanya itu sebaik-baik perkhidmatan sebagai anak kepada ibunya. Saya barpendapat tidak seorang manusia yang sanggup duduk di situ. Kalau ada keluarga yang menjadi talian darah ataupun anak cucunya yang dia telah bela tetapi tidak mahu bela dia balik, kecuali ada setengah yang tidak bertanggungjawab ataupun yang hendak bela tetapi dia pun susah juga. Sebab itulah dia duduk luar daripada kehendak keluarga anak cucu dia sendiri. Jadi, saya berharap patutlah cara mantadbir rumah, menguruskan rumah itu biarlah cara keselesaan sedikit dan kalau boleh kepada orang tua-tua ini baik apa bangsa sekali pun, hendaklah kita gunakan perkataan-perkataan yang agak lembut dan sebagainya. Walaupun mereka ini orang susah namun perasaannya tidak salah dan tidak silap sebagaimana kita juga. Saya harap apa yang saya rayu ini mendapat perhatian daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang akhirnya, P. 63, Butiran 5—Rumah-rumah kakitangan, Pembaharuan, Pembaikan dan Tambahan kepada Pertubuhan-pertubuhan Rumah yang ada.

Saya bukanlah hendak puji Kerajaan Negeri Perlis walaupun sebuah negeri yang kecil tetapi kalau difikirkan satu benda itu mustahak untuk membuat kebajikan atau apapun dari segi pembangunan setakat yang ada kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana kita tahu ialah kuasa atas tanah tidak payah sangat hendak bagi tanah walaupun siapa yang minta, asalkan benda itu menjadi faedah kepada umum ataupun menjadi kebajikan misalnya untuk membantu rumah kebajikan dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementnerian yang berkenaan. Saya

dapat tahu ia akan mengadakan rumah kebajikan di Perlis satu dua buah lagi tetapi yang sedihnya, sudah lama, Kerajaan Negeri sudah benarkan tetapi penyelenggaraan untuk siapakan rumah itu tidak siap sampai sakarang lagi. Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan bila satu-satu projek yang hendak dilaksanakan seboleh-bolehnya laksanakanlah projek itu dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, mengenai kakitangan. Saya dapati macam saya katakan tadi memandangkan keadaan, manusia bertambah dan bila bertambah manusia, bertambah pula orang senang, dan bertambah pula orang susah. Jadi dengan sebab itu kakitangan di Perlis, saya harap patutlah ditambah lagi. Apa yang saya katakan ini kenyataan. Saya tidak hendak marah sesiapa, kadang-kadang kita tengok orang cacat, orang susah dan sebagainya, kita cubalah hendak hantar surat kepada pegawai yang berkenaan tetapi bila sudah dihantar, surat tidak diterima dalam masa satu bulan atau 15 hari yang pegawai itu hendak menyelesaikan dengan mudah, kecuali kita pergi sendiri—bawa sendiri kadang-kadang pun tidak sempat hendak buat begitu. Saya percaya ini adalah satu sebab kekurangan pegawai dan sebagainya.

Tentang apa yang dicadangkan oleh kawan-kawan saya tadi, saya berpendapat itu benar sangat walaupun mereka itu kita hendak bantu tetapi kita tahu dengan kenaikan harga barang-barang, inflasi hari ini kalau pegawai, saya selalu bercakap bandingkan diri kita kalau selalunya pegawai Kerajaan, Wakil Rakyat semuanya satu macam, suka kenaikan gaji dan elaun, saya memandangkan keadaan inflasi, kenaikan harga barang dan sebagainya, kepada orang susah kita hendak bantu macam mana yang disyorkan oleh kawan-kawan saya tadi bantuan kepada anak-anak sekolah atau orang tua-tua patutlah dikaji semula terutama di negeri Perlis itu, saya tahu kebajikan masyarakat memainkan dua peranan, satu peranan dimainkan oleh Kerajaan Pusat, tolong bagi lagi banyak wang, kalau hendak harapkan wang daripada Kerajaan Negeri Perlis, wang Negeri Perlis amatlah terhad. Saya harap supaya dapat bantuan wang yang lebih banyak lagi daripada Kerajaan atau Kementerian menambahkan peruntukan terutama negeri yang kurang maju sebagaimana saya katakan tadi bukanlah saya hendak sebutkan

Perlis sahaja tetapi apa boleh buat negeri Perlis itu kekurangan wang tambahkanlah kepada Perlis seboleh-bolehnya seberapa banyak yang boleh.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, apa yang saya syorkan tadi saya haraplah Kementerian yang berkenaan dapat melaksanakan. Dengan ini, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya hendak mengucapkan berbayak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas Anggaran Belanja Kementerian saya. Dalam semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memanglah ada yang baik dan ada yang kurang baik, Kementerian saya akan mengkaji dan memperhatikan kesemua pandangan Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mencadangkan ubahsuai dasar bantuan. Di sini saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu Kementerian saya berasa tidak payah mengubahsuai bantuan-bantuan yang dihulurkan kepada orang tua. Tetapi bantuan yang disebut-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar mengatakan \$25 ataupun \$35 satu bulan tetapi sebenarnya \$50 sebulan jumlah yang ditetapkan mengikut kos saraan hidup.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada mengatakan penyelewengan dalam sistem loteri kebajikan. Saya hendak menafikan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mengatakan di seluruh negara kita tetapi ada satu tempat, mungkin ada, ini masih dalam siasatan dan Kementerian saya juga memanglah sentiasa mengawasi penyelewengan-penyelewengan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas. Ahli Yang Berhormat itu ada membangkitkan satu dua

perkara iaitu beliau mencadangkan peruntukan bagi bantuan kepada rakyat ini patut diperbesar lagi. Bantuan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, bantuan cermin mata kepada murid-murid sekolah, bagi tahun 1980 adalah \$200,000 jika dibandingkan dalam tahun 1979 berjumlah \$73,000 dan bantuan ini telahpun ditambah dalam tahun 1981 dari \$200,000 kepada \$250,000.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Matang ada juga mengesyorkan Kementerian saya patutlah diberi banyak peruntukan lagi. Saya memang mengucapkan terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu oleh sebab beliau mengetahui bahawa kepentingan Kementerian ini dalam masyarakat kita. Kementerian saya ini juga sedar bahawa perkhidmatan yang diberi perlu diperluaskan, maka polisi-polisi yang berkenaan adalah sentiasa dikaji dengan bertujuan memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan. Pegawai-pegawai bagi tahun 1981 juga akan ditambah dengan 40 orang lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Tuan Pengerusi, ada juga mengesyorkan supaya peruntukan ini ditambah tiga kali ganda supaya kita dapat berkhidmat lebih baik lagi. Pada masa sekarang Kementerian ini ada 4 buah pusat yang boleh menampung 590 orang penagih dadah, akan tetapi pada masa di bawah Rancangan Malaysia Keempat 2 buah pusat lagi akan dibina iaitu satu di Johor dan Sungai Petani untuk sejumlah 600 penghuni lagi dan Pusat Pemulihan Kuala Kubu Bahru sedang diperluaskan untuk menampung 40 orang lagi. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, 3 buah lagi Pusat Harian dan 2 buah Pusat Pemulihan telah dicadangkan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada mengesyorkan lebih kurang perkara-perkara yang serupa, tak payah saya mengulang-ulangi perkara yang serupa seperti ini. Jadi saya juga mohon mencadangkan Anggaran Belanja seperti yang dibentangkan ini disetujui.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$43,505,000 untuk Maksud B. 63 di bawah Kementerian Kebajikan Am jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$43,505,000 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$11,087,159 yang disebutkan dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,087,159 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 65 (Jadual)—

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan 1981)—

Tuan Pengerusi: Akhirnya Maksud B. 65 dan P. 65 berjumlah \$1,099,490 741 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sekarang terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.00 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap P. 65, muka surat 611, Butiran 25—Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah dan Butiran 31—Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Thailand.

Tuan Pengerusi, sebenarnya perkara ini telah kita dengan dilaksanakan dengan begitu lama sekali tetapi hingga setakat ini nampaknya pelaksanaannya belum dapat diselesaikan dan sebagaimana semua maklum sempadan antara satu negara dengan satu negara adalah satu perkara yang penting. Oleh itu, saya dalam Dewan yang mulia ini merayu supaya tanda-tanda sempadan antara negara kita dengan kedua negara jiran itu patutlah dapat dilaksanakan dengan segera serta hendaklah diusahakan dengan cara yang serius kerana kita tidaklah berkehendak kepada suatu masa nanti perkara sempadan ini akan menjadi satu perkara yang boleh mengelirukan kerana bagaimanapun jiran

dengan keadaan yang tidak tetap boleh menimbulkan keadaan sempadan yang boleh mendatangkan berbagai perkara yang tidak kita ingini. Oleh kerana itu sekali lagi saya mengharapkan supaya perkara ini dapat dirundingkan dengan kedua-dua negara jiran kita itu supaya dapat diselesaikan dengan segera dan saya menyokonglah sekiranya tambahan ini sepatutnya ditambah lagi supaya dapat pegawai-pegawai kita melaksanakan tugas mereka dengan lebih segera dan lebih bersungguh-sungguh mengikut sebagaimana yang dirancangkan.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya sokong peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

6.03 ptg.

Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengambil perbincangan berkenaan dengan Kementerian ini dan saya menyentuh B. 65, muka surat 600, Butiran 1100, Program (e) Penyelesaian Pesaka Kecil.

Tuan Pengerusi, tidak boleh kita nafikan bahawa di antara sebab kampung-kampung tradisional Melayu terbiar begitu sahaja ialah berkenaan dengan kelambatan mengambil kuasa harta pesaka kecil. Kelambatan bagi penyelesaian harta pesaka kecil ini boleh dibahagikan dengan beberapa sebab.

Pertamanya, kekurangan pengalaman bagi cara-cara mengambil kuasa oleh waris-waris si mati. Keduanya, kekurangan pengalaman bagi pegawai-pegawai yang mengendalikan permohonan mengambil kuasa harta pesaka kecil ini dan juga pembicaraan kuasa tersebut.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, apabila permohonan itu dihantar kepada Pemungut Hasil Tanah kelazimannya perkara itu diproses oleh kerani yang berkenaan yang pada kelazimannya tidak mempunyai pengalaman yang banyak oleh kerana tidak mendapat latihan.

Yang keduanya, Penghulu. Kelazimannya perkara ini dihantarkan kepada penghulu untuk menyiasat dan juga menilai harta si mati itu.

Sebagaimana kita ketahui, Tuan Pengerusi, penghulu tidak mempunyai pengalaman bagaimana cara untuk menilai harta si mati itu. Jadi, dengan perkara ini berlakunya kelambatan.

Yang ketiganya, kelazimannya harta pesaka kecil yang kurang daripada \$10,000 didengar oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah yang tidak mempunyai pengalaman dan kadangkalanya kepada Pemungut Hasil Tanah yang boleh dikatakan mempunyai pengalaman tetapi terlalu banyak dengan urusan sendiri. Dengan demikian pembicaraan itu memakan masa.

Mengikut pengalaman saya, Tuan Pengerusi kadangkala permohonan itu mengambil masa sehingga 3 ataupun 5 tahun kadangkalanya waris pun telah meninggal dunia sebelum perkara itu dibicarakan dan pegawai-pegawai yang berkenaan iaitu Pegawai Penyelesaian Harta Pesaka Kecil tidak mencukupi.

Di Perak misalnya, hanya terdapat tiga pegawai sahaja iaitu di Taiping, di Ipoh dan juga di Batang Padang yang mereka ini mendengar kuasa harta pusaka kecil yang lebih daripada 10,000 hingga ke 50,000. Jadi saya mencadangkan supaya kelemahan ini dapat di atasi di mana pegawai-pegawai yang berkenaan termasuklah kerani yang menguruskan permohonan itu termasuk juga Penolong Pemungut Hasil Tanah dan juga penghulu-penghulu diberi kursus supaya mereka mengetahui akan cara hendak melaksanakan pembicaraan yang berkenaan yang saya sebutkan itu.

Pada penghulu juga kuasa telah diberi oleh Akta ini di mana jika sekiranya permohonan tidak diambil enam bulan selepas seseorang itu mati, maka penghulu yang berkenaan itu boleh mengambil kuasa tetapi dalam pengalaman saya perkara ini tidak pernah dilakukan oleh penghulu. Jadi, saya berharaplah kepada Kementerian ini agar memberi kursus pada pihak, terutama sekali kepada keranikerani yang berkenaan, penghulu dan juga mengadakan penerangan kepada orang-orang kampung terutama sekali di kampung tradisional Melayu bagaimana mereka dan wajibkan mereka mengambil kuasa selepas keluarga mereka meninggal. Kalau tidak nescaya banyak kampung tradisional Melayu terbiar begitu sahaja oleh kerana harta pesaka tidak diambil.

Yang kedua, saya berharap juga kepada Kementerian ini agar dapat menambahkan pegawai-pegawai mereka kalau boleh di tiap-tiap daerah supaya penyelesaian harta pesaka ini dapat diselesaikan dengan senangnya dan tidak mengambil masa sebagaimana saya sebutkan dari satu, tiga ataupun lima tahun. Dengan cara ini saya berharap dapatlah pengambilan kuasa berkenaan tanah-tanah di kampung tradisional dapat dimudah dan dipercepatkan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.08 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 65, muka surat 608, Butiran 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Tuan Pengerusi, satu ucapan tahniah patut diberikan kepada pihak FELDA kerana telah melebihi target yang diperlukan pada mereka untuk memajukan tanah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam pada itu, saya inen bercakap juga mengenai satu aspek FELDA iaitu mengenai Masyarakat di dalam FELDA.

Tuan Pengerusi, FELDA ataupun masyarakat FELDA, yakni peneroka-peneroka di dalam Rancangan FELDA juga adalah sebahagian daripada masyarakat biasa maka usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya keadaan di dalam FELDA tidak jauh berbeza dengan keadaan yang wujud di kampung-kampung luar di sekitar FELDA yang berkenaan. Usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya keadaan di dalam FELDA tidak jauh berbeza dengan keadaan yang wujud di luar FELDA. Salah satu perkara yang saya ingin sentuh dalam hal ini ialah mengenai Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) yang wujud di rancangan-rancangan FELDA.

Saya difahamkan bahawa JKKR ini adalah dipilih melalui satu sistem pilihanraya dalam rancangan-rancangan FELDA dan daripada rancangan-rancangan FELDA itu satu pemilihan pula dibuat diperingkat wilayah dan begitulah pula di peringkat kebangsaan.

Jadi ertinya di dalam FELDA itu sendiri terdapat satu kerajaan kecil di dalam satu kerajaan yang besar iaitu Kerajaan Negeri ataupun dalam Kerajaan Federal. Saya merasa ragu-ragu kebaikan perkara ini, Tuan Pengerusi, kerana perkara ini tidak terdapat di luar daripada rancangan FELDA sendiri.

Kalau mengikut Athi Nahappan Report mengenai Kerajaan Tempatan dan ini telah dijadikan sebagai asas kepada Akta Kerajaan Tempatan pada tahun 1976 iaitu semua Kerajaan Tempatan atau Local Authorities ahli-ahlinya adalah dilantik oleh pihak Kerajaan. Jadi saya mencadangkan supaya JKKR ini juga kalau boleh hendaklah diselaraskan dengan apa yang berlaku kepada Jawatankuasa Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran yang terdapat di luar daripada rancangan FELDA. Dan ia hendaklah dilantik oleh pihak yang tertentu sebagaimana yang terdapat kepada Majlis-majlis daerah ataupun Majlis-majlis Perbandaran dan rasa saya, Tuan Pengerusi, adalah lebih baik sekiranya JKKR ini ditukar ganti berasas kepada konsep Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebagaimana juga terdapat di kampung-kampung di seluruh negara pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa berkata demikian kerana seolah-olah JKKR yang terdapat dalam rancangan-rancangan FELDA hari ini mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu, misalnya, kuasa dari segi disiplin terhadap peneroka-peneroka di dalam rancangan yang berkenaan. Saya tidak tahu sama ada apakah kita sebagai sebuah negara yang bukan komunis, anti-communist yang mempunyai ugama patut mengikut sistem komunisme sepertimana seakan-akan yang diikuti oleh FELDA pada hari ini. Selain daripada soal-soal yang saya sebutkan tadi dan selain daripada itu juga kita takut bahawa suatu perkara yang akan timbul, umpamanya, terdapat kekacauan dalam rancangan FELDA sendiri kerana untuk menuju satu proses pemilihan wakil-wakil mereka di peringkat rancangan, peringkat wilayah dan peringkat kebangsaan tentulah ada proses pilihanraya dalam bentuk kempen-kempen dan sebagainya. Kalau di luar terdapat parti politik mungkin juga di dalam apabila masyarakat mereka lebih mewah, masyarakat mereka lebih tersusun dan masyarakat mereka lebih baik daripada apa yang ada hari ini maka timbul perkara yang semacam itu.

Rasa saya, Tuan Pengerusi, kita tidak mampu membenarkan satu lagi pertandingan atau perlumbaan dari segi hendak menjadi pemimpin di dalam satu bahagian masyarakat kita yakni FELDA. Jadi dengan cara demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya apa yang terdapat dalam FELDA itu hendaklah diselaraskan dengan apa yang terdapat di dalam kawasan tempat lain. Hakikat ini, Tuan Pengerusi, agaknya telah menukar ke dalam FELDA hari ini kerana jelas sekali seolah-olah pada setengah-setengah peneroka FELDA, terutama sekali dalam kawasan saya Tanah Merah Kelantan ada kalangan mereka itu menganggap bahawa mereka adalah seolah-olah dari satu masyarakat yang lain, mereka tidak bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah, mereka tidak bertanggungjawab kepada badan-badan lain dalam daerah yang berkenaan, bahkan boss mereka adalah Pengerusi ataupun Ketua Pengarah FELDA. Ini adalah satu perkara yang tidak baik seperti mana saya katakan tadi mungkin membawa satu konsep di mana wujudnya kerajaan di dalam kerajaan dan di mana seperti saya katakan tadi sudah sampailah masanya perkara ini hendaklah diperbaiki.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh mengenai P. 65, muka 610, Butiran 15, Perbadanan Kemajuan dan Pemulihan Tanah Kelantan Darulnaim (TAKDIR) iaitu permohonan pinjaman \$5,869,030 dipohonkan bagi peruntukan tahun 1981.

Tuan Pengerusi, dalam peruntukan-peruntukan yang sudah telahpun saya sentuh bahawa pinjaman-pinjaman hendaklah diberikan kepada rancangan TAKDIR ini sebanyak 27 rancangan itu kerana terlalu banyak perkara yang patut diperbaiki dalam rancangan itu kerana walau pun rancangan itu telah lama wujud kebanyakan daripada rancangan itu dapat dianggap sebagai rancangan yang telah gagal oleh sebab-sebab yang tertentu yang tidak perlu diperpanjangkan di sini lagi. Soal-soal kegagalan dan punca kegagalan itu rasa saya tidak patut dipersoalkan sekarang kerana semua sudah menjadi sejarah.

Masalah kita sekarang ialah pemulihan tanah-tanah itu sesuai dengan namanya telah ditukar daripada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan kepada Perbadanan Pem-

angunan dan Pemulihan Tanah itu, misalnya mulai hari ini telah kedapatan peneroka tanah berkenaan telah mulai tinggal di kawasan tersebut kerana adanya usaha-usaha Kerajaan memberi bantuan rumah, adanya usaha Kerajaan memberi bantuan pemulihan, adanya usaha Kerajaan Negeri menyediakan jalanraya dan adanya usaha Kerajaan Negeri menyediakan jalan-jalan ke ladang-ladang mereka dan usaha ini adalah jauh lagi daripada tamat. Dengan ini saya merasakan bahawa sekiranya pihak TAKDIR ini datang ke Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk mengemukakan permohonan yang selanjutnya melalui Kerajaan Negeri Kelantan saya pohon supaya pihak Kementerian ini tidak akan mengemukakan banyak masalah kerana sesuai dengan apa yang saya sebutkan tadi masalah yang didapati dalam rancangan-rancangan tanah itu yang perlu diatasi adalah terlalu banyak dan sesuai dengan masalahnya terlalu banyak maka sesuai pulalah bantuan-bantuan atau pinjaman-pinjaman yang perlu disampaikan atau diberi oleh pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian ini juga banyak sebagaimana masalah yang terdapat di dalam rancangan-rancangan tersebut.

Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong permohonan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Panti.

6.15 ptg.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong penuh permohonan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya ingin menyentuh P. 65, muka 608, Butiran 1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) iaitu butiran (i) sampai (v).

Tuan Pengerusi, hasrat dan tujuan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat pertengahan hampir terlaksana kerana dengan peruntukan begitu banyak tiap-tiap tahun lebih-lebih lagi tahun ini telah dapat mewujudkan masyarakat pertengahan yang kita cadangkan dan yang kita idam-idamkan ini, tetapi dengan sebab saya percaya dari segi pentadbiran masih boleh lagi dikemas atau

dikemaskinikan supaya tujuan dan matlamat hendak mewujudkan masyarakat pertengahan itu tidak habis di tengah jalan oleh kerana akhir-akhir ini saya perhatikan dalam kawasan saya boleh dikatakan yang terbanyak terdapat kawasan FELDA. Oleh kerana kurang teliti dari segi pengurusan maka peneroka FELDA yang telah mendapat sedikit sebanyak wang ringgit hasil daripada kelapa sawit dan getahnya, maka yang benar-benar mendapat nikmat hari ini bukannya peneroka kerana wang yang mereka dapati sampai \$1,000 sebulan atau \$500 sebulan hanya singgah sebentar sahaja di tangan mereka untuk beberapa jam atau beberapa saat; kemudian wang itu terus pergi ke tangan pihak yang ketiga. Yang saya maksudkan ke tangan yang ketiga, ialah taukeh-taukeh TV, taukeh-taukeh motor Honda, taukeh-taukeh kereta dan taukeh-taukeh perabut. Apa salahnya kalau sekiranya taukeh-taukeh Honda, taukeh perabut atau taukeh TV itu datang daripada masyarakat FELDA sendiri iaitu melalui Koperasi FELDA. Jadi wang tadi tidak berlegar keluar tetapi akan berlegar ke dalam FELDA. Jadi, saya harap ini akan dapat ditimbang dan diselidiki oleh pegawai-pegawai di Kementerian Kemajuan Tanah, terutama sekali pegawai bahagian FELDA ini, bagaimana cara supaya wang yang berjuta ringgit tiap-tiap bulan yang dicurahkan kepada peneroka FELDA tadi tidak habis keluar terlepas ke tangan pihak ketiga, biarlah dikelolakan sendiri melalui Koperasi FELDA.

Saya difahamkan memang ada Koperasi FELDA tetapi masih boleh dikemaskinikan, masih boleh diperbaiki untuk tujuan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang agak menghairankan kita atau memeranjatkan kita ialah terdapat masyarakat-masyarakat FELDA ini, sepatutnya kita melahirkan masyarakat yang pertengahan hidup dan masyarakat yang berdisiplin, masyarakat yang taat dan sebagainya, tetapi yang anihnya masih juga terdapat di kalangan peneroka-peneroka FELDA, masyarakat yang anti Kerajaan, masyarakat yang sudah mula melawan Kerajaan. Jadi saya harap sama ada Pegawai-pegawai Pembangunan Masyarakat atau apa yang dinamakan SDO dalam rancangan atau dalam wilayah sama ada disedari hakikat ini atau tidak, sama ada

kursus-kursus sivik telah diadakan banyak-banyak kepada masyarakat FELDA ini supaya mereka itu memahami bahawa pembangunan FELDA dibangunkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, supaya mereka faham bahawa FELDA ini dibangunkan oleh Kerajaan yang didukung oleh parti yang memerintah Barisan Nasional.

Saya hairan sekali mengapa lahir dalam masyarakat FELDA hari ini orang-orang yang sanggup menentang Kerajaan, orang-orang yang sanggup menubuhkan parti-parti pembangkang melawan parti Kerajaan yang memerintah hari ini, di mana salahnya? Ini saya harap dapat dibetulkan semula sebelum nasi menjadi bubur.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di segi pembangunan terutama termasuklah pembangunan agama. Di sini saya ingin menegur sedikit oleh kerana kedapatan pada masa-masa yang sudah agama adalah hak negeri-negeri, hak Sultan-sultan dan Raja negeri-negeri, sebarang pegawai agama yang dihantar ke mana-mana negeri sepatutnya mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri atau daripada Jabatan Agama Negeri itu. Tetapi apa yang saya dapati selama ini seseorang pegawai agama yang dihantar ke rancangan-rancangan FELDA sehingga Kadi Daerah itu sendiri tidak kenal dan tidak tahu yang di dalam rancangan sana ada seorang pegawai agama diletakkan. Ini juga menimbulkan salah sangka dan salah faham di antara FELDA dan Kerajaan-kerajaan Negeri terutama sekali Pejabat-pejabat Agama Daerah.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, bahagian yang ketiga umpamanya jalan-jalan FELDA dan yang keempat bekalan-bekalan air, sehingga hari ini masalah ini menjadi masalah yang sangat rumit, oleh kerana menjalankan projek-projek jalan dalam FELDA dan begitu juga bekalan air bergantung 100% kepada JKR Daerah, sedangkan JKR Daerah bukan sahaja hendak melaksanakan projek di dalam FELDA mereka juga bertanggung-jawab dengan pembangunan di luar bandar dan pembangunan dalam bandar. Jadi apakah salahnya kalau saya cadangkan kepada pihak FELDA menubuhkan JKRnya sendiri, janganlah terlalu bergantung kepada JKR Daerah kerana sebagaimana yang kita tahu tiap-tiap satu JKR Daerah itu hanya mempunyai seorang jurutera dan seorang

pembantu jurutera dan beberapa orang pegawai. Umpamanya kalau kita lihat dalam muka surat 609, Butiran 11, Johor Tenggara mempunyai 16 jurutera, di dalam Daerah Kota Tinggi misalnya. Sebab itu Rancangan Johor Tenggara bolehlah dikatakan, saya puji-lah tidak terbantut, berjalan dengan beres. Apakah salahnya kalau FELDA juga menubuhkan JKRnya sendiri supaya kalau membetulkan jalan peruntukan tadi tidak payah disalurkan kepada JKR Daerah, melalui JKR FELDA sendiri boleh membuat jalan dalam kampung dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh susunan yang ada sekarang ini apa yang telah disentuh oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi berkenaan dengan JKKR (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan). Saya berharap Kementerian ini akan dapat meninjau balik semula dan mengkaji semula sama ada JKKR ini sesuai lagi untuk hari ini atau tidak, kerana saya telah difahamkan dan saya telah dapati ada sebahagian JKKR ini telah menyalahgunakan kuasa yang ada padanya, dengan menyingkirkan orang yang tidak disetujui dan berbagai-bagai lagi. Jadi saya harap juga Kementerian ini supaya menapis dan menyemak semula sama ada JKKR ini sesuai atau tidak, supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan kuasa di dalam FELDA khususnya. Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.26 ptg.

Tuan Umar bin Ismail (Padang Rengas):

Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama untuk hendak menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Saya hendak menyentuh muka surat 608, Maksud P. 65, Butiran 5—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah. Tuan Pengerusi, kita tidak dapat hendak menafikan kejayaan Kementerian ini di dalam hendak meninggikan taraf hidup rakyat yang miskin dengan pembukaan beratus-ratus rancangan FELDA

dalam negara kita ini, tetapi di dalam kita menumpukan perhatian kemajuan pembukaan tanah FELDA yang baru ini jangan pula kita lupa bahawa kampung-kampung lama, kebun-kebun getah yang ada di luar bandar hari ini tidak dapat mendatangkan hasil yang sepatutnya bukan sahaja merugikan kepada pekebun-pekebun kecil bahkan juga boleh merugikan negara kita.

Saya sebagai Wakil Rakyat yang mewakili kawasan yang banyak menanam getah oleh pekebun-pekebun kecil, hari ini di mana-mana kampung pun beratus ekar kebun getah tidak ditanam semula dan tidak dapat ditoreh oleh kerana minat orang luar bandar ini hendak menumpukan kepada FELDA, sebab itulah hari ini beribu-ribu lagi masih menunggu untuk masuk FELDA.

Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian ini supaya mengambil satu langkah bagaimana kita boleh memulihkan tanah-tanah kebun getah yang ada di kampung-kampung lama, umpamanya dengan mencantumkan kebun-kebun lama yang tidak dapat mendatangkan hasil yang baik itu supaya dilaksanakan oleh pihak FELCRA dengan cara sebagaimana yang telah dijalankan oleh FELDA, begitu juga Kerajaan Negeri banyak membuka tanah-tanah pinggir, tanah terkawal. Dalam kawasan saya lebih daripada 1,000 ekar tanah rancangan pinggir dan terkawal ini tidak berjaya, sangat kecil peratus kejayaan dan yang berjaya pula menimbulkan masalah oleh kerana di dalam kawasan Rancangan Tanah Pinggir atau terkawal ini hanya berapa ekar sahaja yang dijayakan menimbulkan kesulitan kepada mereka yang berjaya untuk bekerja atau menjalankan kerja memotong getah dalam kawasan itu oleh kerana sekelilingnya penuh dengan semak-samun.

Saya mencadangkan supaya pihak FELCRA menimbang tanah-tanah yang terbiar ini, yang tidak berjaya ini supaya dipilih, diam-bilalih, dijayakan supaya dapat kita mengurangkan minat orang-orang kampung yang tidak ada bertanah ini untuk berhijrah ke kawasan FELDA.

Selain daripada itu, kalau silap saya minta maaf, FELCRA di dalam hendak melaksanakan projeknya berkehendakkan sesuatu kawasan yang mengandungi sekurang-kurangnya 400 ekar, kadang-kadang kita hendak

mendapatkan kawasan sekelompok 400 ekar ini menjadi kesulitan oleh kerana di dalam kumpulan itu mungkin ada orang-orang kampung yang tidak bersetuju tanahnya untuk dimasukkan dalam rancangan FELCRA ini.

Saya memberi pandangan supaya di dalam satu mukim atau wilayah yang ada kawasan beberapa puluh ekar di satu tempat yang ada keliling itu walaupun beberapa puluh ekar di satu tempat yang ada keliling itu walaupun tidak bercantum tetapi boleh diambil kira kalau jumlah yang dikehendaki oleh FELCRA itu, boleh ditubuhkan satu rancangan FELCRA. Saya rasa dengan cara ini kita dapat menyelesaikan masalah tanah-tanah atau kebun-kebun getah yang terbiar atau yang tidak berjaya yang ada banyak di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah muka surat 610, Maksud P. 65, Butiran 14—Rancangan Tanam Semula Getah.

Tuan Pengerusi, kita telah meluluskan satu tambahan peruntukan tanam semula dari \$1,200 ke \$2,200 seekar bagi kebun-kebun kecil yang ke bawah daripada 10 ekar. Saya nampak pekebun-pekebun kecil dalam kawasan saya menerima keputusan Kerajaan menaikkan bayaran tanam semula daripada \$1,200 menjadi \$2,200 ini dengan sambutan yang dingin sahaja, seolah-olah bukan satu pemberian yang baik kepada mereka. Pada pandangan saya terjadi demikian oleh kerana sebagaimana saya katakan tadi bahawa pemilik-pemilik kebun kecil yang ada di kampung-kampung lama ini terdiri daripada mereka yang telah tua, tidak upaya lagi hendak mengerjakan untuk menanam semula dan lagi satu kesulitan bagaimana mereka hendak menoreh getah itu 5 tahun atau 7 tahun kemudian dengan keadaan mereka yang demikian.

Sebab itu kebanyakan mereka terutama sekali orang Melayu tidak begitu memberi sambutan yang begitu baik di dalam rancangan menanam semula ini. Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian ini supaya rancangan menanam semula ini dibuat secara berkelompok atau diadakan mini-estate sebagaimana yang telah dijalankan di setengah-setengah kawasan. Dalam kawasan saya hari ini baru satu kawasan sahaja mini-estate dicubakan, jadi saya mencadangkan

diperbanyakkan lagi rancangan menanam semula getah berkelompok (mini-estate) dengan cara kita memberi upah, memberi gaji kepada mereka yang ada di tempatan atau dibawa pekerja-pekerja dari daerah-daerah lain bagi mengatasi masalah bagaimana kita hendak menanam semula kebun-kebun getah tua yang ada di luar-luar bandar hari ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam menyentuh berkenaan dengan tanam semula ini, saya berterima kasih banyak kepada pihak RISDA yang telah berjaya menubuhkan banyak PPK di seluruh negara kita ini, tidak terkecuali kawasan saya; sehingga hari ini lebih daripada 69 unit Pusat Pekebun-pekebun Kecil ini telah ditubuhkan. Ini mendapat sambutan daripada orang ramai kerana berbagai-bagai kemudahan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan melalui Pusat PPK iaitu dengan menubuhkan pusat memproses getah yang bermutu dengan menggunakan mesin berjentera dan sebagainya bagi menggalakkan pakebun-pekebun kecil mengeluarkan getah yang bermutu tinggi, dengan mengadakan biasiswa dan sebagainya; memberi kemudahan-kemudahan yang lain. Tetapi satu masalah timbul, iaitu di dalam ramai-ramai itu ada juga orang yang hendak menyertai projek Pusat Pembangunan Pekebun Kecil ini ada juga, saya rasa, patut kita fikirkan umpamanya di dalam pemberian biasiswa pekebun kecil ini kepada pekebun-pekebun kecil.

Hari ini biasiswa pekebun-pekebun kecil ini hanya diberi kepada mereka yang menyertai dan menjadi ahli sama ada ahli gabungan atau ahli biasa kepada PPK, sedangkan pekebun-pekebun kecil yang ada anaknya tetapi mereka tidak menjadi ahli kepada PPK ini tidak layak menerima biasiswa RISDA sedangkan merekapun sama-sama juga sebagai pekebun kecil yang telah membayar cukai kepada kumpulanwang penanam semula ini.

Saya mencadangkan kalau tidak menjadi satu masalah, kepada sesiapa juga yang menjadi pekebun kecil maka dia layak menerima biasiswa RISDA ini. Selain daripada itu, Tuan Pengarusi

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

6.35 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut serta mengambil bahagian di dalam membahaskan peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dalam menyentuh berkenaan dengan Kementerian ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 65, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am, Program (2) Jabatan Ukur Tanah, Program (4) (a) Pentadbiran dan Penyelarasan Tanah Persekutuan dan Program (4) (f) Latihan

Tuan Pengerusi, apabila negara kita ini masuk ke dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti sudah tentulah banyak projek-projek yang besar yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, dalam masa menjalankan projek-projek pembangunan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga banyak masalah-masalah berkenaan dengan pengambilan tanah telah didapati di kawasan-kawasan di mana projek-projek ini dijalankan.

Di dalam kawasan Parlimen Gerik sendiri, sebagai contoh, Tuan Pengerusi, apabila pihak LLN mengambil Kampung Temengor dalam kawasan Parlimen Gerik untuk dijadikan Empangan Temengor maka penduduk-penduduk dari Kampung Temengor Lama ini telah dipindahkan ke satu kawasan yang lain lebih kurang 38 batu jaraknya yang dinamakan hari ini Kampung Ganda Temengor dan apabila Empangan ini telah siap dibina dan kawasan perkampungan ini telah ditenggelami oleh air, sehingga hari ini tahun 1980 penduduk-penduduk yang telah berpindah pada tahun 1976 masih lagi belum mendapat imbuhan ataupun ganjaran ataupun saguhati daripada perpindahan ini.

Kampung-kampung mereka yang telah ditenggelami air sehingga hari ini belum lagi dibayar pampasan. Masalah yang timbul ini ialah kerana pihak-pihak yang telah menjalankan ukuran tanah yang telah mentaksirkan jumlah harga tanah dan sebagainya di kawasan Kampung Temengor Lama ini telah tidak dapat menjalankan kerja mereka dengan betul dan cekap. Maka sehingga hari ini walaupun pihak LLN telah dapat menyediakan peruntukan pada bulan Mei 1977 tetapi sehingga hari ini penduduk-penduduk yang telah berpindah ini masih belum lagi mendapat gantirugi mereka. Ada setengah-

setengah penduduk ini telahpun meninggal dunia tetapi waris-waris mereka sehingga hari ini masih belum mendapat gantirugi perpindahan.

Tuan Pengerusi, begitu juga masalah-masalah yang terlibat dengan talian api daripada Empangan Temengor sehinggalah ka Butterworth. Banyak tanah-tanah yang telah terlibat dengan talian api ini yang telah diambil oleh pihak LLN, sehingga hari ini masih ada yang belum dibayar oleh pihak LLN dan masalah yang ditimbulkan juga bukanlah masalah LLN tidak mempunyai kewangan untuk membayar tetapi masalah pengukuran dan juga taksiran tanah-tanah yang telah diambil oleh pihak LLN ini.

Dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian oleh kerana dalam masa jangka Rancangan Malaysia Keempat ini lebih banyak lagi pembangunan-pembangunan yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan, misalnya, pembinaan Lebuhraya Timor-Barat yang sehingga hari inipun masih belum dibayar lagi gantiruginya dan juga Lebuhraya Utara-Selatan yang mana akan melalui banyak kampung-kampung Melayu dan juga tanah-tanah ladang dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya latihan kepada pegawai-pegawai di peringkat daerah, kepada juru-juru ukur di peringkat negeri dan sebagainya dipertingkatkan supaya mutu perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan. Dengan cara ini walaupun pegawai-pegawai tidak ditambah tetapi oleh kerana perkhidmatan mereka lebih cekap maka sudah tentulah masalah-masalah yang mana tidak dapat diatasi dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat diatasi dalam masa Rancangan Malaysia Keempat dan masalah-masalah yang timbul dalam masa pembangunan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak akan timbul, tidak akan berbangkit lagi dalam masa kita menjalankan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud Pembangunan P. 65, muka surat 608, Butiran 1 tajuk (ii) Pembangunan Utama.

Saya juga turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak FELDA yang mana dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga kalau pihak FELDA telah diminta untuk membangunkan kawasan seluas 500,000 ekar

tetapi mereka telah berjaya membangunkan kawasan seluas lebih daripada 570,000 ekar. Ini satu kejayaan yang telah dapat dicapai oleh FELDA dan kita mengucapkan tahniah dan syabas. Kita juga mengucapkan tahniah kepada FELDA kerana telah diberikan hadiah Tun Razak sebagai satu kejayaan untuk memajukan lagi negara kita ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada FELDA kerana kalau dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita telah dapat memperbanyakkan lagi pelajar-pelajar Melayu sampai ke sekolah-sekolah menengah, sampai ke persekolahan tinggi, ke universiti-universiti dan sebagainya dan kalau dahulu peratus anak-anak Melayu yang sampai ke universiti begitu kecil sekali tetapi hari ini kalau kita pergi ke seluruh negara sama ada di kampung-kampung yang terpencil ataupun di bandar-bandar yang besar bilangan anak-anak Melayu yang hari ini menjadi pelajar di universiti begitu tinggi sekali.

FELDA juga telah dapat mencapai satu kejayaan yang besar kalau dahulu sebelum kita mencapai kemerdekaan estet-estet yang besar-besar hanya dipunyai oleh orang-orang Inggeris ataupun syarikat-syarikat yang besar-besar tetapi dengan kejayaan yang dapat dicapai oleh FELDA hari ini penduduk-penduduk di luar bandar, orang-orang Melayu yang tinggal di luar bandar sungguhpun tidak dapat mengatakan yang estet itu kepunyaannya tetapi mereka dapat berbangga bahawa mereka mempunyai saham di dalam estet-estet yang telah dibangunkan oleh FELDA dengan begitu jayanya. Dalam masa FELDA mengatasi masalah-masalah kemunduran di luar-luar bandar ini FELDA juga dalam masa mereka mengatasi masalah ini telah dapat satu masalah lain pula. Misalnya, kalau FELDA hari ini dapat menempatkan 62,000 peserta-peserta baru ke dalam rancangan-rancangan FELDA dan oleh kerana kebanyakan peserta-peserta ini apabila mereka masuk ke FELDA mempunyai lebih kurang dua orang anak pada hari ini mungkin mereka mempunyai lima orang anak. Tetapi tanah-tanah di kawasan FELDA itu hanya boleh dipunyai oleh hanya seorang peserta sahaja.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak FELDA untuk memikirkan bagaimanakah pula nasib anak-anak peneroka FELDA yang tidak berjaya. Kalau misalnya anak-anak mereka ini berjaya sampai ke universiti, ber-

jaya sampai ke sekolah-sekolah menengah, berjaya untuk memegang jawatan-jawatan Kerajaan atau jawatan-jawatan di peringkat swasta, maka masalah mereka ini kepada FELDA tidak timbul. Tetapi kalau anak-anak mereka ini tidak berjaya di dalam pelajaran mereka dan anak-anak mereka ini akan tinggal di kawasan-kawasan FELDA timbullah masalah. Kalau mereka ini tinggal di kawasan-kawasan kampung tradisional mereka boleh membangunkan rumah di kawasan tanah bapa mereka. Tetapi kalau mereka ini tinggal di kawasan-kawasan FELDA sudah tentulah mereka ini tidak dapat membangunkan rumah, membina rumah dengan sewenang-wenangnya dalam kawasan FELDA maka sudah tentu akan timbul satu masalah lagi kepada FELDA di masa yang akan datang iaitu masalah setinggan di dalam kawasan-kawasan FELDA.

Untuk mengatasi masalah setinggan ini daripada awal lagi, saya ingin mencadangkan kepada FELDA supaya di sekitar kawasan-kawasan FELDA yang ada hari ini dibangunkan juga secara perlahan-perlahan kawasan tambahan kepada kawasan FELDA dan keutamaan untuk memasuki kawasan tambahan ini diberi kepada anak-anak peneroka FELDA.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan berkenaan dengan kemudahan-kemudahan sosial yang ada di kawasan-kawasan FELDA hari ini. Kalau misalnya kita pergi ke kawasan-kawasan pekan hari ini kita akan mendapati banyak sekali kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Saya ingin mencadangkan supaya di dalam kawasan-kawasan FELDA yang besar-besar misalnya 10,000 ekar ke atas diadakan juga pusat-pusat misalnya mini stadium yang kecil-kecil supaya anak-anak peneroka FELDA ini mempunyai kemudahan-kemudahan padang permainan, kemudahan-kemudahan dewan-dewan yang lebih besar dan lebih selesa sedikit supaya mereka ini juga mendapat kemudahan-kemudahan yang ada disediakan oleh pihak Kerajaan di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja dan akhirnya saya ingin menyokong permohonan peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Pengerusi, izinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya nampak dengan penuh minat dan sungguh-sungguh, serius memberi pandangan-pandangan untuk hendak memajukan lagi kegiatan badan-badan atau agensi-agensinya yang berada di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Saya penuh percaya ini adalah membayangkan di atas kesedaran orang ramai khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat betapa perlunya kita mengambil apa juga langkah untuk mencapai matlamat khususnya bagi membantu meninggikan taraf hidup rakyat yang tidak mempunyai kemampuan yang tersebar di seluruh negara. Saya tidak berhasrat untuk mengulas satu persatu pandangan-pandangan dan juga teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun setakat mana yang dapat saya terangkan, saya akan terangkan dan selainnya pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan mana-mana yang sesuai akan dilaksanakan untuk tujuan hendak meninggikan lagi mutu perkhidmatan agensi-agensinya yang ada di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Kerajaan memanglah memandang berat mengenai pengukuran sempadan antara Malaysia dengan Indonesia dan Malaysia dengan Thailand. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat ukuran sempadan antarabangsa kita terbahagi kepada tiga:

Pertama, di antara Malaysia dengan Thailand. Kita mulakan pada 6hb Julai, 1973 dan sehingga 30-9-1980 sepanjang 258 kilometer telah siap diukur iaitu sebanyak 45% dan bakinya sejauh 318 kilometer yang akan diukur selepas daripada tarikh ini;

Kedua, sempadan Malaysia Sabah dengan Indonesia, kita mulakan pengukuran pada 9-9-1975 dan siap diukur setakat 30-9-80 sepanjang 333 kilometer iaitu lebih kurang 68% dan bakinya 153 kilometer;

Ketiga, sempadan Malaysia Sarawak dengan Indonesia, kita mulakan pada tarikh yang sama dengan Sabah dan sehingga tarikh yang sama juga iaitu 30-9-1980 kita telah siap mengukur sepanjang 389 kilometer, lebih kurang 25% dan baki 1,117 kilometer.

Yang Berhormat tentu sedia maklum berbagai-bagai kesulitan telah kita hadapi dalam usaha-usaha hendak mengukur sempadan di antara negara kita dengan negara-negara jiran terutamanya antara negara kita dengan Thailand kita menghadapi juga masalah keselamatan dan sebagainya. Dan kita harap kawasan sempadan yang selebihnya akan dapat diukur seberapa cepat yang boleh sebagaimana yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam itu.

Mengenai masalah FELDA yang telahpun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, Panti, Padang Rengas dan juga Gerik, saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih atas tahniah dan pujian yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atas usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak FELDA. Dalam pada itu kita juga sedar bahawa dalam melaksanakan hasrat Kerajaan dan negara dalam pembangunan tanah FELDA ini juga berbagai-bagai masalah yang kita hadapi. Dan oleh kerana rancangan ini dianggap satu rancangan yang baru dan peneroka-peneroka adalah datang daripada berbagai golongan dalam masyarakat tentulah keadaan-keadaan yang ada di rancangan-rancangan FELDA ini agak berlainan sedikit pada mulanya dengan masyarakat-masyarakat yang ada di kampung-kampung. Maka dengan sebab itu berdasarkan keadaan-keadaan ini pihak FELDA mengadakan berbagai-bagai peraturan yang kita jalankan selama ini yang mana setengah-setengah peraturan ini telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi patut kita mengkaji semula. Ini kita sedar.

Yang sebenarnya secara keseluruhannya dan secara am bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sendiri telahpun mengambil perhatian untuk tujuan

ini termasuklah untuk mengkaji semula mengenai JKRR seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, dari Panti dan juga dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain. Dalam hal ini tentulah kajian yang teliti patut difikirkan sebelum sesuatu perubahan ataupun satu kajian akan dijalankan.

Begitu juga masalah setengah-setengah peneroka menentang Kerajaan dan sebagainya ini seperti saya katakan tadi mereka ini datangnya daripada berbagai-bagai golongan berbagai-bagai corak dan ragam manusia kita kumpulkan dalam kawasan FELDA. Maka yang demikian tentulah kita menghadapi masalah ini. Dengan ini juga pihak berkuasa FELDA dari semasa ke semasa mencari jalan untuk hendak mengatasi keadaan ini.

Tuan Pengerusi, ini termasuk juga mengenai peraturan yang berjalan pada hari ini, pemilihan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan menerusi pilihanraya. Pihak Kementerian menyedari keadaan ini dan seperti saya katakan tadi kita sedang mengkaji masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini.

Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti mengenai dengan pendapatan peneroka-peneroka sebahagian besar daripadanya tercurah atau terpulung kepada golongan ketiga, kami menyedari keadaan ini dan pada peringkat awal tentulah keadaan ini tidak dapat dielakkan. Tetapi untuk mengatasi keadaan ini berbagai-bagai usaha telahpun dijalankan oleh pihak FELDA, di antaranya FELDA menggalakkan peneroka-peneroka sama ada secara koperasi ataupun secara perseorangan bergiat di dalam bidang perniagaan dan FELDA memberikan bantuan dari segi:

- (1) mengadakan kursus-kursus penggalakan usahawan;
- (2) mengadakan kursus-kursus simpan kira kepada peniaga-peniaga dan bakal-bakal peniaga.
- (3) mengadakan kursus-kursus kemahiran seperti di bidang mekanik, jahit-menjahit dan sebagainya.

Dan sekarang terdapat banyak koperasi peneroka-peneroka dan orang-orang perseorangan dari golongan peneroka yang menjalankan perniagaan dalam berbagai-

bagai bidang. Dalam hal ini usaha-usaha sedang dipertingkatkan untuk hendak mewujudkan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti tadi.

Mengenai dengan agama, saya sukalah memaklumkan di sini tidak berapa lama dulu Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telahpun mengeluarkan satu arahan mengenai perkara ini, iaitu satu daripadanya guru-guru agama yang akan mengajar dan sedang mengajar di rancangan-rancangan FELDA ini hendaklah mendapat tauliah daripada Jabatan Agama ataupun Majlis Ugama Islam di tiap-tiap negeri. Ini termasuk juga mereka yang akan memberikan syarahan-syarahan agama di tiap-tiap rancangan sama ada FELDA atau FELCRA yang ada rancangan penempatan seperti mana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Insyallah, kita harap dengan adanya arahan baru ini masalah-masalah sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti tadi akan dapat di atasi. Pihak FELDA dan pihak Kementerian memang mengambil perhatian berat mengenai perkara ini.

Mengenai jalan, bekalan air dan sebagainya, dari segi infrastruktur sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti tadi, perlu saya terangkan di sini FELDA sedang membincangkan dengan pihak Jabatan Kerjaraya untuk menubuhkan unit khas bekalan air seperti yang dilakukan ke atas pembinaan jalan-jalan yang mana sekarang telah ada tiga unit jalan-jalan FELDA iaitu di Temerloh, Bahau dan Keluang dan mungkin juga ada usaha-usaha untuk mendapatkan bekalan air dari bawah tanah (underground water) sebagaimana yang telahpun diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi, mengenai kedudukan masyarakat di FELDA, seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain supaya langkah-langkah diambil, janganlah masyarakat FELDA ini menganggap mereka ini terasing dari masyarakat di luar rancangan mereka. Ini seperti saya katakan tadi di peringkat awal untuk menentukan kejayaan rancangan-rancangan ini bagaimana kerenah dan kelakuan, perangai setengah-setengah peserta yang datang daripada berbagai-bagai

jenis, berbagai-bagai ragam kita terpaksa mengadakan peraturan-peraturan yang seakan-akan untuk hendak mengasingkan masyarakat FELDA ini sebagai satu masyarakat yang lain daripada masyarakat sekeliling. Begitu juga ada ditimbulkan masalah dari segi taraf hidup masyarakat FELDA telah mendapat taraf hidup yang agak baik jika dibandingkan dengan masyarakat di luar FELDA yang di kampung-kampung.

Jadi, dalam hal ini Kementerian dan juga pihak FELDA sedang mencari jalan dan sedang mengkaji bagaimana caranya langkah-langkah pendekatan antara pihak peneroka-peneroka FELDA dengan pihak yang bukan FELDA. Menerusi agensi-agensi yang ada di bawah Kementerian ini sama ada RISDA/FELCRA kajian-kajian sedang dibuat bagaimana caranya untuk hendak mengatasi keadaan ini supaya jarak tidak semakin berjauhan di antara golongan peneroka-peneroka FELDA dengan golongan yang bukan FELDA.

Saya mengakui sepertimana yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi kebanyakan pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung yang tua dan timbul masalah sekiranya untuk menjayakan rancangan penanaman semula walaupun seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi Kerajaan telahpun bersetuju untuk menaikan bantuan tanaman semula bagi mereka yang mempunyai kebun getah lebih daripada 10 ekar daripada \$900 kepada \$1,500 dan yang kurang, daripada 10 ekar ke bawah daripada \$1,200 kepada \$2,200. Ini memanglah disedari. Seperti mana saya katakan tadi, kertas-kertas kerja telahpun dibuat untuk hendak meninjau kembali masalah ini sama ada dari segi masalah bagaimana cara hendak membayar bantuan yang saya katakan tadi begitu juga untuk mengatasi masalah tenaga pekerja. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sendiri telah mengumumkan bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini, bukan sahaja di kalangan pekebun-pekebun kecil di bawah RISDA tetapi juga di rancangan-rancangan yang lain yang ada di bawah Kementerian ini. Sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian rancangan menanam semula ini bukanlah tujuan untuk menanam semula getah sahaja tetapi hendak

menanam semangat pembaharuan kepada pekebun-pekebun kecil kita. Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri akan membuat pengumuman mungkin pada tahun yang akan datang bagaimana cara untuk mengatasi keadaan ini yang mana kita harapkan bukan sahaja menanam semula getah yang lama itu tetapi juga bagaimana cara untuk hendak meningkatkan pendapatan mereka dan hendak menambahkan harta mereka supaya dapat dibuat pendekatan antara mereka ini dengan peneroka FELDA bagaimana yang saya perkatakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Hilir Perak mengenai dengan kelambatan mengambil Kuasa Kecil Hakmilik Tanah dan sebagainya. Hal ini sebagaimana kita maklum masalah tanah ini adalah masalah yang rumit bukan sahaja ini berlaku di Hilir Perak bahkan di seluruh negara. Kementerian saya akan mengambil perhatian mengenai perkara ini bagaimana cara hendak mengatasi masalah ini atau hendak mengurangkan kelambatan masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Hilir Perak.

Begitu juga perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik berkenaan dengan kelambatan membayar ganti rugi disebabkan kelambatan mengukur tanah dan menilai tanah.

Mengenai masalah anak-anak peneroka yang tidak berjaya menduduki pusat-pusat pengajian tinggi sebagaimana yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik itu, sebenarnya pihak FELDA telah juga mengatur berbagai-bagai rancangan untuk menghadapi masalah generasi, kedua, ketiga dan seterusnya selepas daripada peneroka yang ada pada hari ini. Ini telahpun dijawab—saya sendiri menjawab dalam salah satu soalan mulut yang ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat pada masa yang lalu.

Tuan Pengerusi: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Sedikit lagi. Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja yang dapat saya terangkan sebagai mengulas pandangan dan juga teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli

Yang Berhormat tadi dan sebagaimana telah saya katakan tadi teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya ulas di sini akan diambil tindakan, akan diambil perhatian dan saya harap juga bukanlah sahaja teguran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, bahkan di luar Dewan kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan-pandangan kepada pihak Kementerian kita akan mengambil perhatian.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan di bawah B. 65 sebanyak \$58,701,500 dan di bawah Kepala P. 65 sebanyak \$1,040,789,241 dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 1981 bagi Kementerian saya berjumlah keseluruhannya \$199,490,741 diluluskan oleh Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$58,701,500 untuk Maksud B. 65 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$58,701,500 untuk Maksud B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,040,789,241 yang disebutkan dalam Maksud P. 65 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,040,789,241 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya menca-dangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 Tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tuan Willian Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruang lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 4hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.10 malam.